

**DDEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 39

Isnin

25 Ogos 2008

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2008 (Halaman 27)

Rang Undang-undang Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2008 (Halaman 94)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 25 Ogos 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah program dan bantuan yang disediakan oleh pihak kementerian bagi membantu golongan muda menyertai sektor pertanian dan industri asas tani dan apakah bidang yang paling berpotensi pada masa kini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 11 buah jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjalankan pelbagai program bagi membantu golongan muda menyertai sektor pertanian dan industri asas tani seperti berikut:-

- (i) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan, telah melaksanakan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan khusus untuk golongan muda berumur di antara 18 tahun hingga 25 tahun. Latihan yang dijalankan adalah berasaskan kepada *National Occupational Skill Standard* atau Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan iaitu NOSS di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia bagi tahap 1, 2 dan 3 serta Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang tanaman, ternakan, akuakultur, perikanan tangkapan, pemprosesan hasil pertanian dan pemasaran;
- (ii) bagi program pengeluaran tanaman makanan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian pula, menawarkan projek-projek tanaman yang boleh disertai oleh golongan belia seperti projek tanaman ladang komersial, projek sayuran komersial, projek tanam semula kelapa dan projek komoditi berpotensi seperti cendawan dan *Roselle*;
- (iii) bagi Jabatan Pertanian juga turut menawarkan latihan inkubator usahawan tani selama 6 bulan di institut pertanian dan pusat

kecemerlangan bagi membimbing dan memberi pengalaman secara *hand on* di ladang kepada peserta projek;

- (iv) Jabatan Pertanian juga menawarkan kursus-kursus jangka pendek dalam bidang teknikal pengeluaran, keusahawanan, pengurusan kewangan, motivasi dan pemasaran di institut pertanian;
- (v) bagi menggalakkan pembangunan industri asas tani, Jabatan Pertanian memberi insentif-insentif dalam bentuk pembinaan premis pemprosesan baru dan naik taraf, peralatan, khidmat sokongan, promosi, kawalan mutu dan pembungkusan serta kursus teknikal jangka pendek dan latihan kemahiran selama 6 bulan di Pusat Bimbingan Usahawan;
- (vi) bagi jabatan agensi kementerian juga turut menawarkan program kerjasama bagi menggalakkan penglibatan belia di dalam sektor pertanian seperti Program Belia Tani Jepun yang merupakan kerjasama antara Jabatan Pertanian dan *Japan Agricultural Exchange Council* serta Program Kerjasama MARDI dengan Persatuan Usahawan Graduan Malaysia;
- (vii) Jabatan Perkhidmatan Veterinar ada menawarkan kursus-kursus ternakan dalam pelbagai bidang iaitu ruminan, *poultry*, industri hiliran dan teknologi pembiakan, yang boleh disertai oleh golongan muda yang berminat;
- (viii) bagi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia juga melaksanakan Program Pembangunan Masyarakat Nelayan untuk belia nelayan melalui Kumpulan Belia Nelayan yang ditubuhkan di peringkat Persatuan Nelayan Kawasan;
- (ix) satu lagi program yang boleh diikuti oleh golongan belia di dalam bidang perikanan adalah Program Pembangunan Nakhoda yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan;
- (x) di bawah LPP pula, tiga program turut melibatkan golongan muda iaitu Pembangunan Usahawan Peladang, Pembangunan Manusia Berasaskan Komoditi dan Pembangunan Unit Peladang;
- (xi) di bawah FAMA pula, ia adalah untuk membantu pemasaran dalam bidang pertanian khususnya dalam bidang perniagaan peruncitan dan pemborongan hasil-hasil pertanian; dan
- (xii) yang terakhirnya, agensi banyak Tuan Yang di-Pertua, iaitu Agro Bank. Ia telah melaksanakan Skim Usahawan Tani Komersial Siswazah semenjak tahun 2001 untuk siswazah yang berminat dan ingin menjadikan pertanian sebagai kerjaya sepenuh masa. Agro Bank telah

diperuntukkan sejumlah RM10 juta untuk melaksanakan skim ini di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada penjelasan tadi adalah jelas bahawa pertanian adalah perniagaan dan begitu banyak program dan bantuan yang disediakan oleh kementerian.

Soalnya, setakat manakah penglibatan golongan muda sehingga hari ini dan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian bagi menggalakkan golongan muda menyertai segala program yang disebutkan oleh pihak kementerian tadi? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Secara langsungnya, satu, ia harus bermula daripada minat belia itu sendiri dan mereka seharusnya tahu dari mana untuk mendapatkan segala maklumat.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang kita telah mengadakan pelbagai program ini dan boleh dikatakan ia telah menunjukkan satu minat yang begitu meningkat dari semasa ke semasa. Memang satu masa dahulu didapati belia kurang berminat. Akan tetapi sekarang ini Yang Berhormat, itulah Yang Berhormat kalau kami telah menjemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat datang ke MAHA yang telah berlangsung selama 12 hari.

Rata-ratanya Yang Berhormat, boleh dikatakan majoriti yang melibatkan diri di dalam MAHA itu oleh sebab mereka adalah golongan yang telah berada di dalam bidang pertanian, ternakan dan nelayan, rata-rata adalah belia. Mereka telah menunjukkan satu keupayaan yang begitu baik sekali dan kami sangat terharu sebenarnya dari segi penglibatan belia ini.

■1010

Untuk makluman, MAHA yang baru berlalu itu telah menunjukkan satu lagi rekod baru di dalam *Malaysia Book of Records*. Ini bukan main-main di mana penyertaan telah meningkat dari 2006 ke tahun ini iaitu kepada 1.3 juta pengunjung. Jualan untuk tahun 2006 adalah RM6 juta tetapi kali ini mencecah RM9.67 juta. Pesanan pula RM133 juta, pertanyaan dan perdagangan - 155,000 pertanyaan dan kita mengadakan juga seminar sebab ini adalah untuk menjawab soalan Yang Berhormat, kita mengadakan *walk-in seminar*, dengan izin. Ia disertai seramai 4,750 orang dan boleh dikatakan ramai majoriti daripada yang datang bertanya adalah golongan belia.

Kalau kita melihat dari segi apa yang siap sedia untuk digunakan oleh golongan belia sebenarnya bukan sahaja belia, pertanian ini sebenarnya untuk semua. Akan tetapi memang seperti Yang Berhormat bertanya ada satu program yang memang kita juga khusus kan untuk belia. Jadi, insya-Allah, kami rasakan dengan pelbagai pendedahan yang telah kita berikan melalui jabatan, melalui mereka yang berjaya, insya-Allah kita dapat menarik ramai lagi minat belia untuk menceburi bidang pertanian.

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Satu soalan yang akan saya kemukakan kepada Timbalan Menteri Pertanian iaitu mengenai dengan kita mengetahui dan saya akui memang banyak kursus yang dijalankan

oleh pihak kementerian, terutama sekali kalau kita perhatikan ruminan pertanian semua sekali. Sejauh mana yang saya tahu, keberkesanan iaitu pemantauan yang telah dilakukan tentang projek-projek tersebut. Umpamanya, apa yang telah saya perhatikan bahawa satu ketika dahulu, saya sendiri mengikuti kursus ruminan dan di masa sesi iaitu tentang pembiayaan, pihak bank mengatakan kita boleh dapat bantuan sebanyak RM250 ribu. Memang seronok, cukup seronok sungguh.

Seorang Ahli: Soalan?

Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: RM250 ribu. Jadi soalan saya sekarang ini, apa yang berlakunya iaitu apabila mereka pergi ke bank, iaitu anak saya pergi ke bank, mereka ada empat orang, jadi RM1 juta dia fikirkan dan kita buat program. Akan tetapi malangnya, soalnya iaitu bila pergi bank, bank kata hendak itu hendak ini, dia hendakkan 20% *cash* untuk mendapat bantuan tersebut. Alangkah sedihnya.

Jadi apa yang saya ingin kemukakan di sini, mengapakah pihak pertanian ini atau kursus ini tidak memberikan apakah pernyataan yang sebenarnya yang diperlukan untuk mendapatkan bantuan tersebut. Jadi saya mohonlah kepada pihak menteri menjelaskan kepada pihak peserta, apakah syarat-syarat yang kita ada. Jangan kita bagi satu keadaan yang begitu besar sekali, gah sekali, tetapi *in practicenya nothing*. Jadi saya hendak tahu, soalnya macam manakah dan berapa banyak orang yang telah dapat bantuan tadi? Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Berkobar-kobar itu menunjukkan minatlah, Yang Berhormat. Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat, memang saya tadi memulakan dengan satu minat. Bila minat, selepas itu latihan, betullah *step* itu memang sudah betul. Selepas itu saya telah memberitahu bahawa khasnya di bawah kementerian, iaitu Agro Bank. Kita menyediakan skim di bawah usahawan tani komersial siswazah kalau mereka terkategori di dalam kumpulan siswazah sebab pada satu masa dahulu pengangguran, mereka keluar daripada universiti begitu tinggi, jadi kita wujudkan satu skim ini. Kalau tidak, kita ada skim-skim lain.

Sebab itu Yang Berhormat, kalau dari segi bank tadi, Yang Berhormat kena memikirkan selain daripada Agro Bank, termasuklah Agro Bank. Bank ini ia hendak bayaran balik. Bank ini bermakna itulah modal dia untuk dia kutip balik. Jadi, Yang Berhormat, selain daripada ada teknikal, bermakna dari segi sudah berkursus dan sebagainya, sebab itu memang penting, mereka juga dari segi *feasibility* dan *viability* projek tersebut. Jadi sebab itu Yang Berhormat, selalunya bank ada ciri-ciri 4K:- –

- (i) kredibiliti peminjam;
- (ii) kapasiti dia untuk membayar balik;
- (iii) karakter; dan
- (iv) kewangan.

Yang Berhormat, sebenarnya 20% itu tadi dan sebagainya boleh dirunding semula. Khasnya di bawah skim usahawan atau siswazah ini, kadang-kadang kita ada satu pendekatan yang kita ambil dinamakan MOAE Cooperated di mana kita boleh kurangkan dari segi kolateral supaya yang penting bagi kami adalah usaha ini akan memberikan kejayaan kepada usahawan itu dan juga membayar balik kepada bank. Terima kasih.

[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Haji Roslan Shaharum (Bukit Gantang) tidak hadir]

3. Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan semua cukai perkhidmatan 5% yang dikenakan oleh pengusaha-pengusaha kepada pengguna dikutip oleh kerajaan dan adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan cukai tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, cukai perkhidmatan merupakan cukai penggunaan yang dibayar oleh pengguna. Syarikat hanya bertindak sebagai ejen kerajaan bagi mengutip cukai yang dikenakan. Kadarnya adalah 5% daripada nilai jualan dan bagi perkhidmatan tertentu, cukai hanya dikenakan apabila nilai jualan mencapai tahap tertentu yang ditetapkan iaitu *threshold*. Ini bermakna syarikat yang melibatkan diri dengan aktiviti perkhidmatan yang kena cukai atau nilai jualan ke atas sesuatu perkhidmatan mencapai *threshold*, ia perlulah dilesenkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

Langkah-langkah yang diambil untuk memastikan semua cukai perkhidmatan yang dikenakan kepada pengguna diserahkan kepada kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) melesenkan syarikat yang terlibat dengan perkhidmatan kena cukai;
- (ii) mengenakan penalti atau kompaun jika didapati melanggar syarat bagi pelesen; dan
- (iii) meningkatkan aktiviti penguatkuasaan seperti pasca auditan.

Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan cukai perkhidmatan memandangkan ianya adalah cukai penggunaan yang merupakan salah satu daripada sumber pendapatan kerajaan. Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan beban kewangan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana, di samping dapat mengurangkan kesan kenaikan harga barangan keperluan, kerajaan telah mengkaji semula *threshold* cukai perkhidmatan bagi restoran di luar hotel. Berkuat kuasa 1 Julai 2008, *threshold* bagi restoran di luar hotel telah dinaikkan daripada RM500 ribu kepada RM3 juta.

Di bawah peraturan baru ini, hanya restoran yang jualan harian mencecah RM8,333 sehari diwajibkan berlesen, dikenakan cukai perkhidmatan dan membayarnya kepada kerajaan. Dengan peningkatan *threshold* ini dapat membezakan dengan jelas di antara restoran berstatus kecil dan besar. Oleh itu terpulang kepada pengguna memilih sama ada menggunakan

perkhidmatan dari syarikat besar yang mengenakan cukai perkhidmatan atau syarikat kecil yang tidak mengenakan cukai perkhidmatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada menteri yang menjawab soalan saya dengan baik. Soalan tambahan saya ialah, yang pertama saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah membatalkan caj cukai perkhidmatan sebanyak 5% kepada restoran yang memperolehi nilai jualan kurang daripada RM3 juta setahun.

■1020

Soalan saya, apakah langkah penguatkuasaan dan bilangan yang telah diambil tindakan kepada syarikat yang mengenakan caj cukai perkhidmatan tetapi tidak menyerahkan kepada kerajaan kerana kita dapati ada pengusaha-pengusaha yang mengeluarkan pelbagai bil untuk mengelakkan cukai tersebut. Saya juga ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang mengkaji semula caj cukai perkhidmatan golongan profesional seperti akauntan awam, peguam, jurutera, arkitek, agen harta tanah dan perunding serta pengurusan yang tidak tertakluk kepada sistem *threshold* yang mengecualikan syarikat yang mengenakan caj had tertentu sebagaimana langkah yang telah diambil kepada pengusaha restoran. Sekian, terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Kutipan-kutipan cukai perkhidmatan itu ditentukan kepada pengusaha-pengusaha restoran yang dilesenkan. Mereka perlu membayar cukai perkhidmatan itu setiap sekali dalam tempoh dua bulan. Ini bermakna kalau cukai itu dikutip pada bulan Januari dan Februari mereka perlu membayar selewat-lewatnya sebelum 28 Mac selepas itu. Mereka yang tidak membayar kepada kerajaan selalunya dapat diaudit oleh Kastam. Setiap kali mereka menyampaikan laporan mereka perlu menyertakan bersama penyata jualan mereka. Jadi mereka tidak boleh lari daripada membayar. Mereka juga perlu mempamerkan lesen kutipan cukai perkhidmatan sebelum mereka boleh mula mengutip cukai perkhidmatan.

Bagi sektor profesional seperti mana yang ditanya oleh Yang Berhormat sebentar tadi iaitu akauntan, peguam, jurutera, arkitek, perunding dan sebagainya, *threshold* sebanyak RM150,000 itu telah dimansuhkan pada 1 Januari 2008. Oleh itu mereka tidak ada *threshold* lagi. Jadi, mereka yang di dalam profesion ini semuanya akan dikenakan cukai perkhidmatan. Bagi kes-kes yang diambil tindakan, saya minta maaf kerana pada masa sekarang saya tidak ada angka-angka tersebut dan saya akan jawab secara bertulis.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titivangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin mendapat penjelasan di sini, mengapakah bebanan cukai perkhidmatan 5% ini biasanya diturunkan sepenuhnya kepada pengguna iaitu pelanggan. Tidakkah ada satu peraturan untuk mewajibkan sekurang-kurangnya cukai perkhidmatan 5% ini dikongsi bersama antara pembekal perkhidmatan dengan pengguna? Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih, Yang Berhormat Titiwangsa. Sebenarnya, pihak pengusaha membayar cukai korporat. Jadi, cukai perkhidmatan ini dikenakan hanya ke atas pengguna sahaja dan pengusaha hanya bertindak sebagai agen mengutip bagi pihak kerajaan. Cukai perkhidmatan 5% itu hanya dibayar oleh pengguna dan tidak dikongsi oleh pengusaha. Sekian, terima kasih.

4. Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dan mengemukakan statistik tahanan-tahanan mengikut golongan etnik yang berada di penjara-penjara dan juga pusat-pusat tahanan di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Kawan yang mengemukakan pertanyaan pada pagi ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat empat kategori institusi pemulihan dan penahanan di bawah pengurusan Jabatan Penjara Malaysia iaitu penjara, pusat pemulihan akhlak, tempat tahanan perlindungan dan Sekolah Henry Gurney. Mengikut rekod Jabatan Penjara pada 4 Ogos 2008, jumlah keseluruhan penghuni yang sedang berada di semua institusi Jabatan Penjara di seluruh negara ini adalah seramai 39,961 orang. Daripada jumlah keseluruhan seramai 37,717 orang banduan yang sedang ditahan atau menjalani hukuman di 29 buah penjara, 14,057 orang adalah terdiri daripada kaum Melayu, 3,482 orang kaum Cina, 3,429 orang kaum India dan 1,742 orang kaum-kaum lain dan selebihnya seramai 15,007 adalah warga asing.

Seterusnya bagi tahanan yang sedang ditahan di pusat pemulihan akhlak pula iaitu di bawah Rang Undang-undang Pencegahan Ordinan Darurat dan juga Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Daripada jumlah keseluruhan seramai 1,763 orang, seramai 681 adalah terdiri daripada kaum Melayu, 508 orang kaum India, 344 orang kaum Cina, 76 orang kaum-kaum lain dan selebihnya seramai 154 orang melibatkan tahanan warga asing.

Bagi tahanan yang sedang ditahan di tempat tahanan perlindungan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, daripada jumlah keseluruhan seramai 64 orang, seramai 24 orang terdiri daripada kaum Melayu, tujuh orang kaum India, empat orang kaum Cina dan selebihnya seramai 33 orang merupakan tahanan warga asing. Manakala bagi penghuni di Sekolah Henry Gurney, daripada jumlah penghuni seramai 413 orang, 262 orang terdiri daripada kaum Melayu, 11 orang kaum Cina, 38 kaum India dan 91 orang kaum warga asing. Sekian, terima kasih.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Terima kasih kepada kementerian di atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, sejauh manakah kerajaan ini berjaya untuk memulihkan tahanan-tahanan di beberapa tempat ini dan bolehkah kementerian ini mengemukakan statistik-statistik tentang program pemulihan ini dan bagaimana mereka ini masuk dalam arus utama masyarakat. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Batu Kawan. Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini kerajaan memang amat berpuas hati dengan tugas yang dikendalikan oleh Jabatan Penjara. Pertama, apabila seseorang itu disabitkan dengan kesalahan dan dijatuhkan hukum oleh mahkamah, dimasukkan ke penjara, maka orang itu akan dikendalikan mengikut garis panduan dan peraturan-peraturan sebagai seorang banduan semasa dipenjarakan. Setakat ini segala program latihan pemulihan dan dijalankan dengan baik dan semua ini disediakan supaya seseorang banduan tidak mengira kaum dan sama ada warga asing atau tidak, selepas dibebaskan mereka ini akan selamat pulang ke pangkuan masyarakat. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kalau kita nampak di Sabah, penjara-penjara yang ada begitu sesak sekali sehinggakan dalam satu kamar seramai 20 orang yang tinggal. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk membina penjara-penjara baru yang lebih selesa kerana walaupun mereka ini penjenayah tetapi kita harus menjaga kebajikan mereka juga. Adakah rancangan kerajaan untuk membina penjara-penjara baru di seluruh negeri Sabah. Terima kasih.

■1030

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Kerajaan memang menyedari bahawa kesesakan sedang berlaku di semua penjara di negara kita. Walaupun kita mempunyai setakat ini 29 buah penjara, dan begitu ramai penghuni, melebihi 31,000, maka di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kerajaan mempunyai hasrat ataupun telah pun mempunyai perancangan untuk membina enam hingga sembilan buah penjara baru di seluruh negara.

Sebagai satu langkah untuk mengurangkan kesesakan ialah kita boleh buat pindaan jika penghuni di Sabah begitu sesak sekali, maka beberapa peratus penghuni akan dipindahkan ke Semenanjung. Melalui cara inilah kita dapat mengurangkan kesesakan. Selain daripada itu, langkah-langkah lain juga telah pun diterima pakai, iaitu melalui program parol pun kita telah pun membebaskan 111 orang dalam tahun ini sahaja.

Selain daripada itu juga, kita akan minta dan sedang berunding dengan Jabatan AG's Chambers supaya kita dapat mengurangkan penghuni-penghuni di bawah reman supaya kes-kes mereka ini dapat dipercepatkan atau pun jaminan-jaminan bukan diikat jamin dapat diguna, dipakai supaya mereka ini dapat keluar dari penjara. Sekian terima kasih.

5. **Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]** minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah tanah wakaf yang terdapat di seluruh negara dan pecahan mengikut negeri. Apakah cadangan kerajaan untuk memajukan tanah-tanah wakaf ini untuk memberikan pulangan ekonomi atau digunakan untuk tanaman makanan atau biofuel.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia dan juga Yang Berhormat Bukit Katil, berdasarkan rekod Jauhar sehingga 31 Mac 2008, keluasan tanah wakaf seluruh negara ialah 9,906.14 hektar. Manakala pecahan tanah wakaf mengikut negeri ialah negeri Johor - 3,738, Kedah - 448, Kelantan - 129, Melaka - 1,431, Negeri Sembilan - 8.73, Pahang - 723, Perak - 2,683, Perlis - 17, Pulau Pinang-546, Sabah - 20, Sarawak - 10, Selangor - 19, Terengganu - 125, dan Wilayah Persekutuan - 1.87 hektar yang membawa jumlah 9,906 hektar.

Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM256.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi memaju dan membangunkan tanah-tanah wakaf di seluruh negara. Sebahagian peruntukan digunakan untuk memberi pulangan ekonomi seperti pembinaan hotel dan ruang perniagaan manakala sebahagian lagi untuk pembangunan sosial yang tidak bermatlamatkan keuntungan.

Setakat ini, kerajaan belum bercadang untuk memajukan tanah-tanah wakaf untuk tanaman makanan atau pun biofuel. Terima kasih.

Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]: Tuan Yang di-Pertua, tanah wakaf merupakan sebahagian daripada aset kepada masyarakat Islam. Oleh itu, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, berapa banyakkah tanah wakaf yang tidak berdaya maju daripada jumlah yang dimaklumkan tadi, atau pun yang berhalangan untuk dimajukan. Apakah faktor-faktor yang menghalang kemajuan bagi tanah tersebut dan bagaimana cara untuk mengatasinya, terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Kalau kita melihat kepada jumlah keseluruhan yang disebut tadi sebanyak 9,906 hektar, sebanyak 70.85 hektar sahaja yang telah dimajukan, yakni lebih kurang 0.72%, tak sampai pun 1%. Sebenarnya, banyak halangan yang terpaksa dihadapi oleh pihak Jauhar dalam membangunkan tanah wakaf ini. Antaranya ialah modal kewangan itu sendiri dan juga data bank, hartanah wakaf tidak lengkap, kekurangan tenaga kerja dan juga pakar, dan kadang-kadang tanah wakaf yang diwakafkan itu tidak strategik sama ada dari segi lokasi, saiz dan mahupun keadaan. Jadi, keadaan ini menyebabkan tanah-tanah wakaf ini tidak dapat dibangunkan, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya, tanah-tanah wakaf ini jika dimajukan dengan menggunakan tenaga swasta, atau pun kewangan swasta, mungkin tanah wakaf ini akan terlepas atau pun bertukar tangan kepada orang lain. Adakah pihak kementerian mengadakan

syarat-syarat yang standard untuk seluruh tanah-tanah wakaf ini yang hendak dimajukan supaya ianya tidak bertukar tangan kemudian nanti. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sebenarnya saya bersetuju bila kita menyebut bahawa sekiranya diserahkan kepada syarikat-syarikat swasta. Mungkin akan terlepas tangan. Atas dasar inilah maka kerajaan dengan kerjasama daripada Majlis Agama Islam Negeri telah menubuhkan Yayasan Wakaf Malaysia yang akan mengambil alih tugas-tugas ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, keadaan ini mungkin tidak berlaku kerana dalam Akta Tanah, telah menyebut bahawa pemegang amanah tunggal wakaf di setiap negeri ini adalah Majlis Agama Islam Negeri. Jadi, hal ini mungkin menyelamatkan kita daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Begitu juga kalau kita lihat dari segi wakaf ini Yang Berhormat, ada dua jenis wakaf yang perlu kita ambil kira. Satu, wakaf am, dan yang keduanya wakaf khas.

Kalau sekiranya wakaf ini adalah wakaf khas yang menyebut bahawa dalam wakaf ini hanya untuk wakaf masjid sahaja, atau pun wakaf ini hanya untuk tanah kubur sahaja atau pun wakaf ini untuk madrasah, jadi tanah ini tidak boleh digunakan untuk pembangunan-pembangunan yang lain yang menjadi kesukaran dan juga halangan bagi kita untuk meneruskannya. Terima kasih.

6. Tuan Haji Muhsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki sistem pengairan dan saliran yang tidak terurus dengan sempurna; dan
- (b) adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menggantikan sistem palong dan parit yang sedia ada dengan sistem saluran paip.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Bahagian Pengairan Dan Saliran Pertanian telah memberi peruntukan memperbaiki dan membaik pulih sistem pengairan dan saliran yang tidak sempurna atau rosak untuk skim pengairan yang terletak di kawasan jelapang padi, atau di luar jelapang padi dengan menggunakan peruntukan peningkatan hasil padi.

Bagi kerja-kerja penambahbaikan sistem pengairan, adalah dijalankan dari semasa ke semasa. Sistem paip hanya sesuai untuk kawasan yang menggunakan sistem pam sahaja. Manakala mana-mana kaedah lain termasuk kaedah palong jika hendak digunakan perlulah melihat kesesuaian kawasan tersebut dan kos efektifnya terima kasih.

Tuan Haji Muhsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai]: Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah mengenai sistem perparitan ini, iaitu dalam perjalanan saya

daripada Bagan Serai, Telok Intan, Sungai Manik, Sungai Besar, Sekinchan, Tanjung Karang, saya sedih melihat keadaan parit-parit atau tali air yang begitu daif dan dipenuhi dengan rumput.

Apa yang kita perhatikan bahawa, kita memang mengetahui perparitan ini adalah merupakan satu sistem yang paling penting kepada pertanian. Kalau dululah, kita ingatkan bahawa petani-petani ini menggunakan parit-parit ini untuk mendapatkan satu tambahan rezeki kepada mereka iaitu melalui ikan dengan memasang pukot, tempirai, bubu, jala, dan lain-lain. Akan tetapi, pada masa kini kita dapati bahawa perkara ini tak dapat lagi dilakukan oleh mereka.

Jadi, apa yang saya sedih sangat kita dapati parit-parit ini penuh dengan keladi bunting dan rumput-rumput yang lain. Adakah satu sistem, satu cara di mana kita hendakkan parit-parit ini diperbaiki dan janganlah dibahagikan kontrak membersihkan parit dengan menggunakan racun.

Apa yang saya dapati sekarang ini, kebanyakan kontraktor menggunakan racun dan bukannya diangkat segala rumput-rumput. Jadi, dengan kata lain, apakah rancangan kementerian untuk memastikan parit-parit tadi dibersihkan dengan angkat kaut semua sekali. Jangan lagi pakai racun. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, kami juga memang mengambil berat tentang parit dan tali air, dan kita semua tahu bidang pertanian ini memerlukan air khasnya padi. Jadi, oleh yang demikian, Yang Berhormat, seperti yang saya katakan, memanglah kita mencuba sedaya upaya dan terima kasihlah Yang Berhormat, *observation* Yang Berhormat itu akan kami ambil maklum. Yang Berhormat, saya mengetahui, bahawa dia mengorek untuk kita menyelenggara tapi terima kasihlah *observation* Yang Berhormat ini kita kan ambil maklum sebab kita faham Yang Berhormat, kawasan begitu luas, mungkin ada satu dua yang terjadi macam itu. Itu kita tidak nafikan.

■1040

Kita memberi satu peruntukan yang begitu besar termasuk juga di dalam Dasar Jaminan Makanan di mana kita telah memberikan di dalam jela pang. Di dalam tahun ini, di dalam jela pang kita menyediakan RM50 juta untuk kos pembangunan infrastruktur, pengairan dan saliran dan insya-Allah tahun depan RM173 juta, dan tahun 2010 kita mengagihkan RM155 juta. Untuk di luar jela pang pun kita tidak ketinggalan juga untuk mengagihkan peruntukan iaitu bagi tahun 2008 iaitu RM100 juta, tahun 2009 iaitu RM421.5 juta, di dalam tahun 2010 iaitu RM483.26 juta untuk kita mengadakan kos pembangunan infrastruktur.

Di samping itu Yang Berhormat, kita juga ada menyediakan peruntukan untuk menyelenggara dari semasa ke semasa iaitu kos operasi dan penyelenggaraan bagi di dalam jela pang kita menyediakan RM65 juta bagi tahun ini, tahun depan RM100 juta dan tahun 2010 - RM100 juta. Manakala untuk di luar jela pang bagi menyelenggara sahaja iaitu pada tahun ini RM28 juta, tahun depan RM90 juta dan tahun 2010 - RM90 juta. Insya-Allah Yang Berhormat, kita dari semasa ke semasa juga mencari kaedah yang terbaik untuk kita memastikan bahawa

kawasan ini sentiasa kita jaga supaya perparitan ini betul-betul memberi manfaat khasnya untuk meningkatkan hasil padi.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang kita lihat kini banyak parit dan tali air ini tidak di jaga dengan betul ataupun dibiarkan, ditinggalkan terutama di kawasan-kawasan yang luar jelapang. Jadi, di bawah Skim Jaminan Makanan ini dan sejauh mana pihak kerajaan betul-betul memastikan parit-parit dan tali air ini dijaga ataupun di selenggara kembali agar tanah-tanah yang di sekelilingnya dapat diusahakan semula? Selain itu, sejauh mana pendidikan diberi kepada para petani ataupun pengusaha tanah yang berada di sekitar kawasan tersebut agar dapat mengusahakan balik tanah mereka di bawah Skim Jaminan Bekalan Makanan dan parit itu di selenggara bukan sahaja oleh pihak kerajaan tetapi juga pihak petani sendiri? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, sebab itu yang saya katakan tadi selain daripada kita menyediakan peruntukan yang besar di mana saya juga memang maklum bahawa mana-mana peruntukan memanglah tidak mencukupi sepenuhnya. Akan tetapi, kita menyediakan peruntukan ini supaya ia diteruskan dari semasa ke semasa dan untuk makluman kos-kos operasi ini telah juga meningkat dari tahun ke tahun. Dari itu sebagai contoh, bagi tahun ini anggaran kos menyelenggara tali air, parit, 'desalting', struktur-struktur pam, rumah-rumah pam dan juga jalan ladang kita anggarkan dalam RM250 sehektar dan bagi tahun depan kita rasakan sehingga tahun 2010 ianya meningkat kepada RM450 sehektar.

Insyallah seperti Yang Berhormat katakan bahawa satu dari segi bahawa kita harus sentiasa memantau dan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pada masa yang sama kita akan membina semula bagi pam-pam atau tali air-tali air yang sudah tidak dapat berfungsi dengan baik. Pada masa yang sama Yang Berhormat, banyak juga kejadian bahawa tanah-tanah ini sekarang ini sudah ditukar daripada sawah menjadi yang lain seperti infrastruktur, jalan, bangunan dan sebagainya.

Ada juga disyorkan bahawa tanah ini digazet supaya tidak ada pembangunan lain selain daripada sawah yang seharusnya dijalankan di tanah-tanah tersebut, sebab ini juga menjadi satu daripada faktor. Di mana kadang-kadang mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat kalau lalu melihat macam terbiar. Akan tetapi pada masa yang sama tanah-tanah itu sudah bertukar status ia bukan lagi jelapang tetapi telah menjadi yang lain iaitu seperti bangunan. Kadang-kadang Yang Berhormat kalau tengok mungkin di Kelantan dan sebagainya, ada yang telah menjadi satu tapak untuk *hypermarket* yang besar sebagai contoh.

Jadi, pada masa yang sama Yang Berhormat terima kasih atas saranan Yang Berhormat tadi supaya petani juga harus menjalankan tugas untuk sama-sama, merekalah yang terbaik untuk memantau dan juga menyelenggara. Oleh yang demikian, di bawah program-program kita

di dalam bidang pertanian, kita juga hendak memperkasakan supaya petani atau pesawah itu sendiri menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan supaya mereka yang harus mengambil berat dari segi jelapang atau saluran dan tali air yang ada.

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada itu kita ada satu *break through* sebenarnya iaitu kita telah mendapat satu kaedah penanaman padi secara mengguna angin iaitu dinamakan 'aerob namanya pelik sikit iaitu hasilnya akan dinamakan padi aerobik iaitu kita menggunakan satu sistem di mana kita mengguna bantuan angin dan kita tidak memerlukan air seperti yang secara tradisi yang menggunakan banyak air. Sebab itu Yang Berhormat, saya kata saya galak Yang Berhormat datang ke MAHA itu semua ditunjuk dalam MAHA, terima kasih.

7. Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah jumlah pelaburan kerajaan kepada Syarikat Silterra (di bawah Syarikat Khazanah) sejak penubuhan syarikat tersebut. Apakah keuntungan selepas cukai dari tahun 2004 hingga 2007 yang dicapai oleh syarikat tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat jumlah pelaburan Khazanah Nasional Berhad dalam Silterra Malaysia Berhad sejak penubuhan syarikat tersebut pada tahun 1995 adalah sebanyak RM5,140 juta. Dari segi prestasi, dari tahun 2004 hingga tahun 2007 Silterra telah mengalami kerugian selepas cukai iaitu tahun 2004 sebanyak RM902 juta, tahun 2005 sebanyak RM892, tahun 2006 sebanyak RM645 juta, tahun 2007 sebanyak RM1,119 juta. Terima kasih.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih kepada jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin minta penjelasan atau bertanya apakah rancangan Khazanah untuk memastikan pelaburan yang telah dilaburkan kepada Silterra ini mendapat pulangan balik serta kerugian yang telah dialami ini amat banyak.

Apakah rancangan untuk memastikan Silterra yang memerlukan pelaburan yang tinggi mencapai keuntungan, kerana pada November 2007 Silterra telah mengumumkan bahawa mereka memerlukan lebih banyak pelaburan iaitu 8.5 bilion? Apakah rancangan kerajaan untuk menyelamatkan syarikat ini? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita melihat dari segi untuk memperkukuhkan syarikat ini ada dua aspek. Satu dari segi operasi dan satu dari segi kewangan. Dari segi operasi, apa yang berlaku ialah skala pengeluaran dan jualan Silterra adalah kecil iaitu 30,000 dipanggil *wafers start per month* (WSPM) yang perlu ditingkatkan.

Apa yang dilakukan oleh Silterra dalam konteks ini ada dua perkara. Satu, hasilkan produk yang lebih berteknologi tinggi iaitu 0.13 mikron dan yang lebih kecil lagi yang sekarang diperlukan oleh pasaran. Kalau kita lihat dari segi *handphone* makin lama makin kecil ini sedang dibuat oleh Silterra untuk tujuan itu ia perlu untuk mengadakan *partnership* dan *partnership* ini sedang proses untuk diperolehi. Ada syarikat-syarikat daripada negara China dan kita lihat dari

segi di US dan Eropah berlaku pemindahan kilang-kilang dalam industri ini dan pihak Silterra sedang melihat peluang-peluang tersebut.

Dari segi kewangan Tuan Yang di-Pertua, saya lihat bahawa kerugian besar yang dialami oleh Silterra pada tahun 2007 dan sebelumnya adalah berpunca daripada *depreciation* dan juga dari segi aset yang dengan izin *write-off*. Ini berjumlah sebanyak RM989 juta.

■ 1050

Apa yang dilakukan apabila ada *write off* nanti, *depreciation* syarikat tersebut akan kurang. Umpamanya dari tahun 2006 sebanyak RM560 juta. Keuntungan itu disedut oleh *non monetary*... Ini dari segi *accounting* dia perlukan untuk buat pekerjaan tersebut tetapi bukannya kerugian dari segi operasi. Pada tahun 2007, RM368 juta, bermakna apabila berlaku *write off* dari segi aset syarikat tersebut, pada masa akan datang *depreciation* syarikat tersebut akan kurang, maka impak ke atas kewangan ataupun keuntungan operasi itu akan berkurangan. Jadi saya percaya melalui proses yang dijalankan itu Silterra akan berada pada landasan yang betul, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Berapa tahun lagilah yang Khazanah hendak untuk memberi sokongan, dokongan kepada Silterra ini? 20 tahun lagi? Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kita ada Menteri Kewangan banyakkah di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Dia jawab tidak berdiri, jadi tidak sahlah itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan berdiri baru boleh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya ingat Yang Berhormat Padang Rengas ini mengenai pentadbiran Parlimen saja. Tapi hendak naikkan taraf kepada kewangan pula. Tuan Yang di-Pertua, bukankah dasar pihak Khazanah untuk melepaskan, *divest*kan itu pelaburannya daripada syarikat-syarikat ini. Di sini pihak kementerian mesti memberi tahu kepada Dewan yang mulia ini apakah dasar yang baru untuk menanggung seperti yang *sophisticated* ini, *wafer* ini dia *depreciate* dan sebagainya dan nampaknya pihak kementerian itu tidak cukup kepakaran untuk mengendali hal seperti ini.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, dari segi Khazanah dia mempunyai *choice* sama ada hendak meneruskan atau *divest* seterusnya. jadi apa yang berlaku sekarang ini sekiranya ini tidak diteruskan, Silterra juga menjadi pemangkin kepada industri *wafer* di Kulim jadi ini akan menjejaskan industri tersebut. Apa yang berlaku sebenarnya saya nyatakan tadi Khazanah dalam proses untuk memperkukuhkan perniagaan tersebut. Tapi di samping itu Khazanah juga mencari *partner* supaya dapat memperluaskan pasaran. Tadi saya menyatakan bahawa masalah syarikat ini adalah dari segi pengeluaran skalanya tidak sebesar mana. Jadi skala itu perlu dibesarkan. Kalau sekarang RM30 ribu *wafer start per month* dia perlu sekurang-kurangnya RM100 ribu. Jadi dengan adanya *partnership* ini nanti saya yakin keperluan dan sasaran pihak Khazanah akan tercapai.

8. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab Akta Penubuhan 1966 tidak ada peruntukan untuk mengendalikan isu ahli-ahli palsu dalam parti-parti politik yang kadang-kala berlaku dan bilakah ia akan dipinda untuk merangkumi peruntukan untuk menghukum terhadap mereka yang bertanggungjawab dalam kerja-kerja pemalsuan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Cheras yang mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Dalam Negeri sedar dan mengakui bahawa tidak ada peruntukan khas untuk mengendalikan isu ahli-ahli palsu terutamanya di mana dalam parti-parti politik. Namun demikian perhatian Ahli Yang Berhormat adalah diminta merujuk kepada seksyen 18 (a), 18 (b), dan 18 (c) Akta Pertubuhan 1966 di mana terdapat peruntukan yang boleh diguna pakai khusus untuk parti-parti politik. Peruntukan bagi ketiga-tiga seksyen yang disebutkan di atas adalah untuk memaklumkan kepada pemakaian bahagian satu dan tiga peruntukan-peruntukan yang digunakan pakai dalam Akta Pertubuhan. Hal keadaan yang tidak menjadikan sesuatu pemilihan tidak sah dan juga keputusan parti politik adalah muktamad dan konklusif. Tuan Yang di-Pertua, Akta Pertubuhan 1966 ini telah dikuatkuasakan semenjak 1 Februari 1966.

Bertujuan untuk mengawal pertubuhan-pertubuhan berdaftar termasuk parti-parti politik di negara ini agar bergerak sejajar dengan matlamat atau objektif penubuhannya serta tidak digunakan bagi maksud yang bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam serta akhlak. Dalam memastikan objektif sesuatu pertubuhan tidak digunakan untuk maksud yang bertentangan, perlembagaan setiap pertubuhan termasuk parti-parti politik disyaratkan mengandungi objektif dan syarat-syarat keahlian yang memerlukan kelulusan pendaftar pertubuhan terlebih dahulu sebelum ianya boleh dilaksanakan ataupun diguna pakai. Tanggungjawab ini jelas termaktub di bawah seksyen 14 dan seksyen 15 Akta Pertubuhan 1966. Ini adalah salah satu peruntukan yang boleh diguna pakai di dalam akta tersebut bagi menangani masalah ahli-ahli palsu secara tidak langsung. Seksyen 14 akta tersebut juga menyatakan kewajipan sesuatu pertubuhan yang berdaftar perlu mengemukakan satu senarai yang benar dan lengkap setiap tahun mengenai pemegang jawatan dan bilangan anggota-anggota pertubuhan.

Manakala seksyen 15 akta ini menyatakan orang-orang yang bertanggungjawab perlu memberi maklumat bagi pertubuhan-pertubuhan berdaftar. Kegagalan pertubuhan untuk mematuhi seksyen-seksyen ini boleh membawa kepada tindakan pembatalan pendaftaran pertubuhan manakala pemegang-pemegang jawatan serta bekas pemegang jawatan juga boleh dikenakan denda jika disabit kesalahan. Sehubungan itu Tuan Yang di-Pertua kementerian ini berpendapat undang-undang sedia ada sudah memadai untuk mengawal masalah timbulnya ahli-ahli palsu dalam sesuatu pertubuhan termasuk parti-parti politik. Sungguhpun demikian untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian ini sedang dalam tindakan mengkaji dan menyemak

semula Akta Pertubuhan 1966 supaya selaras dengan kehendak semasa. Kajian ini dijangka dapat diselesaikan dalam tahun 2010. Sekian, terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Keahlian sesebuah parti politik mestilah secara sukarela. Tetapi apa yang berlaku dalam negara ini begitu ramai orang awam telah menjadi ahli-ahli sesebuah parti politik. Parti politik iaitu parti komponen Barisan Nasional tanpa pengetahuan dan persetujuan mereka. Ini adalah satu fakta dan hakikat. Parti MCA, parti Yang Berhormat Timbalan Menteri itu yang paling serius. Mereka boleh kata mereka ada melebihi satu juta ahli tetapi kemungkinan ahli-ahli yang tulen tidak sampai seratus ribu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: DAP tidak ada masalah yang sama ke? Jangan tuduh kerajaan sahaja!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, ini perkara yang sangat serius kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata akta itu tidak ada peruntukan dan kerajaan belum bercadang walaupun ada usaha untuk meminda akta, beliau tidak kata ada cadangan untuk memberikan peruntukan bagi menyelesaikan masalah ini kerana ini satu hak asasi orang awam dicabuli tetapi mereka yang terpedaya menjadi ahli-ahli *phantom* parti-parti politik tidak ada ruang untuk pembelaan. Ini adalah bertentangan dengan prinsip demokrasi. Ini satu perkara yang cukup serius. Sebab dalam kawasan saya misalnya Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: DAP pun parti *son and the baby*.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ini yang saya suka sebut "kebenaran menyakitkan".

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Di kawasan Parlimen Cheras Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, hampir separuh keahliannya adalah ahli-ahli *phantom*. Siapa pun tahulah mengapa....

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:mengapa kejadian ini kerana pemimpin-pemimpin MCA, pemimpin UMNO dan sebagainya...

■ 1100

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Ini sangkaan jahat ini, sangkaan jahat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Membuat sesuatu yang jahat untuk memperkukuhkan kedudukan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apalah Yang Berhormat, soalan?

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]: Soalan, soalan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Presiden MCA ada di sini. Adakah berani beliau tidak bersetuju?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *MCA is none of your business, man!*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolonglah tanya soalan tambahan itu, Yang Berhormat Cheras.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Eh, *this is* hak rakyat *and* hak asasi.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Eh, dia punya pasal la.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Orang awam terpedaya, ditipu!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Cheras!

Seorang Ahli: Soalan!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Cheras!

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Mana sudah soalan tambahan Ahli dari Cheras?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Inilah sikap samseng mereka. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Cheras.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Membela rakyat, apa yang terjadi sekarang?

Seorang Ahli: Samseng kita dia nampak.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Cheras, Ahli Yang Berhormat Cheras! Ahli Yang Berhormat, dalam sesi soal jawab, jangan timbulkan situasi untuk berbahas!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ya, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah mengapakah pihak kerajaan selama ini tidak mementingkan perkara ini demi kepentingan orang ramai? Mengapakah tidak mengambil tindakan untuk memperbetulkan situasi ini tetapi memilih untuk merestui amalan yang jahat itu!

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Amalan rasuah!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ... dan saya ingin tahu memang ada aduan-aduan yang dikemukakan kepada kementerian dan berdaftar kepada pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri, sila jawab.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Amalan seks, rasuah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Cheras, Yang Berhormat Cheras! Saya....

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Apakah tindakan selama ini diambil terhadap aduan-aduan yang dikemukakan oleh ...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Apa, rasuah itu Perak ke?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Jadi mangsa, jadi ahli-ahli *phantom* parti-parti politik khasnya MCA! Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila menteri jawab. Sila menteri jawab. Ahli Yang Berhormat, janganlah begitu Ahli Yang Berhormat. Kalau tanya soalan itu terus kepada *point*.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya faham tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Lain kali kalau ada Ahli Yang Berhormat buat begini, saya tidak teragak-agak untuk mengeluarkan Ahli Yang Berhormat. Siapa sahaja. [*Dewan tepuk*]

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Teguran Tuan Yang di-Pertua amat tepat sekali pada pagi ini. [*Tepuk*] Ini kerana kita tahu Ahli Parlimen pembangkang ini memang suka mendakwa macam-macam sedangkan tidak berasas. Biarlah, biar saya jawab kan soalan ini.

Yang pertamanya, bila kita sebut tentang ahli-ahli palsu ataupun ahli-ahli *phantom* ini, dia ini bukan semesti benarnya. Ada setengah-setengah pihak kalau mereka ini mempunyai agenda politik dalam sesebuah parti termasuk dengan DAP, mereka ini akan mengemukakan kemungkinan ada ahli-ahli *phantom*. Ahli-ahli *phantom* ini kemungkinan wujud di semua parti-parti politik termasuklah DAP. Oleh kerana pihak DAP tidak begitu demokratik, tidak berani bersuara sedangkan parti lain, mereka ini lebih demokratik, memberi peluang kepada ahli-ahli untuk mengesahkan sama ada mereka ini betul-betul menjadi ahli parti-parti politik berkenaan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua, ini berbahas juga.

Dato' Chor Chee Heung: Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Menjawab, menjawab. Berbahas ke menjawab?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Buat masa ini, seksyen 14 dan seksyen 15 dalam Akta Pertubuhan cukup memadai. Pada setiap tahun, kita memang memerlukan supaya parti-parti politik termasuklah cawangan-cawangan itu harus memberikan satu pernyataan yang lengkap dan mengikut peruntukan di dalam Akta Pertubuhan, jika itu berlakunya dan jika pendaftar berpuas hati, maka ianya akan diterima. Yang Berhormat itu memang memberikan dakwaan, saya tidak boleh terima. Ini cuma pandangan seseorang Ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang sahaja.

Daripada segi semakan ini, kita sedang menyemak macam / kata tadi dan kita akan melihat daripada keseluruhannya sama ada seksyen 14 dan seksyen 15 ini memadai atau tidak. Kalau memadai, kita tidak masuklah. Kalau tidak memadai, mengikut peredaran masa, kita akan *update* juga. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tan Sri Pengerusi. Eh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Soalan!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalan, apa pandangan kementerian kepada kepalsuan perjuangan politik seseorang seperti calon PKR di Permatang Pauh?

Seorang Ahli: Betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dulu, selama berbelas-belas tahun menghentam, memfitnah, mengata, mencerca, memaki hamun PAS.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Keluar tajuk, keluar tajuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...tetapi sekarang, sekarang mohon belas kasihan orang-orang PAS. Satu pemalsuan dalam perjuangan!

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Keluar tajuklah, keluar tajuk.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tak berkaitan dengan soalan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini berbahas Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: dan saya harap orang-orang PAS di Permatang Pauh...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ini bukan Permatang Pauh ini!

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Parlimen, Parlimen.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... jangan sokong orang yang palsu dalam perjuangan ini! Berbelas-belas tahun hentam orang PAS, maki orang PAS, musuh dengan...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Menyampuk]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh berucap di Permatang Pauhlah, boleh berucap di Permatang Pauh. Bukan di sini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: calon PKR di Permatang Pauh! Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tak payah jawab!

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat.

Seorang Ahli Pembangkang: Tak berkaitanlah. Duduk, duduk.

Dato' Chor Chee Heung: Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, benar sekali. Ini adalah tingkah laku seseorang pemimpin pembangkang. Bukan setakat ini saja, belas-belas tahun yang dulu pun macam itu juga. Sampai bila-bila mereka ini tidak berubah sikapnya. Saya harap sebagai jawapan dalam Parlimen ini, pengundi-pengundi di Permatang Pauh jangan tertipu oleh pembangkang! Terima kasih. *[Tepuk meja]*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, jangan tertipu oleh pembangkang.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Kempen sampai sini ke? Kempen sampai Parlimen ke?

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titivangsa]: Kempen dekat Permatang Pauh saja.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: ...siapa yang berbahas mesti dikeluarkan daripada Dewan.

Seorang Ahli Pembangkang: Kalau nak berkempen, pergi Permatang Pauh.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Soalan lain, soalan lain Speaker. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Cheras, duduk. Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk. Yang Berhormat, Yang Berhormat Cheras, duduk. Duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan dengar apa saja hujah daripada Yang Berhormat tetapi kalau Ahli Yang Berhormat sendiri timbulkan situasi untuk provokasi di antara satu sama lain, inilah jadinya. Kalau sudah berani menghentam, mesti bersedia untuk dihentam balik. *[Dewan riuh]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tapi Tan Sri Speaker...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kesabaran itu mesti tinggi. Sudah, sudah Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Ding Kuong Hiing, sila kemukakan soalan.

9. Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah kementerian bercadang untuk memberi subsidi minyak kepada pengusaha pengangkutan lori seperti yang dinikmati oleh pengusaha teksi berikutan kenaikan harga minyak dan barangan. Jika ada, nyatakan jumlah cadangan. Jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Sarikei.

Di bawah Skim Kawalan Diesel Subsidi ataupun SKDS atau *fleet card* yang diperkenalkan pada Mac 2006, terdapat 20 kategori kenderaan yang mendapat diesel bersubsidi pada kadar RM1.43 seliter. Kenderaan barangan ataupun lori adalah termasuk di dalam kategori ini. Sehingga kini kementerian ini telah meluluskan sebanyak 195,577 buah lori dengan pemberian kuota sebanyak 342,688, 170 liter. Itu saja.

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah pihak kementerian bercadang mengurangkan jumlah pemberian subsidi tersebut berikutan penurunan harga minyak baru-baru ini.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat. Buat sekarang ini belum lagi ada cadangan tetapi saya akan dapatkan maklumat sekiranya ada perubahan subsidi selepas penurunan harga minyak. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menanya, kenapakah kerajaan beza-bezakan pengangkutan lori yang diberikan subsidi minyak. Difahamkan lori *dipper* tidak diberikan subsidi berkenaan, padahal lori-lori *dipper* ini juga menolong dalam mengangkut barang-barang terutamanya tanah untuk pembangunan ataupun dalam pembangunan yang begitu penting untuk negara.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Soalan ini ialah untuk mengapa sesetengah lori yang tidak dibagi subsidi sedangkan *function* dia ataupun peranan dia adalah juga untuk pembangunan.

Yang Berhormat Beruas, pihak kementerian memang ada satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Harga dan Bekalan Subsidi. Buat masa sekarang ini belum ada masuk yang ini, mungkin oleh kerana yang diberi subsidi ini ialah yang disebutkan *prime movers*, yang disebutkan mengangkat barang-barang makanan ataupun barang keperluan bagi rakyat yang diutamakan. Sekian, terima kasih.

■ 1110

10. **Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah pembantu rumah asing mengikut negara asal mereka yang bekerja di negara ini dan adakah kerajaan bercadang mewujudkan akta-akta bertujuan mengawal selia serta menjaga kepentingan dan kebajikan mereka serta juga para majikan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Raja yang telah pun mengemukakan pertanyaan pada pagi ini mengenai satu isu yang cukup penting buat masa ini. Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik dari Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 30 Jun 2008, terdapat seramai 256,097 orang pembantu rumah asing yang bekerja di negara ini. Terdapat sembilan buah negara yang menjadi negara sumber bagi membekalkan pembantu rumah asing ke Malaysia. Negara-negara tersebut dengan jumlah pembantu rumah asing sehingga 30 Jun 2008 adalah seperti berikut.

Negara	Jumlah (Orang)
Indonesia	237,256
Philippines	10,112
Kampuchea	7,003
Sri Lanka	682
Thailand	382
Vietnam	298
India	164
Nepal	46
Laos	1
Lain-lain	153

Mengurus pekerja asing termasuk pembantu rumah asing memerlukan perundangan dan peraturan-peraturan komprehensif dan berkesan. Bagi pembantu rumah asing, kerajaan telah pun mengadakan garis panduan peraturan dan akta-akta di bawah Akta Imigresen 1999 yang mencukupi bagi melindungi, menjaga kepentingan dan kebajikan pembantu rumah asing di negara ini. Kerajaan ini juga menetapkan syarat-syarat permohonan untuk pembantu rumah asing supaya mereka tidak dieksploitasi oleh majikan.

Sebagai contoh, pembantu rumah asing beragama Islam hanya dibenarkan bekerja dengan majikan beragama Islam sahaja. Sekiranya ada majikan bukan beragama Islam yang ingin mengajikan pembantu orang asing yang beragama Islam maka majikan tersebut diwajibkan menandatangani perakuan pengambilan pembantu rumah asing yang beragama Islam.

Di dalam perakuan ini, majikan diwajibkan menyediakan bilik penginapan khusus yang memberi kebenaran menunaikan ibadat wajib seperti sembahyang dan berpuasa. Pembantu rumah asing juga tidak dibenarkan menguruskan kerja-kerja rumah yang haram dari segi Islam seperti menguruskan kerja berkaitan dengan anjing dan babi.

Jabatan Imigresen Malaysia telah pun menetapkan sebanyak 30 garis panduan dan syarat-syarat pengambilan pembantu rumah asing.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini kerajaan telah pun menandatangani memorandum persefahaman MoU berhubung dengan pembantu rumah asing dengan Indonesia. Ini merupakan salah satu langkah daripada kerajaan bagi menjamin kebajikan dan kepentingan pembantu rumah asing Indonesia di Malaysia. Perjanjian yang serupa akan ditandatangani dengan negara-negara sumber yang lain. Kerajaan juga telah mewujudkan talian khas ataupun *hotline* di bilik gerakan ibu pejabat Imigresen yang beroperasi tujuh hari seminggu dan 24 jam sehari bagi memberi kemudahan kepada pembantu rumah asing dan majikan membuat aduan kepada pihak Imigresen, sekian terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Timbalan Menteri. Saya berterima kasih kerana tadi disebut mengenai ada peraturan-peraturan mengenai pekerja ataupun pembantu rumah asing di rumah majikan bukan Islam. Tetapi hakikatnya Timbalan Menteri ialah pembantu asing ini sendiri tidak mengetahui hak mereka. Kita lihat dan sering menerima aduan bahawa mereka sering tidak diberi hak-hak asasi ini seperti kemudahan untuk solat, berpakaian. Kerana ada di antara mereka apabila datang ke Malaysia menutup aurat, tetapi apabila bekerja dengan majikan yang bukan Islam dipaksa memakai pakaian yang tidak menutup aurat. Mengenai *hotline* Imigresen pembantu rumah ini, saya sendiri pun, malah ramai majikan tidak mengetahui wujudnya *hotline* ini.

Malah apabila mereka datang kepada kita, kebanyakan tidak menerima dengan lengkap butiran-butiran mengenai pembantu asing ini. Saya juga mendapat maklumat, terdapat pakatan di antara agensi-agensi pekerja tertentu dengan juga majikan-majikan supaya hak-hak mereka ini, mereka gugurkan. Maksudnya kalau kamu mahu bekerja di rumah ini, kamu mesti ikut apa yang majikan hendak dan mereka tidak tahu tentang *hotline* ini dan majikan sendiri tidak tahu *hotline* ini. Jadi saya minta kepada kementerian untuk menguar-uarkan dan setiap pembantu asing yang datang kepada kita dibekalkan dengan satu *booklet* ataupun satu buku nota lengkap dengan pengenalan diri dan apakah nombor-nombor yang dapat mereka hubungi dan siapakah yang dapat mereka hubungi kerana setakat ini saya merasakan bahawa mereka tidak dilindungi dan hak-hak mereka sebenarnya amat-amat diabaikan, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Memang bagi pihak Jabatan Imigresen, kita akan melakukan segala-gala yang boleh supaya segala maklumat yang diberikan bukan sahaja kepada majikan, tetapi juga kepada pembantu rumah asing khususnya dari negara-negara yang beragama Islam. Terima kasih kepada maklum balas yang diberikan oleh Yang Berhormat. Saya balik kementerian saya akan bincang dengan pihak atasan pihak Imigresen supaya kita mengetatkan lagi supaya kedua-dua belah pihak iaitu majikan dan juga pekerja asing kalau datang dari Indonesia ini memang memahami termasuk juga maklumat tentang *hotline*, sekian terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah kementerian pada tahun lalu telah mengumumkan iaitu kos bayaran iaitu agensi pengambilan pembantu rumah ini hanyalah RM2,400. Tetapi hingga ke hari ini ia tidak pun terlaksana. Agensi masih lagi mengenakan kos yang tinggi antara RM5,000 hingga RM6,000. Jadi apakah tindakan yang telah diambil. Kedua untuk mengatasi masalah pembantu rumah yang sering lari, apakah kerajaan tidak berhasrat untuk juga mengenakan sample DNA pembantu rumah ataupun cap jari diambil. Biasanya mereka ini apabila lari, masuk balik dengan menggunakan pasport dengan nama lain tetapi dengan adanya DNA, ini mungkin masalah-masalah ini dapat diatasi, terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titivangsa]: Mohon Tuan Yang di-Pertua, mohon Timbalan Menteri menyatakan nombor *hotline* juga, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Terdapat dua soalan tambahan di sini. Mengenai yuran yang akan dibayar oleh bakal majikan kepada agensi, sebagai maklumat tambahan di sini pihak Imigresen telah pun mengadakan beberapa mesyuarat dengan persatuan agensi pembantu rumah asing dan pihak Imigresen telah pun menetapkan satu jumlah yang munasabah. Tetapi oleh kerana begitu susah payah bagi ini ditetapkan sebab pihak Indonesia *source country* tidak bersetuju dengan bayaran-bayaran yang tidak dikenakan, maka mesyuarat itu gagal. Buat masa ini selepas kita mengkaji semula kita dapati bagi *supply and demand, the market forces* menentukan jumlah yang harus dibayar oleh bakal majikan kepada sesebuah agensi.

■1120

Sebagai maklumat tambahan, buat masa ini saya dapati yuran yang dibayar oleh bakal majikan di antara RM3,000 hingga RM5,000. Ini termasuk levi yang akan dibayar kepada kerajaan iaitu RM360 pada setiap tahun, pas PLKS iaitu RM60 setahun, bayaran proses di imigresen RM10, visa tidak tetap mengikut negara; contohnya Indonesia RM15, dan FOMEMA juga kena bayar RM190. Maka, buat masa ini di antara RM3,000 hingga RM5,000. Walau bagaimanapun kerajaan sentiasa mencari langkah macam mana hendak berbincang dengan persatuan, agensi pembantu rumah asing supaya mereka ini dapat turunkan dia punya caj.

Pada pendapat saya tinggi juga, kalau di antara setakat RM2,000 hingga RM2,500, mungkin munasabah tetapi kita akan berusaha. Mengenai dengan pembantu rumah asing yang sentiasa lari, memang ini adalah menjadi satu masalah. Bagi tahun 2007 sahaja terdapat dalam lingkungan 12,000 pembantu rumah asing yang lari dari majikan. Bila ianya berlaku, bukan sahaja majikan akan dikenakan denda dan kita juga akan mengesan, mencari balik pembantu rumah dan kita akan usir balik ke negara asal tetapi ini adalah satu masalah yang bukan senang ditangani. Ini didapati adalah perbuatan sindiket-sindiket yang berada di negara ini.

Kita telah mengesan sindiket-sindiket dan kerajaan sedang mengambil tindakan tegas terhadap mereka ini. Saya tahu ini adalah satu masalah. Saya mempunyai begitu ramai kawan yang sentiasa buat aduan kepada saya juga. Kerja tidak sampai tiga bulan, terus lari. Selepas itu, majikan pula kena tanggung segala-galanya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini mengenai pertanyaan Yang Berhormat Lo'Lo' ini, saya tidak ada *hotline* di sini. Saya akan berikan kepada Yang Berhormat sebab ini tidak ada di dalam ini. Yang Berhormat berminat?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: DNA macam mana? DNA?

Dato' Chor Chee Heung: DNA itu kita belum laksanakan lagipun. Akta DNA pun belum diluluskan oleh undang-undang ini. Bila ianya diluluskan, saya pun tidak pasti sama ada ianya akan dilaksanakan sebab nanti bakal majikan juga terpaksa bayar juga tambahan. Nanti Yang Berhormat pun kacau lagi kan? Saya terima *hotline* pula, untuk Yang Berhormat. *Hotline* dia ialah 03-88801555 atau empat angka terakhir itu 1556. Okey Yang Berhormat?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Menteri pun baru tahu sahaja?

Dato' Chor Chee Heung: Ha?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Menteri baru dapat maklumat sahaja?

Dato' Chor Chee Heung: Sebab apa ini semua diketahui oleh pegawai kita. Kadang-ladang kita tidak tahulah, tidak boleh salahkan saya sebab saya tidak mempunyai masalah mengenai ini tetapi pegawai kita tahu, ini kerja pegawai kita. Sekian, terima kasih.

11. Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah tindakan berkesan kementerian bagi mengatasi lambakan hasil buah-buahan seperti durian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Hulu Terengganu yang dijadualkan pada 18 November 2008 yang mengutarakan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, musim buah-buahan bagi tahun 2008 telah bermula dari bulan Jun dan akan berlarutan hingga bulan Oktober tahun ini dengan musim kemuncaknya dari Julai hingga Oktober 2008. Buah-buahan bermusim utama ialah durian, rambutan, duku atau dokong, cempedak dan manggis. Berdasarkan kepada analisis arah aliran permintaan buah-buahan bermusim yang dibuat oleh FAMA, permintaan terhadap buah-buahan bermusim dijangkakan semakin bertambah. Permintaan buah-buahan oleh isi rumah pada tahun 2008 dijangka meningkat pada kadar 2.5% berbanding permintaan tahun 2007. Sementara permintaan di sektor pengilangan dijangka meningkat kepada 10% hingga 15%.

FAMA telah merangka pelan tindakan dan sedang melaksanakannya pada masa ini bagi menangani masalah pemasaran buah-buahan bermusim pada tahun ini. Teras pelan tindakan FAMA ini adalah menyediakan secukupnya akses kepada pasaran hasil-hasil buah-buahan yang dikeluarkan oleh petani-petani. Ini bagi memastikan pengagihan atau pengedaran buah-buahan bermusim dapat dijalankan secara cekap dan berkesan. Dalam melaksanakan perkara ini, empat pendekatan akan digunakan iaitu:

- (i) pembangunan kawasan - FAMA akan mengenal pasti kawasan-kawasan keluaran utama dan mewujudkan pusat-pusat belian serta infrastruktur pasaran seperti pusat pengumpulan di peringkat ladang bagi memudahkan petani membawa hasil buah-buahan mereka;
- (ii) pembangunan produk - FAMA akan menjalankan aktiviti pengembangan kepada kumpulan sasaran bagi meningkatkan pengetahuan mereka dalam aspek mengurangkan kerosakan lepas tuai sekali gus meningkatkan kualiti buah-buahan. Di samping itu, FAMA juga akan membangunkan pelbagai produk berasaskan buah-buahan seperti produk sejuk beku dan minuman sama ada untuk pasaran tempatan atau eksport;
- (iii) pembangunan saluran pasaran - FAMA akan menyediakan ruang pasaran yang secukupnya di pusat-pusat jualan yang strategik serta mewujudkan program-program fiesta bagi meningkatkan kehadiran buah-buahan bermusim dan memudahkan pengguna mendapatkannya; dan
- (iv) penglibatan langsung belian FAMA di peringkat ladang - di mana pada tahun ini dijangka FAMA akan membeli 10,000 metrik tan buah-buahan bermusim pada kemuncak musimnya iaitu dari bulan Julai hingga September 2008 dan untuk makluman setakat hari ini FAMA telah membeli 6,000 metrik tan.

Terima kasih.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia hari ini hairan apabila dia tengok rambutan daripada negara luar contohnya daripada Australia, kualiti dia bagus tahan lama, durian daripada Siam pun sedap dan tahan lama. Kenapa durian yang dihasilkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia cepat rosak dan ini menggagalkan pasaran kita yang lebih meluas. Soalan saya, tidak adakah usaha kementerian hendak menghantar pegawai-pegawai kita belajar bersungguh-sungguh, teknologi yang tinggi supaya dapat kita semarakkan teknologi yang baru ini kepada petani-petani kita supaya mereka untung pada masa depan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, saya cukup hairan Tuan Yang di-Pertua bila dikatakan kualiti buah rambutan dan durian kita tidak elok. Padahal saya

rasa di dalam kebanyakan fiesta-fiesta dan baru-baru ini MAHA, saya memanglah asyik cerita MAHA, laris sangat Tuan Yang di-Pertua. Saya memang tidak setuju kalau dikatakan kualiti tidak baik sebab saya rasa dari semasa ke semasa, dari tahun ke setahun, kita telah membuat banyak R&D dan kita telah mengeluarkan *variety-variety* yang memang molek-molek belaka.

Jadi Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat tidak merasa sebanyak mana *variety-variety* yang ada, mungkin Yang Berhormat terjumpa *variety* yang tidak berapa elok. Seperti contoh durian yang kita bawa masa kita makan bersama-sama di Parlimen, saya rasa telah mendapat pujian daripada semua pihak yang mengatakan buah itu memang buah yang begitu cantik sekali.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Buat sekali lagi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Bermakna buah itu eloklah. Jadi kami rasakan Yang Berhormat, insya-Allah belajar dari negara lain dari segi mendapatkan teknologi itu memang dijalankan tetapi pada masa yang sama, kita seharusnya menyemarakkan supaya rakyat kita sentiasa suka dan makan buah-buah tropikal. Sebab itulah kami mencadangkan dan Yang Berhormat sebenarnya kita ada berbagai-bagai proses di mana kita sekarang ini mengeksportkan buah-buah ini secara sejuk beku. Kadang-kadang pelanggan ini dia tidak mahu yang diproses, dia mahu menerima buah-buah ini supaya dia makan seperti makan buah asal yang segar.

Oleh sebab itu kita sudah ada teknologi dan kita telah mengeksportkan sebenarnya buah-buah kita ke negara-negara luar yang kita sejuk bekukan khasnya cempedak dan durian. Terima kasih.

■1130

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sesi soal jawab telah berakhir. Sila.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN
(PINDAAN) 2008****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah "Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[21 Ogos 2008]**

11.30 pg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa mesyuarat ditangguhkan minggu lalu, saya telah merujuk kepada masalah kekurangan guru-guru di SJK(C) atau sekolah jenis kebangsaan Cina. Saya ada menghebohkan bahawa di antara dalam tahun ini ada sejumlah 7,288 orang Cina yang pohon untuk masuk kepada maktab perguruan tetapi di antara mereka yang pohon hanya 2,524 orang yang telah diberi peluang untuk temu duga dan akibatnya hanya 1,240 orang daripada 2,524 orang yang diberi peluang temu duga yang diterima sebagai guru-guru pelatih di maktab perguruan.

Angka ini menunjukkan satu hakikat bahawa bukanlah orang Cina yang tidak berminat untuk menjadi guru tetapi mungkin tempat yang ditawarkan adalah terhad dan mungkin ada penyelewengan dalam sistem-sistem pemilihan guru-guru kerana di antara mereka yang memohon dan tidak dapat diberi peluang untuk temu duga, ada 155 orang pemohon itu...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ... mereka telah *approach* Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia supaya memberi bantuan kepada mereka untuk merayu dan mengikut penelitian yang diadakan oleh Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia, mereka adalah layak.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Mereka mempunyai syarat-syarat yang layak untuk diberi peluang untuk temu duga. Oleh itu, membuat rayuan untuk 155 orang pemohon itu supaya mereka diberi peluang untuk ditemu duga. Akan tetapi hanya 30 orang pemohon yang merayu itu diberi temu duga dan 125 yang dianggap layak untuk ditemu duga tidak langsung diberi peluang untuk temu duga. Oleh itu, kita bukan sahaja mempersoalkan kejujuran dan keinginan kerajaan Barisan Nasional untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru-guru di SJK(C), akan tetapi kita juga mempersoalkan proses temu duga yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran.

Untuk meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap proses temu duga ini, saya cadangkan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, ingin mencelah sedikit.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sila.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sebentar tadi telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengatakan bahawa kira-kira 5,000 orang pelajar untuk memohon memasuki dari keturunan Cina ke institut perguruan dan 1,000 orang lebih daripadanya telah pun diterima. Akan tetapi saya difahamkan bahawa yang memohonnya ialah 108,000 orang, 108,000 orang yang memohon dan yang diterima hanya 5,000 orang sahaja.

Jadi kalau 5,000 orang, diterima 1,000 orang bermakna satu peratus yang sangat besar berbanding dengan 108,000 orang yang diterima hanya 5,000 orang. Apakah pada pandangan Yang Berhormat, kalau 5,000 orang daripada yang memohon itu Yang Berhormat mahu supaya diterima kesemuanya. Minta perhatian supaya ia nampak lebih adil dan lebih saksama. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tidak tahu mana Yang Berhormat ambil angka Yang Berhormat sebut tadi tetapi angka yang saya sebut itu daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Ini adalah jawapan pertama dan jawapan kedua adalah pada masa kini, masalah kekurangan guru adalah wujud di sekolah-sekolah SJK(C) dan bukanlah di sekolah kebangsaan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat tunggulah saya habiskan jawapan saya. Adalah di SJK(C) dan masalah...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh minta laluan? Laluan, laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat tunggulah saya habiskan jawapan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia tidak betul.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau mahu...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sekolah kebangsaan pun juga menghadapi masalah kekurangan guru.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak ada...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak betul itu kenyataan. Tadi kata sekolah kebangsaan tidak...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat, boleh bersikap...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini perkauman. Perkauman.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bersikap lebih sopan santun tidak?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada sopan santunnya. Ini perkauman.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Perkauman itu adalah UMNO.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Balik balik soal Sekolah Kebangsaan Cina.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Perkauman itu adalah UMNO. UMNO adalah parti perkauman.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Perkauman. DAP perkauman.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: DAP, DAP adalah Tengku Abdul Aziz sudah masuk DAP. Ya, ada orang Cina masuk UMNOkah? Boleh masukkah?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Soal Melayulah bangkitkan. Perjuangkanlah orang Melayu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Perlembagaan UMNO tidak membenarkan bangsa lain masuk. Itulah politik perkauman UMNO.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Orang Siam ada.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Balik, balik SJK(C),SJK(C).

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Yang Berhormat, saya bercakap berkenaan dengan kepentingan sekolah.... *[pembesar suara dipadamkan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya baru duduk, Yang Berhormat. Dengar sibuk sudah dan saya bagi peluang bercakap. Semua bercakap tadi jadi sekarang biarlah Yang Berhormat Bandar Kuching terus berucap.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau ada masalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau tidak ada. Tunggu, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bila ada masalah nanti, Yang Berhormat boleh berhujah juga dan bangkitkan soalan. Jadi yang Tuan Yang di-Pertua cakap pagi tadi saya cukup bersetuju bahawa kalau kita baling batu, kena terima juga batu baling orang lainlah itu. Yang Berhormat, ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah sebut masalah kekurangan guru di sekolah jenis kebangsaan Cina adalah satu persoalan yang telah wujud berpuluh-puluh tahun dan sehingga sekarang seolah-olah masalah ini masih wujud. Ini menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak ada satu keinginan untuk menyelesaikan masalah ini dan satu alasan yang diberi oleh kerajaan Barisan Nasional ialah orang Cina tidak berminat mahu menjadi guru.

Akan tetapi dari angka-angka yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, ini adalah tidak benar. Tuduhan ini adalah tidak benar. Hanya satu alasan yang tidak ada asas. Masalah kekurangan guru di SJK(C) juga berkaitan dengan pendirian kerajaan terhadap syarat-syarat untuk mengambil penuntut-penuntut masuk ke maktab perguruan dan ada sekumpulan besar daripada orang Cina yang berminat menjadi guru. Mereka tidak menerusi sistem pendidikan kerajaan tetapi menerusi sistem pendidikan sekolah-sekolah Cina persendirian.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, Sijil Pemeriksaan Bersama Sekolah-sekolah Cina Persendirian telah diiktiraf oleh lebih daripada 500 universiti antarabangsa. Sungguh pun, *Oxford* pun telah mengiktiraf Sijil Pemeriksaan Bersama Sekolah-sekolah Cina persendirian tetapi kenapa kerajaan kita tidak sudi memberi pengiktirafan kepada sijil ini. Ia telah diiktiraf sebagai salah satu sijil yang bertaraf tinggi dan tak masuk akal kerajaan kita mengupah guru-guru dari China, dari negara lain tetapi di tanah air kita sendiri, dalam negara kita sendiri kita ada pelajar-pelajar yang berkecukupan untuk menjadi guru-guru Cina tetapi kerajaan tidak sudi mengambilnya.

Oleh itu, saya menyeru kepada kerajaan bahawa kini adalah sudah sampai masanya kerajaan haruslah memberi pengiktirafan atas Sijil Pemeriksaan Bersama Sekolah-sekolah Cina Persendirian supaya masalah kekurangan guru-guru SJK(C)-SJK(C) boleh diselesaikan dalam jangka masa yang singkat. Ini adalah juga seruan-seruan yang dibuat oleh enam pertubuhan, NGO yang berkaitan dengan pendidikan Cina sebelum pilihan raya umum. Mereka adalah:

- (i) Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia;
- (ii) Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia;
- (iii) Persekutuan Persatuan-persatuan Alumni Sekolah Cina Malaysia;
- (iv) *Nanyang University Alumni Association of Malaya*;
- (v) *The Federation of Alumni of Association of Taiwan University Malaysia*;
- dan
- (vi) *Constitution of the Association of Graduate of the University and College from China, Malaysia*.

Keenam-enam pertubuhan ini sebelum pilihan raya umum telah mengeluarkan satu *join press statement* supaya kerajaan memberi pengiktirafan kepada Sijil Pemeriksaan Bersama sekolah-sekolah Cina Persendirian. Ini adalah rayuan masyarakat Cina.

Jikalau Kerajaan Barisan Nasional, *want to win back the heart of Chinese*, ini adalah salah satu masalah yang mesti ditangani dan pengiktirafan sijil ini adalah tuntutan masyarakat Cina yang telah lama, telah berpuluh-puluhan tahun. Tak payahlah kita panggil Barisan Nasional, panggil Mohd Saiful untuk mengangkat sumpah. Tak payah! Ini tak akan tambahkan undi mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya. Yang dapat menambahkan undi Barisan Nasional itu adalah untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat-rakyat Malaysia.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, silakan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Yang diminta supaya lepasan pelajar-pelajar yang mengikuti sekolah persendirian Cina itu diambil untuk berkhidmat di sekolah kerajaan.

Saya amat rasa tidak munasabahlah, bagaimana dia sendiri tidak mempercayai sistem pelajaran negara kita, tiba-tiba hendak masuk bertugas mengajar di sekolah kebangsaan kita? Di mana logiknya? Di mana logiknya yang belajar, yang tidak percaya kepada sekolah sistem yang kita ada tetapi bila hendak bertugas masuk ke sekolah kita? Saya rasa itu merupakan satu hal yang tidak munasabah. Bagaimana pandangan Yang Berhormat sendiri? Yang tidak yakin dengan sistem kita, hendak masuk mengajar dalam sistem kita? Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini Yang Berhormat putar belitlah. Mereka yang hendak masuk sistem pelajaran kita adalah untuk memberi sumbangan kepada negara kita. Adakah pendirian Barisan Nasional supaya lepasan-lepasan daripada sekolah-sekolah menengah persendirian Cina itu tidak payah memberi sumbangan kepada negara?

Ini saya minta MCA atau Gerakan untuk memberi satu pendirian. Adakah Kerajaan Barisan Nasional menafikan secara tidak langsung sumbangan daripada sekolah-sekolah menengah persendirian Cina, walaupun mereka tidak menerusi sistem pendidikan negara atau kerajaan, tetapi mereka juga boleh memberi sumbangan kepada perkembangan pembangunan negara kita. Oleh itu, saya fikirkan Yang Berhormat, pendirian Yang Berhormat adalah sempit. Inilah, *maybe it is not your fault* tetapi ini adalah tamadun UMNO lah. *Cannot accept differences*, tidak boleh menerima itu perbezaan...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Pendirian kaum.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak apa. Kalau perkara yang sama Yang Berhormat, tak payahlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tak payah. Sudah jawab baik, baik. Sudahlah. Sudah jawab baik-baik jugalah. *[Ketawa]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Melaka duduk jugalah. Yang Berhormat Kota Melaka duduk jugalah.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah cukup daripada Yang Berhormat Bandar Kuching. Dengar, ya?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih. Saya akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payah cerita UMNO, Barisan Nasional, tak payah Yang Berhormat. Ini bukan, ini bukan bil untuk UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, tahu! Namun, penyelewengan sistem adalah akibat tindakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payah...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Kerajaan Barisan Nasional ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini, kita tak nafikan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan cari berkelahi. Jangan cari gaduh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini cari gaduh tahu tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cerita ini...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan hendak cakap dalam Parlimen baik-baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak apa.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Siapa itu? Siapa itu yang...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cari gaduh tahu tak?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Cari gaduh itu orang yang duduk bercakap yang tidak mengikut peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak apa Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, saya...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Tadi Yang Berhormat, saya sebenarnya agak keliru dengan hujah dan penjelasan Yang Berhormat. Saya ambil contoh Yang Berhormat Hulu Terengganu tadi membangkitkan soal permohonan untuk masuk ke Maktab Perguruan ialah seramai, Institut

Perguruan ialah, sekarang ini dipanggil Institut Perguruan, 108,000. Yang diterima hanya 5,000. Maksudnya, tempat adalah terhad. Kemudian Yang Berhormat membangkitkan permohonan 5,000 guru-guru berketurunan bukan Melayu yang diterima hanya 1,000. Apakah Yang Berhormat merasakan ini tidak ada keadilan? Sepatutnya yang juga dilihat ialah keutamaan. Sebab itulah, keutamaannya seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu tadi ialah guru-guru yang memohon daripada sekolah kebangsaan.

Jadi, sudah tentulah diberi keutamaan kepada mereka ini. Ini bukan soal ketidakadilan. Kalau disebut ketidakadilan, Yang Berhormat sering membangkitkan, seolah-olah kerajaan tidak membantu sekolah jenis kebangsaan. Sudah banyak yang dibantu, sudah banyak yang di tolong. Sebab itu, itu hari saya dengar jawapan daripada menteri yang mengatakan bahawa di Singapura tak ada pun sekolah jenis kebangsaan ini. Apakah ini yang tidak adil sebenarnya?

Jadi, sebab itu saya rasa Yang Berhormat kalau hendak difikirkan soal sumbangan, sudah banyak sumbangan. Saya sebagai Ahli Parlimen Batu Pahat pun banyak membantu sekolah jenis kebangsaan. Saya tidak tahu Yang Berhormat sendirilah.

■ 1150

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkaskan Yang Berhormat, saya tidak hendak jawapan politiklah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terus kepada undang-undang Yang Berhormat, ya. Tidak membina Yang Berhormat soalan politik ini tidak membina.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ada, selepas kita kritik mereka akan fikir baik-baik dan rakyat akan sedar bahawa ini ketidakadilan yang dilaksanakan oleh Barisan Nasional. Maka kita boleh tukar kerajaanlah supaya kerajaan yang lebih baik dapat memerintah negara kita, ini ada makna dan membina.

Keutamaan yang disebut oleh Yang Berhormat ialah keutamaan supaya masalah kekurangan guru di SJK(C) boleh diselesaikan. Di masa kini dan kebanyakan SJK(C) di dalam satu kelas ada 40 lebih orang murid atau 60 lebih orang murid pun ada satu kelas. Akan tetapi standard itu yang dikatakan maksimum, optimum *number of student* yang dikatakan oleh Kementerian Pelajaran adalah 30 orang, 34 orang murid dalam satu kelas.

Akan tetapi oleh kerana kekurangan sekolah-sekolah SJK(C), kekurangan guru-guru yang mengajar di SJK(C), oleh itu murid-murid yang belajar di SJK(C) ini terpaksa belajar 50 orang lebih murid dalam satu kelas. Ini bukan hanya untuk orang bangsa Cina sahaja kerana di seluruh negara ada 60,000 murid-murid yang bukan Cina yang belajar di sekolah-sekolah SJK(C). Oleh itu apa yang saya kata ini bukan sahaja untuk bangsa Cina tetapi adalah atas isu dan masalah yang dihadapi oleh SJK(C). Untuk menggulung isu ini...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Bolehkah saya minta penjelasan sedikit? Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bandar Kuching, terima kasih. Tadi Yang Berhormat ada sebutkan tentang kekurangan guru di SRJK(C) dan SRJK(T).

Tentang SRJK(C) ini saya hendak minta tanya pandangan Yang Berhormat dari Bandar Kuching ini, kita sedia maklumlah bahawa semua pelajar dari sekolah menengah swasta ini memang dia datang murid-murid dari SRJK(C). Adakah Yang Berhormat bersependapat iaitu jika sijil peperiksaan bersama sekolah menengah swasta ini jika boleh diiktiraf oleh kerajaan bahawa kita boleh gunakan banyak graduan dari sekolah menengah swasta atau universiti yang mengamalkan peperiksaan yang sama ini? Boleh jadikan guru SRJK(C) supaya kita dapat dengan sekali gus mengatasi masalah ini. Adakah ini pandangan Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Memang ini pandangan saya dan saya percaya bahawa ini juga pandangan masyarakat Cina di negara kita ini. Oleh itu saya ingin membuat penggulungan di atas apa yang saya telah ucap bagi mengenai isu-isu kekurangan...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia hendak menggulung Yang Berhormat biar dia menggulung lepas itu kalau Yang Berhormat hendak bercakap saya beri.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, sudah lepas sudah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Mencelah sedikit-sedikit, sepatah sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah Yang Berhormat. Yang Berhormat kena dengar cakap Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat. Saya kata menggulung, menggulunglah itu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, Tuan Yang di-Pertua tidak benar. Masalah ini sememangnya wujud ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau hendak gulung, gulunglah jangan cerita banyaklah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:...sudah wujud berpuluh-puluh tahun dan saya cadangkan bahawa untuk menyelesaikan masalah ini jangan memberi alasan-alasan yang tidak ada apa-apa asas.

Pertamanya, menambahkan tempat-tempat yang ditawarkan di dalam maktab perguruan mengenai kelas bahasa Cina dalam maktab-maktab perguruan. Keduanya supaya orang ada keyakinan atas proses temu duga yang dijalankan untuk pemilihan penuntut-penuntut supaya mereka dapat diterima ke maktab perguruan. Satu wakil mungkin daripada gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia dilantik dalam panel temu duga itu supaya proses temu duga ini boleh telus dan adil.

Ketiganya memberi pengiktirafan kepada sijil pemeriksaan bersama sekolah-sekolah menengah persendirian Cina. Kalau kerajaan boleh melaksanakan ketiga-tiga cadangan yang saya sebut itu masalah ini akan diselesaikan dalam jangka masa yang pendek mungkin tiga tahun, lima tahun boleh diselesaikan seluruhnya.

Oleh itu saya pohonlah kepada kerajaan supaya cadangan ini diterima dan dilaksanakan. Jangan tunggu semasa pilihan raya barulah hendak *solve part of the problem*. Membenarkan guru-guru sandaran atau mengupahkan guru-guru dari negara China. Ini tidak akan menyelesaikan *the root*. *You have not solved the problem at its root*. Dengan ini saya mengakhiri ucapan saya.

Beberapa Ahli: [Bangun]

11.57 pg.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut membahaskan Akta Pendidikan 2008. Saya ingin menumpukan ke atas Akta Pendidikan (Pindaan) terutama sekali pindaan di seksyen 2, di mana menaiktarafkan pendidikan tenaga-tenaga pengajar yang sebelum ini iaitu daripada lulusan Maktab Pendidikan Guru ke nama baru iaitu Institusi Pendidikan Guru. Ini menjadikan Institusi Pendidikan Guru yang menyediakan pendidikan guru yang membawa kepada penganugerahan sijil diploma dan ijazah perguruan yang setaraf dengan kelayakan seperti yang diperlukan dalam akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa pindaan juga bertujuan untuk melahirkan guru-guru yang berkelulusan ijazah yang bukan hanya mengajar di sekolah-sekolah menengah tetapi juga akan mengajar di sekolah-sekolah rendah. Saya juga difahamkan bahawa Institusi Pendidikan Guru ini akan mengambil pelajar-pelajar daripada lulusan SPM yang akan mengikuti kursus yang memerlukan masa sekurang-kurangnya empat tahun selepas menjalani persediaan selama 18 bulan.

■1200

Perkara yang dapat kita banggakan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah Kementerian Pelajaran sudah menunjukkan kemampuan untuk menyediakan guru yang berkelayakan, berkebolehan dan berkemampuan untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah ataupun sekolah-sekolah rendah yang akan datang.

Ada satu keraguan daripada saya Tuan Yang di-Pertua ialah apabila kita mempunyai guru-guru graduan yang akan mengajar di sekolah-sekolah rendah ini, adakah mereka ini tertumpu mengajar di kawasan-kawasan pekan ataupun di kawasan-kawasan bandar? Saya melihat di sini, satu daripada tujuannya ialah menyediakan guru-guru graduan yang akan mengajar di kawasan luar bandar dan bukan hanya di kawasan pekan dan kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita menyambut baik dengan hasrat kerajaan ini. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama kerajaan seharusnya mempertingkatkan kemudahan-

kemudahan terutama sekali sekolah-sekolah di luar bandar. Saya kkuatir nanti apabila guru-guru graduan ini akan dihantar mengajar di sekolah-sekolah rendah di kawasan bandar, adakah mereka ini lebih mampu daripada guru-guru yang sedia ada yang sudah berpengalaman? Di mana keadaan yang sama jalan raya tidak baik, kemudahan tenaga elektrik belum ada bagi kemudahan murid-murid untuk belajar, bangunan-bangunan sekolah yang masih usang, tidak baik dan begitu juga alat-alat kemudahan pembelajaran di sekolah-sekolah terutama sekali di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk keadaan kemudahan sekolah di kawasan saya iaitu di daerah Ranau. Bilangan sekolah yang terdapat di daerah Ranau setakat 31 Disember 2007, sekolah rendah biasa – 68 buah, sekolah menengah biasa - 9 buah, sekolah rendah agama – 3 buah, sekolah menengah agama – 1 buah. Bantuan Penuh Kerajaan – 75 buah, Separuh Bantuan Penuh Kerajaan – 3 buah dan jumlah keseluruhannya ialah 81 buah. Sekolah pondok ataupun madrasah hanya ada sebuah sekolah.

Bilangan bangunan sekolah yang terdapat di daerah Ranau setakat 31 Disember 2007, sekolah rendah – 68 buah, sekolah menengah – 10 buah, sekolah menengah yang ada bangunan tetap hanya 8 buah, sekolah menengah masih menumpang ada 4 buah, sekolah rendah bangunan lama – 65 buah, perlu dibina semula – 65 buah juga dan kesemua jumlah keseluruhannya adalah 78 buah.

Sebanyak 65 buah daripada 68 buah bangunan sekolah rendah memerlukan pembinaan semula kerana telah uzur dan usang. Cuma terdapat 3 buah sekolah rendah yang telah mendapat bangunan baru dan dibina semula. Begitu juga cuma terdapat 3 buah sekolah di kawasan saya, bangunan sekolah rendahnya yang mempunyai bangunan baru iaitu bangunan konkrit. Yang lain-lain itu, masih lagi bangunan-bangunan daripada kayu, Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga daripada kemudahan rumah-rumah guru. Sekolah rendah yang sedia ada hanya 270 buah ataupun unit. Keperluan semasa adalah 370 buah ataupun kurang 100 unit rumah guru. Tambahan yang diperlukan adalah 100 buah. Bagi sekolah menengah pula, yang sedia ada hanya 132 unit. Keperluan semasa adalah 212 unit iaitu kurang 80 unit. Tambahan yang diperlukan adalah 80 buah rumah guru. Jabatan Pelajaran Daerah Ranau memerlukan tambahan rumah-rumah kediaman guru sebanyak 108 buah unit untuk memenuhi keperluan semasa. Sekolah rendah – 100 buah, sekolah menengah – 80 buah.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kemudahan-kemudahan pembelajaran lain yang terdapat di sekolah-sekolah rendah dan menengah adalah di sekolah rendah, pusat sumbernya hanya ada 68 buah. Perpustakaan tidak ada, masih kosong. Makmal sains pun masih kosong. Pusat kegiatan pelajar pun masih kosong. Makmal komputer yang beroperasi hanya ada 6 buah daripada 16 buah. Di peringkat sekolah menengah pula, pusat sumber hanya ada 10 buah, perpustakaan tidak ada. Makmal sains hanya ada 3 buah. Pusat kegiatan pelajar, kosong – tidak ada. Makmal komputer hanya ada 3 buah.

Inilah kedudukan kemudahan-kemudahan pendidikan di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau melihat daripada maklumat-maklumat pusat kegiatan guru, bangunan pusat kegiatan guru hanya ada sebuah. Bangunan pusat sumber guru - tidak ada, makmal penataan bahasa - tidak ada, makmal ataupun pusat pengembangan sukan dan kesenian - tidak ada. Begitu juga pusat kebudayaan pun belum ada.

Inilah kemudahan-kemudahan yang saya sentuh tadi yang masih lagi kurang dan apabila kita menumpukan serta mempertingkatkan taraf pengajian guru-guru ini untuk melahirkan guru-guru graduan, maka dalam masa yang sama kerajaan ataupun Kementerian Pelajaran seharusnya mempertingkatkan lebih banyak dan lebih cepat lagi untuk kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh guru-guru, rumah-rumah guru, kemudahan-kemudahan di sekolah serta alat-alat yang diperlukan supaya guru-guru graduan kita yang akan datang akan lebih berkesan pengajarannya daripada guru-guru yang bukan graduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang apa yang saya perhatikan melalui ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya memerhatikan kepada satu perkara. Satu mata pelajaran yang telah disentuh oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk juga Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Kuala Terengganu dan banyak lagi yang lain yang telah menyentuh pembelajaran keagamaan ini adalah satu-satunya mata pelajaran yang boleh membina akhlak anak-anak kita di sekolah, sama ada di peringkat bawah ataupun ke peringkat atasan.

■1210

Saya masih ingat waktu saya masih belajar di sekolah rendah dan sekolah menengah yang mata pelajaran keagamaan ini masih dibolehkan kepada semua murid-murid di sekolah. Bukan hanya agama rasmi yang diajarkan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah tetapi juga agama-agama yang bukan rasmi seperti agama Islam. Mungkin kalau kita melihat keadaan pada hari ini banyak juga yang kita dengar bahawa keruntuhan akhlak di kalangan murid-murid, pelajar-pelajar atau belia-belia kita ini adalah mungkin satu daripada sebabnya ialah keruntuhan ataupun tidak lengkap daripada pembelajaran agama.

Kalau kita berbincang mengenai dengan pembelajaran agama ini, walaupun agama boleh diajar di rumah oleh ibu bapa tetapi pembelajarannya mungkin tidak setaraf dengan apa yang dipelajari di bilik darjah di sekolah. Pengaruh ibu bapa itu berlainan dengan pengaruh guru yang mengajar di sekolah. Keadaan rumah pun berlainan dengan keadaan pembelajaran di sekolah. Jadi, apa yang saya lihat dan saya rasa di sini Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Pelajaran sanggup ataupun bersedia untuk mengembalikan mata pelajaran agama bukan hanya agama rasmi iaitu agama Islam tetapi agama-agama yang lain yang diperlukan untuk pelajaran anak-anak yang bukan beragama Islam. Ini kerana dengan tidak ada pembelajaran agama terutama sekali anak-anak yang bukan beragama rasmi kita, mereka tentu sekali kehilangan satu mata pelajaran yang seharusnya diperolehi oleh anak-anak kita yang lain.

Walaupun mata pelajaran ini tidak perlu dimestikan ataupun *compulsory*, tetapi sekurang-kurangnya dibolehkan mengikut keadaan dan kesesuaian di sekolah. Kalau sekiranya ada permohonan ibu bapa, pembelajaran agama-agama yang lain seharusnya dibolehkan, jangan terus tidak dibolehkan. Ini supaya anak-anak yang belajar di sekolah ini yang memerlukan didikan keagamaan kecuali agama rasmi dapat belajar dan inilah satu daripada perkara yang saya rasa boleh dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya alami waktu dalam persekolahan saya dahulu ialah mata pelajaran sivik. Walaupun pada hari ini kita ada juga mata pelajaran pendidikan moral tetapi pelajaran sivik ini seperti yang saya alami sendiri, ia akan membantu membina akhlak, peribadi ataupun sopan-santun kepada seseorang anak kita terutama sekali di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Saya merayu ataupun saya mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya mengembalikan mata pelajaran sivik ini. Mungkin apabila kita kembalikan pelajaran ini yang menekankan pembelajaran mengenai dengan hormat-menghormati, sopan-santun ataupun nilai-nilai yang baik kepada murid-murid, kita akan membantu dari segi keruntuhan akhlak pada masa ini.

Maka dengan kata-kata yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita sudah hari yang ketiga dan hari ini hari yang keempat untuk membincang rang undang-undang ini. 20 Ahli Yang Berhormat telah membahaskan. Jadi kita ada lima orang lagi berdiri. Yang Berhormat, *tobacco* dan kenaf itu belum habis lagi kerana ada banyak pindaan yang hendak dilaksanakan. Saya ingat kita bataskan kepada dua orang sahaja. Tengah hari nanti menteri akan menjawab, Yang Berhormat ya. Saya minta Kota Melaka.

12.16 tgh.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta dalam perbahasan rang undang-undang yang dibentangkan. Selepas mendengar ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bukan hanya dari Semenanjung tetapi termasuk Sabah dan Sarawak, didapati kedudukan memang kemudahan asas dalam sekolah dan juga tentang kekurangan guru-guru telah wujud beberapa tahun. Maka keadaan ini masih belum dapat diatasi.

Harapan kita dengan adanya pindaan akta ini dan setelah dinaiktarafkan, diharaplah kedudukan ini akan berubah dan masalah yang sering kali ditimbulkan di Dewan yang mulia ini boleh dapat diatasi dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil bahagian dan memberikan sedikit pandangan dan saya juga bersependapat beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu untuk mencapai matlamat wawasan negara, satu bidang yang kita harus dititikberatkan ialah terhadap pembangunan bidang pendidikan. Memastikan bidang pendidikan dapat berkembang dengan

sempurna supaya dapat memelihara atau membentuk satu generasi muda akan datang yang berilmu supaya dapat bertanding di dunia yang kian bersaing hebat.

Saya ingin memberi beberapa perhatian kepada Dewan yang mulia ini. Yang pertama iaitu kementerian seharusnya memastikan sumber pengajar adalah mencukupi untuk semua sekolah tanpa mengira aliran supaya nisbah guru : murid dapat mencapai ke tahap yang ideal sekali iaitu satu guru dengan 25 hingga 35 murid sahaja. Langkah ini perlu supaya dapat memartabatkan profesion perguruan, akan tetapi berdasarkan kepada statistik yang disediakan oleh pertubuhan bukan kerajaan seperti Dong Jiao Zong menunjukkan terdapatnya kekurangan guru di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Sungguhpun langkah jangka pendek iaitu pengambilan guru sementara atau guru sandaran untuk mengatasi masalah ini, tetapi sudah pasti ia akan membawa kesan yang kurang memuaskan di mana kebanyakan guru sementara ini hanya bertugas sementara. Sering kali pihak sekolah terpaksa mencari guru gantian. Selain daripada ini, PIBG sesetengah sekolah juga terpaksa menanggung upah guru sementara apabila Jabatan Pendidikan enggan menyerapkan guru tambahan ini.

■1220

Ini semua tidak adil kepada para ibu bapa yang juga merupakan pembayar cukai. Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti jika nisbah guru kepada murid adalah tinggi, ia bukan sahaja membebankan serta kurang adil kepada para pengajar tetapi ia juga akan menjejaskan penyerapan para murid kerana kekurangan penumpuan guru dan murid. Maka saya ingin mencadangkan Dewan yang mulia ini agar dapat memastikan pengambilan tenaga pengajar yang secukupnya berdasarkan kepada keperluan semasa dan jangka panjang.

Perkara kedua yang ingin saya bawakan ke Dewan ini iaitu kementerian juga harus menyediakan bilik darjah atau bangunan bagi semua aliran adalah mencukupi untuk menampung bilangan murid yang kian besar. Sebagai contoh, SRJK(C) Chao Mao di Melaka ini di mana kebanyakan anak-anak yang tinggal di Taman Angkasa Nuri...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak cukup kuorumlah. Kalau ditangguhkan untuk pergi ke Permatang Pauh adalah lebih baik. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Setiausaha, sila bilangkan berapa Ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan.

[Setiausaha mengira jumlah kehadiran]

Yang Berhormat Ipoh Timur, ada 28 orang dalam Dewan. Silakan Yang Berhormat Kota Melaka.

12.21 tgh.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih. Saya ulang sekali lagi, Sekolah Jenis Kebangsaan Chao Mao di mana kebanyakan anak-anak yang tinggal di Taman Angkasa Nuri dan Taman Merdeka terdiri daripada berbilang kaum yang akan mendaftar di sekolah ini adalah seramai 188 orang murid untuk memasuki darjah satu pada tahun 2009, sedangkan

sekolah ini hanya mampu menampung seramai 180 orang murid sahaja. Ini jelas menunjukkan bahawa sekolah ini memerlukan sekurang-kurangnya satu blok bilik darjah yang baru sebagai langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah ini. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak sekolah aliran Cina dan India menghadapi masalah yang sama dengan SRJK(C) Chao Mao di Melaka. Maka saya ingin menyeru kepada Dewan yang mulia ini supaya dapat membuat pembahagian peruntukan berdasarkan setiap aliran sekolah dengan adil dan saksama.

Ketiga, kami juga ingin dan seharusnya mengakui dan menghargai peranan serta sumbangan *independent secondary school* atau sekolah menengah swasta seperti *Fei Fong Middle School* di Melaka. Kerajaan seharusnya memberikan peruntukan dan juga mengakui sijil peperiksaan mereka memandangkan sijil peperiksaan bersama mereka ini diakui oleh universiti-universiti luar negara seperti Singapura dan Australia. Seperti yang kita maklum, Universiti Singapura telah diiktiraf sebagai salah sebuah universiti yang terbaik, maka sudah pasti tahap pendidikan di sekolah sedemikian tidak harus diragui. Namun agak malang sekali di mana sehingga hari ini pihak kerajaan atau kementerian masih belum mempunyai hasrat untuk mengakui sijil mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, saya ingin menyeru agar pihak kementerian dapat memberikan biasiswa kepada semua pelajar cemerlang tanpa mengira kaum agar dapat menggalakkan golongan ini supaya kekal di tanah air dan memberi sumbangan kepada negara yang kita cintai ini. Akan tetapi apa yang mengecewakan iaitu sering kali pembahagian biasiswa adalah berdasarkan kepada sistem kuota di mana sistem sedemikian adalah ketinggalan zaman dan tidak membawa manfaat kepada kita. Kita memang tidak menafikan atau menolak usaha kerajaan untuk membantu golongan murid-murid Melayu untuk menerima pendidikan tinggi tetapi usaha sedemikian tidak harus menyebabkan hak-hak kaum lain dikorbankan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan harus mengambil iktibar daripada apa yang telah berlaku kepada kebanyakan pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan STPM tahun ini yang telah melanjutkan pelajaran mereka ke luar negara dengan biasiswa yang ditawarkan kepada mereka oleh negara asing khususnya daripada Singapura. Ini adalah merupakan satu kerugian dan kehilangan besar kepada negara kita. Di satu pihak kita ingin menyeru agar warga negara profesional kita yang berada di negara asing kembali berkhidmat di tanah air, akan tetapi di satu pihak apabila terdapat pakar-pakar cerdik pandai ini kita tidak menghargai mereka dan diserahkan pula kepada negara asing. Tuan Yang di-Pertua, pelajar yang cemerlang ini, apabila mereka sepatutnya menerima biasiswa tetapi ditolak dan sebaliknya negara asing memberikan peluang kepada mereka, sudah pasti golongan ini akan terus berkhidmat di negara asing dan tidak kembali ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu peristiwa yang mengecewakan kita ialah reaksi *Vice Chancellor*, Prof. Datuk Seri (Dr.) Ibrahim bin Abu Shah, terhadap cadangan Menteri Besar Selangor supaya kuota 10% perlu dibuka kepada bukan bumiputera bagi pengambilan pelajar

baru di UiTM. Cadangan Tan Sri Khalid bin Ibrahim, Menteri Besar Selangor, seharusnya dipuji kerana ia merupakan satu pemikiran berwawasan dan ingin maju ke hadapan demi kebaikan kaum bumiputera amnya dan negara khususnya. Ini menunjukkan generasi pemimpin Pakatan Rakyat dapat menumpu keluar daripada sekatan pemikiran perkauman yang sempit dan melihat aspek perubahan pendidikan berdasarkan keperluan semasa dunia kini. Semua pihak sepatutnya melihat cadangan ini secara serius dengan hati terbuka dan bukannya dengan memainkan sentimen perkauman.

Pada awalnya, kerajaan ingin membantu kaum bumiputera untuk menerima pendidikan tinggi, maka dasar sistem kuota dan penubuhan UiTM telah dilaksanakan. Akan tetapi dasar terlalu melindungi ini telah terbukti bukannya satu dasar yang baik, sebaliknya ia adalah ketinggalan zaman, tidak adil, berunsur diskriminasi kaum dan tidak membawa manfaat kepada negara. UiTM seharusnya memandangkan cadangan ini dari segi akademi supaya pembukaan sedemikian dapat membantu meningkatkan mutu universiti tersebut.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Pahat, duduk dulu. Ada dua minit lagi Yang Berhormat, boleh habiskan?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh. Dua minit boleh. Tadi saya katakan bahawa dasar ini sebaliknya adalah ketinggalan zaman, tidak adil, berunsur diskriminasi kaum dan tidak membawa manfaat kepada negara. UiTM seharusnya memandangkan cadangan ini dari segi akademi supaya pembukaan sedemikian dapat membantu meningkatkan mutu universiti tersebut supaya ia dapat bersaing dengan universiti-universiti lain seterusnya menjadikan salah satu universiti yang terkenal.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggulung, saya ada satu lagi perkara yang saya harus bangkitkan di Dewan yang mulia ini iaitu...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Boleh beri laluan?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh. Sikit sahaja.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya cuma ingin bertanya, saya tidak pernah mendengar DAP memperjuangkan isu bagaimana ketidakadilan pengambilan kakitangan di sektor swasta yang milik syarikat-syarikat bukan Melayu dan meletakkan pula syarat bahasa Mandarin. Saya tidak pernah dengar ada suara bagaimana perkara ini perlu dihapuskan supaya tidak wujud diskriminasi. Itu yang saya ingin tanyakan.

■1230

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Batu Pahat yang kemukakan soalan ini, sungguhpun ia tidak berkaitan dengan apa yang saya sebut, tetapi saya anggap bukan semua swasta yang tentukan syarat ini. Bukan semua swasta. Saya pernah selama 40 tahun berkhidmat dalam beberapa pertubuhan dan juga syarikat dan tiada syarat ini. Apa yang mereka perlukan ialah betul-betul ada pengalaman tau dia punya *ability* dalam bidang yang

mereka terlibat. Itu yang saya difahamkan. Saya pun tidak bersetuju jika diadakan syarat-syarat sebegini jika ini tidak berkenaan dengan urusan perniagaan mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kementerian, suatu perkara yang perlu diambil berat iaitu apabila membincangkan tentang pendidikan, isu mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah diajar dalam bahasa Inggeris. Kami ingin kerajaan mengambil ketegasan supaya subjek-subjek ini diajar dengan bahasa ibunda masing-masing demi perkembangan pendidikan yang sempurna.

Kerajaan tidak seharusnya mengambil sikap ini menunggu keputusan UPSR pada hujung tahun untuk berbuat demikian. Sepatutnya, kerajaan melaksanakan polisi pengajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa penghantaran ini terus, dan tidak perlu kita tunggu lagi. Ini memang hasrat rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya akan bagi Yang Berhormat Sik, selepas itu Yang Berhormat Sungai Siput. Tengah hari, Yang Berhormat Menteri menjawab. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Sik, silakan.

12.31 tgh.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya turut membahaskan pindaan Akta Pendidikan 1996 ini. Ini kerana saya rasa, sebagai seorang bekas guru, dan pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, saya terpanggil untuk ikut serta membahaskan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak akan membahaskan pindaan bagi seksyen bagi (i), (ii), (iii) dan (v) kerana pindaan ini hanya sekadar meminda beberapa perkataan untuk disesuaikan dengan apa yang telah dilakukan oleh Kementerian Pelajaran. Sebenarnya istilah-istilah dan pindaan-pindaan ini hanya mengesahkan pindaan yang dibuat. Pada saya perkara tersebut telah pun dilaksanakan sejak 2006 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan atau pun perbahasan saya akan tertumpu kepada seksyen 22(iii) dan seksyen 44 serta seksyen 49 yang saya rasa perlu diberi perhatian dan perlu mendapat pindaan-pindaan yang sepatutnya kalaulah kita tak hendak pindaan ini akan memberi faedah atau tidak memberi faedah kepada kita, sebaliknya ianya akan memberikan kepada kita lebih banyak keburukan daripada kebaikan yang kita harapkan.

Seksyen 22(iii), Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun pindaannya hanya kepada sepatah perkataan, daripada perkataan 'maklum' kepada 'mendapat kelulusan bertulis'. Walaupun seperti yang saya katakan tadi, hanya satu patah perkataan, tetapi ianya membawa konotasi yang amat berat kepada kita, kepada sistem pendidikan negara kita dan kesan yang akan ditinggalkan saya rasa cukup besar.

Pindaan ini membawa kita berpatah balik ke belakang. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sedar, pada tahun 1966, Akta 1996, iaitu pindaan yang kita buat ke atas Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib, ianya memberi banyak keburukan walaupun di situ banyak kebebasan yang kita berikan. Tuan-tuan sedia maklum, dengan memperkenalkan Akta Pendidikan 1996 itu sebenarnya kita mendemokrasikan sistem pendidikan kita.

Pindaan tersebut memasukkan Falsafah Pendidikan Negara yang menjadi pegangan kepada pendidik-pendidik pada masa itu. Hasil daripada pindaan itulah kita lihat banyak sekolah-sekolah swasta tumbuh sebagai cendawan untuk dengan harapan menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan bertaraf antarabangsa. Pindaan ini juga telah mewujudkan banyak sekolah-sekolah swasta. Pada masa yang sama, sekolah-sekolah pra ataupun sistem prasekolah juga turut berubah kerana pindaan yang kita buat hari ini kebanyakannya adalah menyentuh soal prasekolah. Jadi, saya rasa marilah sama-sama kita beri perhatian, sama-sama kita melihat agar pindaan yang kita cadangkan ini tidak terus memberi keburukan atau membawa perkara-perkara yang tidak diingini dalam sistem pendidikan kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya sistem pendidikan prasekolah yang bergantung atau pun yang berasaskan Akta 1996 banyak membawa faedah kepada kita. Di bawah akta ini kita lihat, banyak pendidikan prasekolah ini diwujudkan dalam pelbagai warna. Kita lihat berbagai-bagai pertubuhan, berbagai-bagai kaum, berbagai-bagai-bagai institusi mewujudkan prasekolahnya sendiri.

Saya cukup kagum dengan kewujudan sistem prasekolah ini kerana saya rasa di peringkat awal ini, anak-anak kita perlu diberi peluang untuk diwarnai dengan berbagai-bagai. Walaupun kita lihat penghasilan dari prasekolah tadi berbagai-bagai tetapi kita tidak perlu takut. Ini kerana apabila pelajar-pelajar ini masuk ke darjah satu, tahun satu atau pun sekolah menengah nanti, mereka ini akan diwarnai semula mengikut kehendak sistem pendidikan kita.

Alangkah indahnya, berbagai-bagai bentuk sistem pendidikan prasekolah yang wujud dan kita melihat juga berbagai-bagai ragam anak-anak dilahirkan dan ini saya rasa satu warna yang kita perlu dalam sistem pendidikan prasekolah kita. Janganlah hendaknya, dengan mencadangkan pindaan-pindaan ini yang berkait dengan perkara 22(iii), kita akan menyekat sistem pendidikan prasekolah yang saya rasa amat baik dan berkesan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan membincangkan seksyen 44 dan 49 ini secara bersama kerana pindaan kepada akta ini membawa kesan yang sama atau pun yang hampir sama kepada kita semua.

Tuan Haji Khalid bin Abd Ghazali [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Sik dan Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa berhubung soal pindaan seksyen 22 (iii), kita kena faham bahawa apa yang hendak dimaklumkan atau pun hendak mendapat kelulusan bertulis adalah berhubung dengan kurikulum tambahan semata-mata.

Ini bererti kurikulum induk itu masih kekal dan saya cukup hairan mengapa rang undang-undang ini bertujuan untuk menyekat dengan begitu ketat sekali pendidikan di peringkat prasekolah itu sendiri sedangkan kurikulum induk tetap dikawal. Ini hanya soal kurikulum tambahan dan saya kluatir sekiranya ada motif-motif yang kurang sihat di sebalik pindaan ini. Mungkin Yang Berhormat Sik boleh memperjelas lagi tentang soal ini. Terima kasih.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya amat bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi, kita takut bila pindaan ini dibuat, ia bukan sahaja akan melibatkan soal kurikulum tambahan kerana perkataan daripada perkataan 'maklum' kepada 'mendapat kebenaran bertulis' itu, dia akan membawa kepada pelbagai implikasi. Kita sedia maklum, kuasa yang ada pada hari ini pun cukup luas, kalau diperluaskan lagi, saya rasa ia akan membawa kesan yang tidak baik kepada sekolah-sekolah atau pun kelas-kelas prasekolah yang ada di sekolah-sekolah. Saya amat bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat tadi.

■1240

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan perkara 44 dan 49 adalah bermatlamat untuk meluaskan lagi kuasa yang telah ada pada menteri. Kita lihat, bagi saya kuasa yang ada pada menteri cukup ataupun telah begitu luas, dan kalau kita perluaskan lagi kemungkinan ia akan membawa kesan-kesan yang tak baik. Kita lihat sahaja perubahan yang berlaku pada hari ini, apa yang berlaku di institusi pendidikan benda ini telah pun berubah sejak tahun 2006 yang lalu tetapi perkara ini di bawa ke Dewan pada hari ini.

Ini menunjukkan bahawa apa yang berlaku sebenarnya bukan soal kuasa tetapi soal tindakan. Walaupun tanpa pindaan benda itu telah pun boleh berlaku dan saya difahamkan kalau tidak silap, pindaan yang kita buat ini akan mengeluarkan siswazah dalam masa setahun lagi. Jadi makna kata benda itu telah lama berlaku, tanpa pindaan pun telah dibuat kalau kita izinkan tambahan kepada pindaan saya rasa perkara ini akan pergi dengan lebih jauh lagi. Jadi, apa yang berlaku hari ini hanyalah merupakan *rubber stamp* kepada apa yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran sebelum ini.

Satu perkara lagi yang saya hendak ingatkan kepada Yang Berhormat Menteri ialah mengenai kualiti institusi-institusi pendidikan yang telah dinaikkan taraf. Kita sedia maklum dengan termaktubnya akta ini, 27 buah maktab akan dinaikkan ke taraf institut yang berkebolehan ataupun yang diberi kebenaran untuk mengeluarkan ijazah, yang sebelum ini hanya bertaraf maktab diizinkan mengeluarkan sijil dan diploma. Perkara ini kita perlu ingat, saya ingat Ahli-ahli Dewan masih ingat semasa kita membahaskan perbahasan dalam penggal yang lalu melalui kualiti universiti-universiti di Malaysia. Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pihak kementerian sendiri telah mengakui bahawa masalah utama yang dihadapi oleh universiti-universiti negara kita ialah masalah kualiti.

Dari apa yang dijawab oleh menteri dan juga jawapan bertulis yang saya terima, kita dapati daripada 20 buah universiti yang ada di negara kita pada masa ini. Kita hanya mampu menyediakan tidak sampai 30% pensyarah-pensyarah yang bertaraf atau berkelulusan PhD. Jadi, itu menjadi salah satu sebab mengapa universiti-universiti kita tertinggal dan mengikut laporan yang kita dapat tidak ada sebuah pun universiti-universiti kita yang mencapai taraf antarabangsa yang letak atau duduk di bawah kategori 200 universiti terbaik di dunia. Ini menandakan bahawa keadaan kualiti ini satu perkara yang serius dan bila kita tambah 27 maktab lagi menjadi institut yang boleh mengeluarkan graduan-graduan berijazah.

Saya tidak nampak bagaimana kita dapat menaikkan taraf pendidikan kerana kita telah pun menghadapi masalah untuk menyediakan pensyarah-pensyarah yang berkualiti dan cukup di universiti yang telah sedia ada. Kenaikan taraf secara bersama atau pun secara serentak, 27 buah maktab kepada institusi atau institut saya rasa akan menambahkan lagi masalah yang kita terima. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat marilah sama-sama kita memberi perhatian bersungguh-sungguh dalam usaha ini, kerana kalau tidak ianya akan memberi kesan kepada kita bersama.

Dalam usaha untuk menambahkan kuasa menteri melalui pindaan Akta Ibu 44 dan 49 ini. Saya ingin Ahli-ahli Yang Berhormat melihat kembali kepada sejarah perkembangan pendidikan negara. Kalau kita masih ingat dari awal hinggalah ke hari ini, setiap pindaan yang kita buat selalunya mengorbankan hak keistimewaan dan juga hak-hak Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Kita masih ingat, bila mula kita mencapai kemerdekaan dulu di bawah pimpinan Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Pada masa itu, kita menggunakan Akta Pelajaran 1956 yang juga kita kenali sebagai Penyata Razak yang kemudiannya dipinda menjadi Penyata Rahman Talib tapi asasnya adalah Penyata Razak.

Mengikut Akta Razak, setelah sepuluh tahun kita mencapai kemerdekaan seharusnya bahasa pengantar di seluruh sekolah di Malaysia dan pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia pada masa itu akan menggunakan Bahasa Melayu. Bila tiba masa 1997 kepada 1967, kita pinda akta yang memberi kuasa kepada kerajaan untuk menangguhkan pelaksanaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Apa yang berlaku tuan-tuan sedia maklum, pada tahun 1967 Bahasa Melayu telah menjadi bahasa pengantar di seluruh sekolah rendah, di seluruh sekolah menengah dan pusat-pusat pengajian tinggi, sekali lagi atau kali pertama tidak dilaksanakan, dan keadaan itu berterusan hinggalah ke hari ini.

Kita juga masih ingat, pada masa itu tulisan jawi masih menjadi tulisan kedua pentingnya di dalam sistem pendidikan kita, tetapi di bawah Mamanda Menteri Pendidikan atau Menteri Pelajaran masa itu Encik Khir Johari. Akta di bawah kuasa menteri ini juga kita telah membatalkan penggunaan jawi di peringkat sekolah menengah dan juga sekolah rendah dalam sistem pendidikan kita. Tuan-tuan boleh lihat apa yang berlaku hari ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat berucap dalam Dewan tuju kepada Tuan Yang di-Pertua, bukan tuan-tuan, puan-puan, Yang Berhormat-Yang Berhormat, menteri-menteri...

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Minta maaf sekali lagi, sudah lama Tuan Yang di-Pertua duk bercakap dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya dah biarkan lama sangat tadi hendak kena bagi tahu jugalah.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita masih ingat bagaimana mengenai pindaan kuasa yang diberi kepada menteri itu menyebabkan tulisan jawi makin terhakis dan hari ini satu akhbar tulisan jawi pun tak mampu hidup lagi di negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas bahasa Melayu tergendala pelaksanaannya, tulisan jawi kian terhakis, kita ingat apa yang berlaku pada masa itu berlaku demonstrasi daripada peminat, penyokong-penyokong pendidikan kebangsaan yang membawa kepada berlakunya perarakan keranda 152 yang diketuai oleh Allahyarham Tan Sri Syed Nasir Ismail yang membawa keranda, mengusung keranda itu ke Parlimen dan kita lihat sesudah itu penggunaan bahasa Melayu semakin terhakis.

Pindaan 1996, kita lihat timbul pusat-pusat atau institut pengajian tinggi swasta semacam cendawan tetapi apa yang menyedihkan kita penggunaan Bahasa Melayu kian terhakis dan terlebih malang lagi kepada kita pada tahun 2004 bila sistem pendidikan kita sekali lagi tercabar, bila mana penggunaan Bahasa Melayu di dalam pendidikan pelajaran sains dan matematik (PPMSI) di perkenalkan. Dengan memperkenalkan pelajaran sains dan matematik di dalam Bahasa Inggeris ini untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar sekali lagi terseksa. Pelajar-pelajar kita bukan sahaja terseksa kerana lemah dalam Bahasa Inggeris tetapi dalam masa yang sama apa yang berlaku dengan lemahnya Bahasa Inggeris mereka juga terseksa untuk belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

■ 1250

Jadi ingatlah bahawa saya ingin meminjam kalau boleh kata-kata Yang Berhormat Dato' Ismail Sabri bin Yaakob di Beijing, "Kalau kita kalah itu kita terimalah kalah tidak usahlah dok kata kalah dengan bergaya dan sebagainya".

Jadi dalam soal PPMSI saya rasa kita kena akui bahawa kita telah menemui kegagalan, apa salahnya kita kembali semula ke pangkal jalan kerana kalau tidak lebih banyak lagi pelajar-pelajar kita akan terseksa, akan ketinggalan dan sistem pendidikan kita akan terus menjadi tidak tentu arah. Kita masih ingat sebelum PPMSI ini dilaksanakan ramai pelajar-pelajar kita yang

mempelajari sains dan matematik dalam bahasa Inggeris dapat mencipta kejayaan dengan cemerlang. Kita lihat ramai daripada anak-anak kita di bawah sistem pendidikan ini yang pergi ke luar negara, belajar dalam berbagai-bagai bahasa dan mereka balik sebagai insan yang berjaya.

Jadi janganlah kita di samping hanya dengan firman seorang insan dasar ini diteruskan dan sudah lima tahun kita lihat tidak pun membawa sebarang hasil, apa salahnya kita menerima dan kita bawa kembali kepada pangkal jalan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa ibunda lain dalam pengajaran sains dan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, satu lagi yang saya hendak ulang kembali...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Panjang lagi ucapan Yang Berhormat itu? Makluman kepada Dewan tujukan percakapan kepada Speaker, tidak payah makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan, bagi macam itu Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Orang baru Tuan Yang di-Pertua, sekali ini baru boleh bercakap lama pun hari itu dua minit, lima minit ini lama sedikit dia celaru sedikit.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tahu tidak apa.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Tahu, tahu terima kasih. Saya ingin menyebut kembali Tuan Yang di-Pertua kepada soal kemasukan pegawai PTD ke dalam sistem pendidikan kita. Walaupun perkara ini selalu ditimbulkan tetapi kita tidak mendapat reaksi yang benar-benar konkrit daripada pihak Kementerian Pelajaran.

Jadi, kita ada 350,000 orang guru yang berkhidmat di berbagai-bagai institusi dan sekolah. Dari 350,000 ini peluang kenaikan pangkatnya amatlah terhad. Jadi dengan kemasukan pegawai-pegawai perkhidmatan awam PTD ke dalam perkhidmatan guru banyak daripada peluang-peluang guru akan terlepas. Dalam masa dua tahun pelaksanaan atau setahun lebih pelaksanaan telah terdapat 3,004 orang pegawai-pegawai PTD ini ke dalam perkhidmatan pendidikan.

Kalau keadaan ini berterusan tahun ini masuk lagi dua, tiga ribu lagi di manakah peluang cikgu-cikgu kita hendak naik pangkat. Jikalau ini berterusan akan menimbulkan rasa gelisah tidak senang di kalangan guru dan ini menimbulkan kita katakan perkhidmatan yang tidak baik yang akan membawa kemerosotan kepada sistem pendidikan kita.

Saya juga ingin menyokong kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas yang tidak mahu guru-guru bergerak secara aktif di dalam bidang politik. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat bukan sahaja di Pasir Mas di kawasan-kawasan lain pun akan berlaku. Saya sendiri pun dahulu menjadi mangsa politik guru yang cukup baik kemudiannya di stor kan, saya ingat timbalan menteri pun tahu benda itu kalau balik baca rekod. Akhirnya dipulangkan kepada saya bagi balik dekat saya timbalan dan akhir sudahlah. Tetapi sebenarnya

tidak ada kesalahan yang berlaku tidak ada bukti dan semua orang kata benda itu silap dilakukan. Jadi seelok-eloknya kita lupakanlah atau kita pun janganlah kita memberi peluang terlampau luas kepada guru-guru di dalam politik kerana ianya akan memberi kesan kepada sistem pendidikan keseluruhannya.

Akhir sekali saya ingin menganjurkan supaya soal-soal keagamaan diberi penekanan di dalam soal pendidikan kita kerana soal-soal ini makin bercelaru. Mutakhir ini kita lihat banyak sangat orang yang bersumpah, jadi betul tidak betul itu cerita lain. Tetapi kalau diberi fahaman agama yang betul saya rasa soal ini tidak akan timbul. Jadi apa salahnya kita menggubal semula sistem pendidikan Islam yang ada di sekolah-sekolah untuk memastikan ianya memberi kesan yang baik kepada anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mencadangkanlah kalau boleh, berlaku akan berlaku juga kerana penyokongnya mungkin tidak dapat hendak fikir sokong begitu sahajalah. Fasal 1,2,3,4,5 saya cadang untuk dipinda kerana ianya merupakan melengkapkan perubahan yang telah dibuat oleh Kementerian Pelajaran. Akan tetapi saya minta Perkara 6 seksyen 22(3), Perkara 7 seksyen 4 dan fasal 9 seksyen 49 itu dipinda sebelum ianya diluluskan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat, bagus ucapan Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat Sungai Siput, sila.

12.56 tgh.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya menimbulkan satu isu sahaja, saya rasa kecewa dengan pemindaan ini kerana tidak pakai peluang ini dan kesempatan ini untuk menjadikan akta induknya lebih demokratik dan lebih terbuka. Bila kita tengok akta induk iaitu Akta Pendidikan 1996 ia sesuatu akta yang begitu berat sebelah dengan izin *the heavy handed*. Dia bagi banyak kuasa pada pihak eksekutif dan tidak ada cukup ruang untuk orang bagi pandangan ataupun menyoalkan menteri. Dalam akta ini menteri dilantik oleh Perdana Menteri, menteri pula melalui seksyen 5 melantik pendaftar, timbalan pendaftar dan pihak pendaftar yang lain.

Pihak pendaftar mempunyai kuasa-kuasa yang begitu luas untuk mendaftar guru, untuk mendaftar institusi, untuk mendaftar pengelola ataupun untuk tolak daripada pendaftaran. Dia juga boleh menggantungkan pendaftaran sesiapa pun guru atau institusi. Walaupun seksyen 84 mengatakan pihak yang tidak suka, yang tidak setuju dengan apa yang dikatakan oleh menteri, dia daripada pendaftar dia boleh merayu kepada menteri. Akan tetapi ini menteri yang pilih pendaftar, kita tidak *agree* dengan pendaftar itu kita boleh merayu balik kepada menteri tetapi mengikut seksyen 85 keputusan menteri adalah muktamad. Jadi saya mahu *close* sedikitlah.

Walaupun memang ada satu Majlis Penasihat untuk memberi pandangan dan menasihati menteri. Akan tetapi Majlis ini, semua ahli dia dilantik juga oleh menteri, menteri pun boleh gugurkan sesiapa pun bila-bila. So semua ini *close* sedikitlah tidak ada satu ruang

mekanisme untuk membolehkan golongan lain, kumpulan lain, cikgu yang tidak suka keputusan pendaftar untuk memberi pandangan mereka.

Jadi saya kecewalah, kali ini Kementerian Pendidikan tidak pakai kesempatan ini untuk menjadikan akta ini lebih demokratik, mewujudkan mekanisme untuk orang pihak ketiga, untuk memberi pandangan mereka. Malah ada seksyen-seksyen dalam akta induk yang dijadikan lebih ketat lagi umpamanya seksyen 22(3), di mana kurikulum tambahan untuk *kindergarten* dahulu hanya mesti maklum kepada pendaftar, sekarang kena dapat jawapan secara bertulis sebelum membuat apa-apa pemindahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum merdeka penjajah ada buat banyak undang-undang di Malaysia untuk menyekat, untuk menumpukan kuasa di tangan penjajah. Ini untuk memecah semangat rakyatlah untuk berkumpul, untuk berbahas. Malangnya 50 tahun selepas merdeka pun, kita masih pakai kaedah pemikiran penjajah bila kita buat pindaan. Akta induk ini dibuat pada tahun 1996 bukan oleh penjajah. Akan tetapi dia masih dari segi demokrasi, dari segi *check and balance*, dari segi penumpuan kuasa di tangan eksekutif sama sahaja dengan pendekatan yang dibuat oleh penjajah bila dia buat akta polis, bila dia buat akta darurat sama sahaja.

So, saya rasa ini satu yang mengecewakan. Adalah harapan saya apabila eksekutif buat akta atau buat pindaan, dia cuba membuka ruang masyarakat madani untuk satu sistem *check and balance*. Tuan Yang di-Pertua, ada dikatakan *power corrupt* dengan izin dan *absolute power corrupt absolutely*. Saya rasa ini betul...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat jam sudah pukul 1.00, kalau Yang Berhormat ada lagi sambung petang.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tidak payah, saya ingat saya sudah sampaikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat, lega hati saya Yang Berhormat. Terus kepada perundangan *direct* kepada pandangan dan tidak ada main politik Yang Berhormat, terima kasih.

Ahli-Ahli Yang Berhormat jam pukul 1.00 dan sesi pagi kita tangguhkan dahulu dan kita sambungkan semula pada 2.30 petang dan menteri minta menggulung pada 2.30 petang. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dato' Razali bin Ismail]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada 23 orang ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2008 dan seboleh mungkin saya akan memberi

penjelasan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan sepanjang perbahasan di Dewan ini. Namun, saya akan memberi fokus jawapan kepada isu-isu yang memberi penekanan kepada rang undang-undang yang kita pinda yang telah dibentangkan sebelum ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen kita; Yang Berhormat Lipis, Pontian, Pasir Mas, Kinabatangan, Batu Pahat, Kubang Kerian, P.J. Utara, Batang Sadong, Bukit Mertajam, Hulu Terengganu, Titiwangsa, Tawau, Pokok Sena, Labuan, Klang, Ledang, Kuala Selangor, Silam, Bandar Kuching, Ranau, Kota Melaka, Sik dan juga Sungai Siput.

Kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh empat perkara utama dalam pindaan rang undang-undang ini. Yang pertama ialah fasal 6 bertujuan untuk meminda subseksyen 22(3), Akta 550 bagi membolehkan ketua pendaftar mengawal apa-apa kurikulum tambahan yang dilaksanakan di tadika. Yang kedua ialah tentang fasal 7 yang bertujuan untuk meminda seksyen 44 Akta 550 bagi membolehkan institusi pendidikan guru menganugerahkan diploma dan ijazah perguruan selaras dengan kenaikan taraf Maktab Pendidikan Guru kepada Institusi Pendidikan Guru. Fasal ke-8 iaitu bertujuan meminda seksyen 49 Akta 550 berhubung dengan kuasa menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubung dengan penganugerahan Sijil Perguruan, penubuhan dan juga pengurusan jawatankuasa bagi kegiatan luar kurikulum dan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Yang keempatnya adalah yang berkaitan dengan subseksyen 67(1) Akta 550 untuk memberi menteri kuasa untuk menetapkan tatacara berhubung dengan penilaian murid dan taraf yang hendak dicapai.

Ini adalah merupakan empat daripada sepuluh fasal yang mendapat perhatian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan yang telah berjalan kira-kira tiga ataupun empat hari yang lalu. Yang Berhormat Kinabatangan telah menimbulkan isu apakah pindaan yang dibuat ini akan benar-benar memperkasakan sistem pendidikan negara. Ini adalah merupakan agenda yang besar, sesungguhnya. Selain daripada usaha kerajaan melaksanakan pelbagai program yang berteraskan kepada Pelan Tindakan Negara melalui Rancangan Malaysia Kesembilan serta strategi Kementerian Pelajaran menerusi Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010, langkah kementerian membuat pindaan ini dan juga kepada beberapa perkara dalam Akta Pendidikan adalah satu yang sangat penting bagi penambahbaikan sektor pendidikan negara. Sudah pasti pindaan ini akan dapat memantapkan, memperkasakan lebih-lebih lagi memartabatkan profesion keguruan yang amat dinanti-nantikan daripada segi memperkasakan perkhidmatan mereka dan juga untuk kita mencapai, merealisasikan visi, misi Kementerian Pelajaran untuk menjadikan pendidikan di negara ini sebagai yang bermartabat dan juga bertaraf dunia, bertaraf antarabangsa.

Berhubung dengan perkara ini juga, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat bertanya tentang status naik taraf Maktab Perguruan kepada Institut Pendidikan Guru dalam konteks hubungan dengan IPTA. Dalam konteks ini, kerajaan telah bersetuju untuk membahagikan fungsi melatih

guru bagi IPTA dan IPG. UPSI yang banyak ditimbulkan dalam perbincangan ini iaitu kursus di fakulti pendidikan IPT yang lain melatih guru sekolah menengah dan IPG pula memberi fokus untuk melatih guru sekolah rendah. Perbezaan antara ijazah pendidikan di IPTA dan ijazah perguruan di IPG, ijazah pendidikan membolehkan mereka berkhidmat dalam pelbagai bidang pekerjaan manakala ijazah perguruan yang menjadi fokus kepada IPG ini dilatih khusus untuk menjadi seorang pendidik ataupun seorang guru. Selain daripada itu juga, adalah untuk kita mencapai sasaran yang telah dipersetujui dalam RRJP III iaitu Dasar Pensiswazahan Guru yakni 50% guru berijazah di sekolah rendah dan 1% di sekolah menengah menjelang tahun 2010.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Mohon izin.

Dato' Razali bin Ismail: Silakan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik tadi apabila mengatakan perbezaan antara *bachelor* pendidikan dan *bachelor* perguruan di mana *bachelor* pendidikan, penerima ijazah tersebut atau siswazahnya boleh berkhidmat di pelbagai bidang. Akan tetapi untuk *bachelor* perguruan atau siswazahnya akan khusus kepada bidang perguruan sahaja.

Saya risau nanti apabila terdapat lebih, sekarang ini kita mungkin tidak timbul masalah kerana bidang perguruan tak cukup guru-guru siswazah. Mereka boleh masuk menjadi guru dan sebagainya, ada pekerjaan tapi selepas itu, sekiranya terdapat lebih penawaran siswazah dalam bidang perguruan ini dan mereka tak dapat menembusi pasaran kerja di tempat lain kerana terhadnya skop ijazah mereka. Jadi ini mungkin boleh menimbulkan gejala yang kurang sihat dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat? Mohon penjelasan.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Lipis. Calon-calon yang membuat ijazah pendidikan daripada IPTA kita bukan sahaja boleh berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran menurut unjuran yang telah kita persetujui tapi mereka juga boleh menceburkan diri dalam pendidikan di peringkat swasta, lebih-lebih lagi sekarang ini cukup banyak institusi-institusi swasta yang berkembang. Malah terdapat lebih kurang 600 buah IPTS yang wujud sekarang.

■1440

Mungkin ada di kalangan IPTS itu memerlukan guru-guru ataupun orang yang berkelayakan dari segi akademik untuk mengajar di sekolah-sekolah swasta dan termasuk juga bagi peringkat pendidikan pra-sekolah ataupun di sekolah-sekolah internasional, di sekolah-sekolah swasta antarabangsa. Ini adalah merupakan lapangan yang luas yang boleh diceburi oleh mereka lulusan universiti. Lebih-lebih lagi di universiti mereka tidak terhad kepada guru sebab ia adalah merupakan satu jurusan yang boleh melatih dalam dimensi apa yang boleh disebut sebagai *multi-skill*. Jadi bidangnya cukup luas. Selain daripada itu juga, berhubung dengan apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Pontian juga bertanya

perkara yang sama. Bagaimanakah permuafakatan dapat diwujudkan di antara IPG ini Kementerian Pelajaran dengan IPTA.

Pada 12 Julai 2006, Mesyuarat Jawatankuasa Menteri memutuskan agar diwujudkan permuafakatan antara Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi bagi menangani pelbagai isu yang dibangkit seperti mana yang disebut tadi yang berkaitan dengan pengeluaran guru, unjuran guru untuk mengisi keperluan sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran. Hasil daripada keputusan tersebut, dua perkataan telah diambil. Pertama Mesyuarat Penyelarasan Pendidikan antara Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang dipengerusikan oleh kedua-dua Ketua Setiausaha Kementerian. Mesyuarat ini dijalankan sebanyak dua kali setahun dalam mereka menyelaras dan juga mereka mengendalikan kegiatan-kegiatan akademik dengan dua institusi di bawah dua kementerian berbeza.

Dengan keahlian yang terdiri daripada KSU Kementerian Pelajaran Malaysia, KSU Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Pengerusi Majlis Dekan IPTA bahagian berkaitan di KPM dan juga di Kementerian Pengajian Tinggi. Yang keduanya yang telah dipersetujui di permuafakatan ini ialah penubuhan Jawatankuasa Pemandu untuk menangani ketidakseimbangan keperluan dan penawaran guru yang dianggotai oleh Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, dekan fakulti pendidikan IPTA, bahagian-bahagian Kementerian Pelajaran yang berkaitan dan pengajian tinggi. Ini bagi membolehkan rasa sepakat dan juga pendekatan yang bersepadu untuk kita melahirkan guru demi menepati unjuran dan keperluan negara. Di antara penyelarasan yang mendapat kesepakatan antara Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi ialah:

- (i) penyelarasan dan penambahbaikan unjuranambilan pelajar di IPTA dan IPG;
- (ii) penyelarasan prosedurambilan pelajar pendidikan di IPG dan IPTA;
- (iii) penyelarasan dari segi kadar elaun pelajar;
- (iv) pelarasan kadar yuran pengajian yang perlu dibayar oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian tinggi ke IPTA bagi pelajar-pelajar tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia;
- (v) pelarasan dan penambahbaikan komponen kurikulum dan kokurikulum latihan perguruan di IPG dan pengajian di IPTA;
- (vi) pelarasan dan penambahbaikan komponen *practicum* ataupun *internship*; dan
- (vii) penyelarasan dan penambahbaikan pengumpulan data pelajar di IPTA dan guru pelatih di IPG untuk tujuan penempatan.

Ini adalah merupakan permuafakatan yang telah terjalin untuk kita memastikan kerjasama dan juga *path way* bagi calon-calon lulusan IPG untuk meneruskan pengajian mereka

di peringkat yang lebih tinggi sama ada di peringkat sarjana mahupun di peringkat PhD. Saya juga ingin menjawab banyak persoalan yang telah ditumpukan oleh ahli-ahli Yang Berhormat kita berhubung dengan isu tentang penambahbaikan yang diharapkan daripada pindaan akta ini. Beberapa ahli-ahli Yang Berhormat Batu Pahat, Sik, Pontian, Lipis tidak mahu melihat bahawa pindaan rang undang-undang ini hanya bersifat kosmetik. Maka dalam konteks ini saya ingin memberi penjelasan bahawa sesungguhnya Kementerian Pelajaran khususnya IPG ini telah mengambil sesuatu yang cukup serius yakni untuk usaha kita untuk melahirkan standard guru Malaysia yang berwibawa. Yang pertama dari segi amalan nilai profesionalisme perguruan. Yakni membina *idealism* guru-guru ini untuk memastikan bahawa dengan pindaan ini ia tidak menjadi sesuatu yang kosmetik. Maka penekanan yang utama adalah untuk membina *idolism* di kalangan guru-guru kita dengan amalan nilai *professionalism* perguruan.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail: Sabar sekejap ya. yang kedua adalah supaya pengetahuan dan kemahiran dimantapkan yakni dari segi *intellectualism* itu dan yang ketiganya adalah kemahiran pengajaran dan pembelajaran supaya guru-guru ini dapat menunjukkan keaktifan mereka dalam mengendalikan sama ada kegiatan kurikulum mahupun kokurikulum. Ringkasnya adalah membina *idolism*, *intellectualism* dan *activism* guru-guru kita. Silakan Yang Berhormat Arau.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga tertarik dengan penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan perkara yang isu kosmetik yang dibangkitkan oleh rakan-rakan di Dewan yang mulia ini. saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab kalau kita lihat kenaikan *staff* ini saya amat bersetuju dengan hasrat kerajaan untuk memastikan bahawa IPG ini bukan sahaja dapat melahirkan guru-guru yang berwibawa, profesionalisme yang dipertingkatkan dan sebagainya. Akan tetapi kita bimbang dari segi *content of syllabus* yang masih ada di IPG ataupun di institut perguruan sekarang ini yang saya rasa sepatutnya kita sudah mempunyai tenaga pengajar yang berwibawa.

Yang saya bimbang dalam keadaan sekarang, mampu atau tidak pihak kementerian menyediakan tenaga-tenaga pengajar yang cukup wibawa dan berketerampilan yang mempunyai pengetahuan yang secukupnya bagi memastikan bahawa guru-guru yang kita lahirkan ini berdasarkan *syllabus* yang kita susun atur mencapai matlamat yang disasarkan kerana saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat berhubung dengan satu kedudukan yang berlaku di sebuah IPTA di negara kita yang saya pernah sebutkan di Dewan yang mulia ini. ini luahan dan cetusan yang ditimbulkan oleh para pensyarah universiti berkenaan sendiri kerana dalam usaha kita hendak menjadikan Universiti APEX kita mula-mula mengambil pelajar di luar negara terutamanya daripada negara-negara yang tidak mempunyai kebolehan dan kemahiran dalam bahasa Inggeris, tetapi arahan pihak atasan hendak pastikan bahawa kualiti kita ini di universiti ini diminati oleh pelajar-pelajar internasional, tetapi diarahkan mempunyai kelulusan walaupun

dari segi *knowledgeable basenya* pelajar ini tidak tahu apa-apa kerana hendak *attend lecture* dalam bahasa Inggeris pun mereka tidak faham apatah lagi dalam Bahasa Melayu.

Jadi kita bimbang biarlah yang disebutkan oleh kawan-kawan saya tadi yang bersifat kosmetik ini tidak berlaku disebabkan kita betul-betul memberi tumpuan dan penjurusan yang sebaik mungkin supaya kita pastikan bahawa yang dirancang *contempt of syllabus* ini bersesuaian dengan tenaga pengajar yang kita miliki dan pelajar yang kita lahir daripada IPG ini benar-benar berketerampilan. Apa pandangan pihak kementerian dalam keseriusan menangani masalah ini.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih banyak kepada keprihatinan Yang Berhormat Arau yang menyebut tentang tiga perkara kuncinya itu. Yang pertama kualiti yang hendak dilahirkan, yang kedua dari segi *syllabus* ataupun kurikulum dan ketiga dari segi kompetensi, kecekapan tenaga akademik ataupun pensyarah-pensyarah di IPG ini sendiri. Saya ingin sebut di sini bahawa guru yang disebut sebagai maktab-maktab perguruan mempunyai sejarah yang cukup panjang daripada segi melatih guru yang sehingga sekarang ini sudah pun mencecah angka 95 tahun pengalamannya sejak ia mula ditubuhkan pada tahun 1913 iaitu Maktab Perguruan Matang, Maktab Perguruan Melaka, kemudian berpindah ke Sultan Idris Training College 1922 itu dan ini merupakan sejarah yang panjang untuk melatih guru-guru kita. Malah Ahli Parlimen Hulu Terengganu sebut bahawa guru-guru dahulu adalah guru-guru yang mempunyai kewibawaan sejarah ini terus dibawa. Saya juga cukup tertarik apabila Yang Berhormat Hulu Terengganu membaca puisi Usman Awang 'Jika siapa sahaja menjadi dewasa hari ini, sejarahnya dipulihkan oleh guru biasa dilatih diasuh'. Di situ sudah ada kualiti dan elemen-elemen yang terbina melalui sejarah panjang yang dimiliki oleh Maktab Perguruan yang sekarang ini akan memiliki satu penjenamaan baru yakni yang disebut sebagai IPG dan kualiti ini hendak kita teruskan.

■1450

Malah sekarang ini kita sudah berusaha untuk mendapat pengiktirafan bukan sahaja peringkat nasional, MQA malah juga peringkat antarabangsa. Malah kita sudah ada hubungan kita dengan negara-negara luar, dengan universiti di New Zealand, universiti di Australia, universiti-universiti di United Kingdom. Malah kita pun sekarang akan menghantar pelajar-pelajar kita ke Perancis, ke Germany, ke Beijing untuk mendalami ertinya sudah ada keyakinan di peringkat global ini. Ini adalah merupakan satu perjuangan yang begitu besar sekali. Saya kira dengan pindaan akta ini memberi satu komitmen, azam dan iltizam kepada IPG, pensyarah-pensyarahnya dan juga seluruh warga pendidikan guru yang jumlahnya kira-kira 4,000 orang itu.

Tentang *syllabus* pula, untuk makluman Yang Berhormat dalam perkembangan terkini, *syllabus* yang dibina dibangunkan di IPG ini adalah dengan kerjasama IPTA kita. Malah bukan sahaja dengan IPTA kita juga melibatkan dengan IPTS dan kita ada kurikulum di IPG ini telah melalui satu proses jaminan kualiti bagi program dalam bidang pendidikan sama ada dari segi

pedagoginya, sama ada dari segi metodologinya, pembinaan sikap pelajar yang disebut sebagai BIG iaitu Bina Insan Guru, selain dari segi untuk membina sahsiah guru. Memang kita tidak dapat nafikan di kalangan guru-guru ini ada antah-antahnya tetapi proses yang dilahirkan daripada IPG ini hanya disebut sebagai guru permulaan yang perlu digilap, yang perlu diproses lagi melalui rakan-rakan mereka di sekolah.

Sebab itulah dalam perkembangan sekarang ini, IPG berusaha untuk menjadikan latihan perguruan ini bersifat *hands on*, bersifat apa yang disebut sebagai *school based*, berasaskan kepada sekolah. Sebab itu sekarang kita sedang gubal kalau latihan guru-guru j-QAF dengan menggunakan mode LPBS yakni latihan yang berasaskan kepada sekolah supaya mereka sendiri mengalami proses di sekolah itu sendiri. Sebab di maktab perguruan kita tidak cukup hanya memberi teori-teori. Dia perlu memastikan mereka itu dapat mengamalkannya dalam konteks realiti di bilik darjah. Maka ini adalah merupakan satu dimensi yang cukup besar yang sedang dilakukan, iaitu latihan-latihan amali.

Satu lagi Yang Berhormat sekejap ya, saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat Pokok Sena. Yakni di IPG sekali pun dia telah mengadakan apa yang disebut sebagai sekolah makmal ataupun *lab school* ataupun sekolah dalam maktab, sekolah dalam IPG. Misal kata di Kuala Terengganu, anak-anak kita dari tadika lagi sudah pun dibawa ke kampus dan pelajar-pelajar di IPG itu mengalami sendiri proses mendidik, mengasuh kanak-kanak. Ini untuk memastikan satu *transfer of learning*, pemindahan pembelajaran, berlaku dengan secara yang tuntas dalam kita membina guru permulaan.

Kata kunci yang saya sebut di sini adalah sebagai guru permulaan dan mereka ini perlu mendapat petunjuk, mendapat asuhan, mendapat *monitoring*, dimonitor oleh guru-guru yang sudah lama dalam sistem perguruan. Silakan Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita macam disebut semasa perbahasan dan juga Yang Berhormat menjawab tadi bahawa kita ada dua, satu dalam bidang pendidikan di IPTA, satu lagi kos di institut perguruan ini yang bakal kita bentuk tetapi bagi saya bahawa kenapa kita tidak satukan sahaja. Bagi saya bahawa supaya apa yang dilaksanakan di IPTA itu diambil tanggungjawab sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran iaitu melalui latihan di institut perguruan ini.

Walaupun Yang Berhormat mengatakan bahawa lepasan daripada IPTA itu ada peluang-peluang di tempat yang lain di kolej swasta, tetapi bagi saya bahawa itu merugikan perbelanjaan wang kerajaan, wang negara kita. Ini kerana kita membelanjakan untuk memberikan pendidikan kepada mereka di IPTA, lalu mereka berkhidmat dengan pihak-pihak swasta umpamanya. Jadi pihak swasta dia hanya buat kolej buat universiti, dia tidak gaduh fikir untuk memberikan latihan-latihan kepada guru mereka ataupun pensyarah mereka.

Jadi bagi saya bahawa ini sangat-sangat tidak baik kepada tanggungan pengurusan kos kewangan pihak kerajaan sendiri. Akan tetapi bagi saya bahawa adalah lebih wajar untuk menyelaraskan dari segi unjuran yang lebih tepat dan sebagainya supaya kebertanggungjawaban itu diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran.

Dato' Razali bin Ismail: Satu soalan yang cukup bagus malah ini juga merupakan isu-isu yang berbangkit dalam permuafakatan kita. Sama ada misal kata UPSI itu berada di bawah Kementerian Pelajaran ataupun fakulti pendidikan di universiti berada di bawah Kementerian Pelajaran tetapi rakan-rakan kita di universiti pun merasakan agak gusar juga kalau sekiranya tugas yang mereka mainkan berpuluh tahun yang lalu diambil alih oleh IPG. Malah mereka mengatakan bahawa ini adalah merupakan satu *academic criminal* untuk menutup fakulti-fakulti pendidikan yang ada sama ada di universiti-universiti tempatan kita.

Yang menjadi persetujuan kita sekarang ialah bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia akur dengan keputusan Jemaah Menteri. Oleh sebab Jemaah Menteri telah membuat satu keputusan bahawa UPSI ataupun fakulti-fakulti pendidikan lain yang ada itu adalah di bawah kawal selia Kementerian Pengajian Tinggi dan berstatus badan berkanun. Sedangkan IPG ini statusnya agak lain sedikit. Ia adalah merupakan status yang diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran. Jadi ini adalah merupakan satu kelainan dan ada keberuntungan IPG berada di bawah Kementerian Pelajaran sebabnya segala perubahan-perubahan yang hendak dibuat oleh Kementerian Pelajaran misal kata dengan mudah dapat di *adapt* ataupun dapat dilaksanakan, dapat dipinda dapat diakurkan oleh IPG ataupun maktab-maktab perguruan ini.

Sedangkan kalau sekiranya berada di bawah IPTA itu dia ada dia punya syarat-syarat, autonomi dan juga peraturan-peraturan tertentu di universiti itu. Maka dalam konteks inilah kita bersetuju bahawa biarlah keadaan itu begitu, universiti wujud dalam entiti yang tersendiri dan kita ada badan penyelarasan dan permuafakatan itu.

Saya juga ingin menyambung sedikit tadi persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Arau tadi iaitu dari segi kurikulum. Ingin saya sebut di sini bahawa kurikulum BPG adalah bersifat dinamik. Ertinya dia tidak statik, dia selalu melalui satu proses apa yang disebut penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Kurikulum latihan perguruan meliputi yang pertama bidang pengetahuan yang merangkumi pengetahuan isi kandungan subjek yakni disebut sebagai *content knowledge*. Keduanya ialah mengandungi pengetahuan profesional iaitu apa yang disebut sebagai *paradoxical knowledge*. Kepada seorang guru, dia memerlukan tiga syarat yang penting untuk menjadi guru yang berkualiti. Yang pertama ialah *know what to teach*, dengan izin, tahu apa yang hendak diajar. Ini adalah merupakan *content knowledge*. Keduanya ialah *how to teach*, bagaimana untuk mengajar. Ini adalah merupakan komponen yang saya sebut tadi, komponen profesional iaitu dari segi kaedah metodologinya. Ketiganya ialah *want to teach*, ingin dan bermotivasi, ada *drive* untuk mengajar, yakni membina sikap.

Tiga perkara ini adalah merupakan inti sari, inti pati dalam kurikulum bahagian pendidikan guru khususnya IPGA. Bagaimana kita hendak menitipkan dalam pemikiran anak-anak muda kita ini dengan kandungan mata pelajaran, dengan kemahiran untuk mengajar dan keinginan yang tinggi untuk mengajar, membina sikap dan membina sahsiah. Selain daripada itu juga, kemahiran pendidikan seperti mana yang ditanya oleh Yang Berhormat Lipis dan rakan-rakan yang lain yang merangkumi mengesan permasalahan pembelajaran anak-anak, mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber menganalisis, memaparkan maklumat dan membuat apa yang disebut sebagai AR atau *action research*.

Selain daripada itu ialah amalan nilai dan sikap profesionalisme yang mengandungi aspek mematuhi kod etika perguruan, mencintai ilmu dan pembangunan profesional yang berterusan, adil, bertanggungjawab, berdisiplin dan juga ketahanan fizikal, emosi dan spiritual. Seperti mana yang kita tahu bahawa guru-guru yang baru lulus daripada IPG ini akan dihantar ke mana sahaja ke pedalaman, ke Pensiangan, ke Hulu Rejang, ke perkampungan Orang Asli yang memerlukan mereka berdepan dengan keadaan yang *adverse*. Maka '*adversative caution*' juga, iaitu kepintaran, kesiapsiagaan mereka berdepan dengan pelbagai isu-isu kontekstual itu juga harus dilengkapkan. Ini tercatat dalam kurikulum kita apa yang disebut di bawah Program BIG yang maksudnya Bina, Insan Guru.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: [*Bangun*]

Dato' Razali bin Ismail: Ya, silakan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak balik semula apa yang dibangkit oleh rakan saya dari Pokok Sena tadi. Tadi Yang Berhormat menyebut bahawa ada masalah di kalangan tokoh-tokoh pendidikan kita di peringkat IPTA yang menyatakan usaha-usaha mereka selama ini semacam diambil alih apabila maktab di *upgrade* kepada IPG.

■ 1500

Bagaimana pula kalau sebaliknya yang berlaku? Kalau satu penyelarasan yang lebih bijak dan pintar diusahakan supaya IPG ini diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Ini lebih mengurangkan kerenah birokrasi itu. *In terms of*, saya bercakap dengan izin, *of effectiveness*. Keberkesanan masa depan perguruan kita. Yang pertama.

Yang kedua apabila IPG di*upgrade* dengan ada program ijazah, saya mewakili guru-guru bukan siswazah yang selama hari ini mungkin punya masalah mencari tempat di IPTA. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau IPG ini kita memang bersetuju di *upgradekan* dan maknanya falsafah pendidikan ke arah pembelajaran seumur hidup itu disuburkan dan dengan lebih mudah guru-guru bukan siswazah ini mengambil ijazah mereka sama ada melalui PJJ atau Pendidikan Jarak Jauh ataupun yang bersamaan dengannya supaya matlamat akhirnya adalah semua guru-guru kita esok dalam mungkin sepuluh tahun memiliki ijazah yang saya rasa amat penting bagi

masa depan pendidikan negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat terhadap cadangan saya itu? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Ada beberapa pandangan yang bernas saya lihat di situ. Akan tetapi mungkin ada *constraint* tertentu dari segi pelaksanaannya. Tadi Yang Berhormat Pokok Sena bercakap yang IPTA itu berada di Kementerian Pelajaran. Ada *constraint* nya sendiri. Kemudiannya sekarang dicadangkan pula Yang Berhormat Kubang Kerian bagaimana IPG ini ke Kementerian Pengajian Tinggi sekali gus juga dia akan menyebabkan status IPG yang di bawah Kementerian Pelajaran itu kita terpaksa pinda pula kita punya akta ini untuk meletakkannya di bawah universiti yang menjadikannya itu sebuah institusi badan berkanun.

So, ada pula dia punya *constraint* di situ. Sebagai agensi kerajaan Kementerian Pelajaran, IPG sebagai agensi kerajaan yang istimewanya ialah kemudahan dan fleksibiliti keanjalannya untuk menyerap segala perubahan-perubahan dasar yang berlaku. Katakan sekarang ini nisbah guru dan kelas telah dinaikkan daripada 1.5 kepada 1.7. Ini dengan sertamerta memerlukan kira-kira 35,000 orang guru-guru baru. Kalau ini mahu dilaksanakan di universiti, ia agak sukar sebab dia adalah merupakan institusi badan berkanun. Ia tertakluk kepada berbagai-bagai prosedur *senate* dan bermacam-macam lagi. Akan tetapi kerana IPG itu terletak di bawah Kementerian Pelajaran, maka dengan mudah sekarang ini kita boleh memperluaskan kaedah kita dengan JSTT nya, dengan pengambilan KDC dan macam-macam sekali yang boleh kita buat.

Demikian juga guru kita mahu mengsiswazahkan guru sekarang ini, pelbagai kaedah yang digunakan kerana keanjalan itu. Kerana kita berada di bawah kementerian yang sama dan segala polisi-polisi yang berubah, yang dipinda di bawah Kementerian Pelajaran itu dengan mudah dapat diserap dan dapat dilaksanakan oleh IPG ini. Ini adalah merupakan laluan-laluan yang lebih mudah yang kita rasakan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagi saya dia tetap juga ada masalah-masalah, kerenah birokrasi apabila satu bidang berada pada dua kementerian. Jadi saya rasa bahawa isunya sekarang ini berpunca apabila kita pisahkan satu bidang ini kepada dua kementerian yang dahulunya adalah satu kementerian iaitu di bawah Kementerian Pelajaran. Maksudnya IPTA pun di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran.

Sebab itu bagi saya bahawa apakah tidak wajar untuk kita kembalikan supaya Kementerian Pendidikan Tinggi dan juga Kementerian Pelajaran itu untuk berada di satu kementerian seperti dahulu yang memudahkan untuk saya rasa bahawa tidak timbul lagi masalah kita mahu fikir soal unjuran dan sebagainya kerana dia berada di bawah satu kementerian sebab dulu pun tidak ada masalah apabila berada di bawah satu kementerian. Kementerian boleh

handle sama ada IPTA ataupun daripada sekolah rendah sampai ke peringkat IPTA, ke peringkat universiti.

Cuma yang ada kelebihannya boleh wujudlah menteri baru dan timbalan menteri baru. Itu sajalah. *[Ketawa]* Setiausaha politik dan sebagainya. Itu sahaja ada kelebihan. Akan tetapi hakikatnya bahawa kelebihan-kelebihannya yang lain itu tidaklah nampak begitu menyerlah. *[Ketawa]*

Dato' Razali bin Ismail: Kita tengok dalam senarai Kabinet yang baru itu, ada satu saja Kementerian Pelajaran. Akan tetapi kita ada dua. Beginilah ya. Dia sudah jadi satu sejarah. Malah peringkat awal penggubalan pindaan ini, saya terlibat sama. Ketika itu saya di Kementerian Pelajaran sebagai Pengarah Bahagian Pendidikan Guru. Pada mulanya kita memikirkan dalam satu kementerian saja. Jadi kita tidak perlu pinda rang undang-undang ini. Akan tetapi bila sudah dua, terpaksa buat begitulah Yang Berhormat ya. Saya pun tidak boleh seperti kata orang Terengganu, *gostan*. Tidak bolehlah. Kita terpaksa. *The way forward. We got to move forward.* Terima kasih. *[Ketawa]*

Saya juga mahu sebut di sini bahawa kerjasama kita dengan IPTA dan juga IPTS terutamanya dalam perkara yang penting iaitu penggubalan kurikulum latihan perguruan. Sebenarnya kita melibatkan juga pakar-pakar daripada IPTA dan juga IPTS seperti OUM dan juga agensi yang lain dengan kita melibatkan subjek *matter expert* daripada IPTA dan juga dengan bahagian Kementerian Pelajaran kita untuk kita melahirkan apa yang disebut sebagai standard guru Malaysia.

Ini melibatkan tiga peringkat iaitu peringkat *pre council*, perbincangan sebelum menggubal kurikulum, penggubalan dan juga pemurnian dan juga penilaian semula ke atas kurikulum itu. Ini adalah mekanisme yang dibuat dalam usaha kita supaya perubahan ini tidak hanya bersifat kosmetik. Saya pulang balik kepada persoalan kita yang awal itu supaya ia benar-benar dapat kita menjelmakan insan guru yang sebaik mungkin dalam proses perubahan ini. Selain daripada itu juga, saya mahu sebut di sini bahawa IPG sekarang ini cuba untuk mewujudkan satu kebitaraan latihannya, *uniqueness* dari segi latihan perguruan itu sendiri.

Yang pertama latihan diberikan selaras mematuhi keperluan pihak *customemya*, iaitu pihak *stakeholdemya* iaitu sekolah. Sebab itu tadi saya sebut ada makmal di IPG. *Lab school* ataupun *teaching school* seperti mana juga di universiti untuk memastikan guru-guru permulaan yang dilahirkan di IPG ini dengan mudah dapat berkhidmat di sekolah-sekolah. Isi kandungan dan latihan merupakan manifestasi dan pencerapan daripada sukatan pelajaran sekolah. Ini mahu membolehkan laluan yang mudah. Selain daripada itu juga, pensyarah-pensyarah yang mengajar di IPG ini mesti sekurang-kurangnya mempunyai pengalaman lima tahun berada di sekolah.

Selain daripada kemahiran insaniah guru, *soft skill*, R&D diberi tumpuan, latihan yang bersifat amali, penekanan kepada kokurikulum dan juga penetapan jumlah kredit mengambil kira

beban pelajar bagi menjadikan pembelajaran itu berkesan selain daripada usaha-usaha untuk pendidikan yang bersifat *student centered*.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail: Ada berdiri. Mahu tanya?

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sebentar.

Dato' Razali bin Ismail: Sekejap saja. Boleh saya habiskan dalam masa seminit dua lagi ya. Selain daripada usaha-usaha kita untuk kita membina insan guru ini yang sebaik mungkin dengan kemahiran-kemahiran disebut sebagai kemahiran generik, kemahiran berfikir, kemahiran *individual learning* selain daripada *clinical supervision*, selain daripada sistem sokongan daripada guru-guru yang sudah lama berkhidmat dalam sistem pendidikan dan juga amalan membuat refleksi. Silakan.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu *respond* tentang pendidik ataupun pensyarah yang ada di IPG. Ada kawan-kawan saya yang terlibat di IPG sebagai pensyarah yang mana mereka menimbulkan persoalan ketua jabatan yang ada di IPG itu ada yang dari segi *degree holder*. Ada yang sarjana dan ada yang masih lagi *first degree* sedangkan yang baru masuk ini ada yang sudah peringkat sarjana.

Jadi mereka mempunyai masalah sedikitlah dari sudut berhubung daripada komunikasi dengan *senior-senior* pensyarah di IPG. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih. Saya kira persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi adalah yang berkaitan dari segi perjawatan dan perkhidmatan pensyarah-pensyarah. Saya ingat saya akan sampai kepada situ Yang Berhormat ya. Saya mahu sambung sedikit lagi. Dalam usaha kita membina satu kurikulum dan juga latihan yang akan membawa kepada kewibawaan IPG ini.

Akhir sekali saya mahu sebut tentang penilaian ya. Penilaian yang dibuat kepada calon-calon guru di IPG adalah bersandarkan kepada keterampilan akademik, kokurikulum, praktikum dan juga kewibawaan sahsiahnya dan keempat-empat komponen ini adalah merupakan wajib lulus dalam ketiga-tiga komponen yang telah saya sebut itu. Seterusnya saya ingin sebut tentang pertanyaan daripada Yang Berhormat Klang. Tentang perjawatan saya akan sebut. Yang Berhormat sabar sekejap boleh?

Adakah ijazah yang dikeluarkan di IPG mempunyai kualiti seperti yang ditetapkan oleh MQA.

■ 1510

Sebagaimana semua IPTA dan IPTS, IPG juga berusaha mendapat pengiktirafan oleh MQA bagi Program Latihan Perguruan yang ditawarkan di 27 buah IPG. Sehubungan dengan itu, IPG sedang berusaha mendapatkan akreditasi pengiktirafan berdasarkan kepada program-program yang dibuat oleh IPG, yakni IPG menawarkan 14 program bidang pengkhususan.

MQA juga membuat *auditing*, pengauditan untuk memberi akreditasi kepada program yang dijalankan di IPG kita iaitu apabila pelajar berada pada tahun kedua pengajian. Antara persediaan yang telah dibuat bagi mendapat akreditasi daripada MQA ialah:

- (i) penetapan-penetapan hasil pembelajaran dan pengurang kredit menurut ketetapan MQA;
- (ii) pendedahan Kod Amalan Jaminan Kualiti IPTA;
- (iii) penubuhan struktur MQA *framework*;
- (iv) penyediaan pangkalan data mengikut MQF;
- (v) menerima *Code of Practice for Programme Accreditation* daripada MQA; dan
- (vi) lawatan MQA secara berkala ke IPG.

Di samping itu, Kementerian Pelajaran sendiri telah menggubal apa yang disebut awal tadi, Standard Guru Malaysia. Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail: Ya, silakan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan kurikulum tadi.

Adakah sebenarnya telah sampai masanya, kurikulum perguruan ini melalui proses yang dikatakan *total reform*. Suatu pembaharuan yang secara menyeluruh bukan sekadar kita mengambil pendekatan 'Juzui'yah', kita ambil sebagai sebahagian sahaja.

Ini kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana Yang Berhormat sendiri berpengalaman dalam dunia pendidikan ini, kita mengalami masalah ada calon yang latar belakangnya ataupun master dalam bidang pertanian, mengajar bahasa Malaysia di sekolah, akauntan mengajar matematik tambahan di sekolah. Ini sudah tentu menimbulkan apa yang dikatakan *a certain thing*. Kadang-kadang kecelaruan di dalam diri guru-guru itu sendiri. Sedangkan Yang Berhormat sendiri faham bahawa, yang kita maksudkan dengan *total reform* itu adalah suatu program yang menyeluruh. Ini kerana manusia ini, Yang Berhormat sendiri faham bahawa penilaiannya, IQ, SQ, EQ dan seumpamanya dan kemudian penekanan terhadap budaya beragama. Sebab kita mengalami masalah anak-anak yang menghadapi, ini masalah besar dalam negara kita.

Adakah Yang Berhormat sebut kurikulum itu, maknanya kita bersedia ke arah suatu mencari satu jalan dan formula yang secara total? *Total reform* yang mesti kita buat demi kebaikan generasi yang kita didik di sekolah-sekolah. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian, ya. Dalam kurikulum kita, falsafah pendidikan negara kita masih kita teruskan iaitu membina insan yang disebut sebagai insan yang bersepadu, *holistic individual*, yang disebut juga sebagai *total paradigm*. Kita sedar

bahawa manusia itu ataupun pelajar-pelajar itu perlu kita bina, perkasakan bukan sahaja dari segi IQ atau *Intelligent Quotient*, malah juga dari segi PQ atau *Physical Quotient*, dari segi kesihatan fizikalnya, bukan dari segi *Physical Quotient* dan juga dari segi SQ atau *Social Quotient*, *Spiritual Quotient*, *Emotional Intelligent*. Ini adalah merupakan satu pendekatan yang bersepadu. Memang terdapat dalam kurikulum kita. Kita masih belum lari daripada *paradigm*, paradigma apa yang disebut sebagai total *paradigm* dalam membina insan, supaya setiap guru itu kenal akan dirinya sendiri. Bukan sekadar mengenal dirinya tetapi dia juga dapat mengawal dirinya.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail: Bukan sahaja dapat mengawal dirinya, dapat memberi dirinya untuk membuat kebaikan lebih-lebih lagi dalam usaha dia mentarbiah, mendidik, menjadi seorang mualim, menjadi orang yang akan memudahkan 'mudares' dari segi pendidikan anak-anak kita ini. Silakan Yang Berhormat Telok Intan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai dengan setiap guru yang begitu berkelelahan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah jawapan menteri terhadap guru baru-baru ini di Banting yang mengeluarkan kata-kata yang bersifat lebih kurang hasutanlah terhadap sesuatu kaum? Adakah isu-isu perkauman dididik di IPG-IPG ini? Bagaimana ini boleh terjadi? Bukan satu contoh sahaja, tetapi di beberapa sekolah telah berlaku dan bagaimana kurikulum ini menyediakan guru-guru kita untuk mengajar murid-murid daripada berbagai-bagai kaum?

Dato' Razali bin Ismail: Soalan Yang Berhormat, kerana itu adalah merupakan yang terlalu spesifik. Kita tidak boleh, "Seekor kerbau membawa lumpur, habis semuanya terbalik"

Sebab kalau dari segi disiplin pun, kita memang terdapat di kalangan kita pun duduk di Parlimen ini ada yang bercakap tertib, ada yang memekik, terlolong, macam-macam. Ini adalah merupakan sifat-sifat tertentu tapi kita ada garis kasar kita dalam kita membina guru. Guru ini perlu ada sifat tolak-ansur, sifat faham-memahami di antara satu sama lain, kehalusan budi pekertinya, ini adalah merupakan *paradigm* yang kita tekankan dalam pendidikan. Namun, saya tidak dapat menafikan ada kes yang pun saya terbaca. Malah jawatankuasa tatatertib dan penaziran telah memantau kes serupa ini. Jadi ada, saya tidak nafikan.

Dalam masa yang sama juga kita dalam melatih guru, kita juga memberi penekanan dalam membentuk, membina sahsiah dan membina insan guru ini dan ia adalah merupakan satu usaha yang berterusan yang kita lakukan.

Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara, Putatan dan Kota Melaka bertanya tentang hal pensyarah. Pensyarah perlu sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana dan juga apakah kriteria pelantikan pensyarah. Semua pensyarah di IPG yang mengendalikan program peringkat Sarjana Muda mesti memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana. Ini adalah merupakan prasyarat kita.

Kementerian Pelajaran juga mengambil langkah untuk meningkatkan tahap akademik dan profesionalisme para pensyarah di IPG, kita ada *Expert Training program*. Ada pensyarah-pensyarah kita dihantar untuk sambung *courses* di *Stamford University*, di *Harvest, Cambridge* ataupun juga *attachment* yang dibuat di universiti-universiti yang mempunyai program *twining* dengan IPG kita di Malaysia ini. Melalui program pensarjanaan pensyarah IPG bagi peringkat master dan PhD dan kita ada unjuran-unjuran kita. Selain daripada program apa yang disebut sebagai CPD atau *Continuing Professional Development*. Kriteria pemilihan pensyarah di IPG ialah memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang yang bertepatan dengan keperluan institusi latihan.

Ertinya kalau sekiranya kita hendak bidang Psikologi, dia memerlukan pengkhususan di bidang Psikologi. Ini hendak memastikan keselarian bidang pengkhususan mereka. Sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman. Laporan prestasi cemerlang selama tiga tahun berturut-turut daripada sekolah, tempat dia asal bertugas. Melepassi temu duga yang dipengerusikan oleh Pengarah IPG sendiri dan juga penglibatannya yang aktif dalam kokurikulum. Nilai tambah juga diberi kepada aspek penglibatan dalam penyelidikan, penyelidikan tindakan, pembentangan kertas kerja, penglibatan dalam komuniti dan juga kemahiran komunikasi.

Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara, Bandar Kuching dan Ranau juga bertanya tentang Kementerian Pelajaran dalam usaha meningkatkan kualiti pelatih yang diterima masuk ke IPG ini.

Kementerian Pelajaran telah meletakkan syarat dan kriteria pemilihan calon guru yang amat ketat bagi mengisi tempat di IPG. Calon-calon hendaklah menepati syarat dan saya sebut tadi, saya ulangi ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Bangun*]

Dato' Razali bin Ismail: Sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan. Ini pelantikan pensyarah-pensyarah ini. Sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ada prasyarat kelayakan. Namun, adakah ini benar-benar diimplementasikan kerana ramai di antara rakyat Malaysia khuatir kerana pensyarah-pensyarah ini terlantik bukan atas meritokrasi tetapi kerana pilih kasih oleh pihak-pihak yang berkenaan. Di mana pihak-pihak yang tidak ada kelayakan yang tertentu pun dilantik. Kalau kita semua tahulah bahawa *we don't have best brains* yang mengajar dalam universiti-universiti di negara ini dan apakah tindakan susulan yang akan diambil dan pendirian Kementerian Pendidikan?

Dato' Razali bin Ismail: Saya bercakap dalam konteks IPG. Saya sendiri ada pengalaman sebagai pensyarah IPG di IPG.

■1520

Saya juga dan pengalaman sebagai pengetua ataupun pengarah institut perguruan, saya juga pernah jadi pengarah bahagian pendidikan guru ini. Kita ada kita punya inventori, senarai semak kita sendiri. Semakin tinggi orang mempunyai kelayakan dan sesuai dari segi bidang yang

dimohonnya itu, ini adalah merupakan *preference* kita. Saya ada rakan-rakan saya, dia pelbagai keturunan. Ada daripada Sabah, Sarawak, daripada suku kaum Iban, suku kaum Murut, Tionghoa, rakan India. Saya telah beri syarat-syaratnya itu iaitu memiliki ijazah, sarjana, pengalaman. Dia ada kita punya prestasi kecemerlangan tiga tahun berturut-turut.

Selain daripada ditemu duga oleh pengarah IPG sendiri dan juga penglibatan-penglibatan yang lain. Mungkin pandangan saudara itu saya tidak tahulah sama ianya pandangan yang umum ataupun satu perspektif yang pada pandangan, persepsi sendiri sebab kita cuba untuk mendapatkan *the best* di kalangan pensyarah-pensyarah kita ini. Saya telah cuba menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh rakan-rakan kita agar apa yang berlaku dalam pindaan ini supaya tidak ia bersifat kosmetik.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: [Bangun]

Dato' Haji Lilah bin Yassin [Jempol]: [Bangun]

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail: Kita hendak memastikan sebab yang paling penting dalam sistem pendidikan kita ini ialah guru-guru yang kita lahirkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ada tiga orang bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi yang kalau kita lihat kriteria pemilihan pensyarah tadi memang agak ketat dan saya percaya dan penuh yakin dengan pemilihan yang dibuat oleh IPG ini. Kalau kita lihat pensyarah-pensyarah di IPG ini untuk mendapat pengalaman sebagai pensyarah, menimba ilmu dengan kriteria yang diberi dari segi penyelidikan sebagainya mereka, maknanya proses itu merupakan satu proses yang berterusan. Mereka tidak boleh menjadi pensyarah, kemudian berpindah pula ke mungkin ke bahagian lain. Kemudian balik menjadi pensyarah semula dan sebagainya.

Jadi adakah nanti *service* di IPG ini akan menjadi satu *service* yang dengan izin *close service* atau kita masih lagi menggunakan dengan izin *open service*. Di mana pegawai-pegawai daripada bahagian-bahagian lain yang tidak mempunyai pengalaman sebagai pensyarah akan masuk ke IPG ini dan mengikut gredlah. Kalau gred yang lebih tinggi mungkin terus menjadi ketua jabatan dan sebagainya. Sedangkan pensyarah-pensyarah sepatutnya berada di IPG dan mereka secara *in-depth* dengan izin untuk menimba ilmu, menimba pengalaman dan sebagainya kerana lebih matang. Lebih lama seorang pensyarah dalam bidang syarahannya, saya percaya lebih matang seorang pensyarah itu. Jadi ini berkait juga dengan gred gaji, berkait juga dengan laluan kerjaya mereka. Jadi mohon penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Ini adalah merupakan satu pandangan jauh ke hadapan supaya pensyarah-pensyarah daripada IPG ini dalam lingkungan

Kementerian Pelajaran sahaja. Lebih-lebih lagi saya hendak sebut di sini bahawa pensyarah-pensyarah di IPG yang memiliki ijazah sarjana ialah 75% sekarang ini, PhD; 15% dan 10% itu adalah ijazah pertama.

Sekarang ini kita mengguna *nomenclature* DG. Contohnya DG44. Skim perkhidmatan di IPG ialah bermula daripada DG44, 48, 52, 54 dan dia boleh pergi kepada gred khas JUSA C. Kita guna *nomenclature* DG, ertinya “Didik Guru”. Saya ingat ini adalah seindah-indah, sebaik-baik istilah yang digunakan, DG - Didik Guru.

Kalau di universiti digunakan DS kalau tidak silap “Didik Siswa” dan digunakan *nomenclature* yang lain. Kalau sekiranya dibuka ruang itu, saya tidak tahu barangkali ramai yang daripada fakulti pendidikan universiti akan turut ke Kementerian Pelajaran. Mungkin akan berlaku satu lambakkan di IPG sendiri tetapi yang disebut oleh Yang Berhormat Lipis tadi juga kita hendak buka satu ruang supaya berlaku proses penghamilan. Dia boleh bercampur gaul dalam profesion melatih guru. Ini adalah merupakan satu pandangan yang boleh kita fikirkanlah untuk masa depan. Akan tetapi dalam keadaan sekarang ini kita masih kekal dengan *nomenclature* DG iaitu “Didik Guru”. Saya tengok tadi ada siapa hendak bertanya tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Puteh bangun Yang Berhormat.

Dato’ Razali bin Ismail: Yang Berhormat Jempol, minta maaf Yang Berhormat Jempol dulu tadi.

Dato’ Haji Lilah bin Yassin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kurikulum IPG ini, kalau kita melihat keistimewaan guru-guru lepasan maktab ini dulu, latihan yang diberikan kepada mereka adalah sangat menyeluruh. Ini termasuklah kemahiran dalam bidang ko-kurikulum berbanding daripada guru-guru siswazah yang lepasan mana-mana universiti yang tidak terdapat pengkhususan latihan di mana-mana universiti pada waktu tersebut. Adakah dengan pindaan ini, latihan dalam bidang ko-kurikulum ini juga diberikan kepada guru-guru tersebut.

Dato’ Razali bin Ismail: Kita akan terus tuntas sebab ko-kurikulum itu adalah merupakan komponen yang penting di sekolah. Ko-kurikulum bidang yang penting, kita akan terus kekalkan. Satu penambahbaikan sekarang ini adalah kalau dulu di maktab perguruan yang mengendalikan ko-kurikulum itu pensyarah sendiri. Sekarang kita hendak beri satu kaedah baru pengkhususan kepada ko-kurikulum dia ada *cohort* pegawai-pegawai tertentu yang akan mengendalikan ko-kurikulum. Yang ke kuliah, *proper* akademik kepada satu kumpulan pensyarah yang lain pula.

Ini untuk memastikan beban dan yang berkurangan kepada pensyarah supaya ia dapat juga melakukan kegiatan-kegiatan yang lebih profesional dalam mereka mencari gali ilmu yakni melalui pembacaan dan R&D, *research and development* ataupun penyelidikan-penyelidikan dan

juga membuat penemuan-penemuan baru dari segi pedagogi ataupun dari segi metodologi pengajaran. Silakan.

Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]: Terima kasih pada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tambahkan sahaja dari segi syarat ataupun kriteria pensyarah-pensyarah ini. Satu sebab yang saya nampak macam kita mencari kemahiran mungkin dari segi akademiknya umpamanya atau dari segi pengalamannya. Akan tetapi oleh kerana pensyarah ini sendiri ialah orang yang akan melatih guru-guru di sekolah, kita rasakan bahawa di antara kriteria yang penting yang kita perlu ada ataupun menjadi sesuatu pilihan ialah soal akhlak kepada pensyarah, itu satu.

Kedua ialah barangkali soal berdasar kepada perlembagaan negara kita sendiri bahawa satunya ialah kita hendak melahirkan rakyat yang beragama, mempercayai kepada tuhan umpamanya dalam Rukun Negara kita. Saya bimbang kalau kita tidak titik beratkan soal agama ini walau agama apa sekali pun. Guru-guru yang kita lahirkan nanti ialah guru-guru yang tidak mendidik rakyatnya kepada agama ini. Kalau guru Islam, dia akan mendidik anak-anaknya ialah dengan didikan Islam dan begitu juga guru-guru lain. Kalau itulah saya ingin supaya penekanan kepada akhlak dan agama ini perlu kepada pensyarah-pensyarah universiti ini. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya bersetuju ya, memang setiap guru itu kata kunci yang paling penting yang harus dipegang oleh mereka ialah adab dan akhlaknya. Malah, dalam sabda Rasulullah SAW; [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]. Ertinya "*Tuhan ku telah mendidiku, maka eloklah adab dan pekerti ku*". Ini adalah merupakan kata kunci yang penting sebagai seorang yang akan melatih, mengasuh dan mendidik sebagai seorang guru yakni adab itu sendiri, akhlak itu sendiri. Oleh sebab itu tadi saya tidak ketinggalan sebut bahawa dalam kurikulum perguruan sahsiah membina guru-guru pelatih itu adalah merupakan satu komponen yang utama. Bina, insan, guru - B.I.G. Besar kita dengar bunyinya tapi ini adalah merupakan satu perkara yang diberi tumpuan yang penting dalam melatih guru ini.

■1530

Sama juga seperti yang disebut tadi, dalam aspek keagamaan memang kita berikan tumpuan. Tidak kiralah sama ada daripada keturunan lain, asas akhlak, asas agama, peradaban itu adalah merupakan kata kunci yang diberi perhatian.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Seterusnya saya ingin menjawab beberapa persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Tawau dan juga Yang Berhormat Labuan iaitu berhubung dengan isu kekurangan guru. Kekurangan guru bukan sahaja wujud di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina tetapi juga hampir di semua jenis sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. Walau bagaimanapun, ini merupakan masalah sementara akibat pewujudan jawatan-jawatan baru dalam Anggaran Belanja Mengurus 2008.

Di antara yang telah disebutkan tadi ialah nisbah guru kepada kelas yang kita telah angkat daripada 1.5 kepada 1.7 yang memerlukan segera 35,000 guru baru. Jadi, kita tidak boleh melatih guru dalam kaedah *quick-fix*, serta-merta sahaja. Ini perlu satu proses yang berpanjangan dan berterusan untuk melatih guru.

Jadi dalam konteks ini, pewujudan jawatan tambahan juga untuk meringankan beban guru. Ada persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat dan rakan-rakan yang lain tentang beban guru. Jadi dalam usaha hendak mengurangkan beban guru ini, maka nisbah ini ditambah. Maka dalam keadaan serta-merta akan berlaku masalah-masalah kekurangan guru dan di samping itu untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan sekolah. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya tertarik dengan soal kekurangan guru. Saya merujuk terutama sekali kepada kawasan-kawasan di luar bandar di mana masalah kekurangan guru ini amat terasa sekali.

Yang Berhormat, soal untuk mengatasi masalah kekurangan guru ini saya kira bukan hanya ditumpukan dari segi pengeluaran ataupun latihan guru-guru, mengeluarkan guru-guru. Akan tetapi, masalah yang dihadapi di kawasan pedalaman terutama sekali di Sabah dan Sarawak ialah kemudahan tempat tinggal. Di mana apabila seorang guru yang bertatarbelakangkan daripada bandar, apabila ia ditempatkan di kawasan luar bandar dan tidak mempunyai tempat tinggal, maka ini adalah satu masalah. Jadi saya rasa ini adalah 'serampang dua mata' Yang Berhormat. Kita dapat tahu banyak kes, terutama sekali di Sabah. Guru ditempatkan di satu sekolah di luar bandar, tetapi dalam satu *term* atau satu penggal didapati guru itu tidak perlu datang ke sekolah. Oleh sebab tempat tinggal tidak ada *electricity*, tidak ada air dan sebagainya. Jadi adakah kementerian ingin mengambil tindakan 'serampang dua mata' ini?

Soalan kedua Yang Berhormat, tadi mengenai dengan soal pendidikan agama di kalangan guru-guru. Tadi Yang Berhormat telah menerangkan dengan pendidikan dari segi agama Islam. Akan tetapi, bagaimanakah dengan guru-guru daripada agama yang lain? Adakah kementerian membenarkan pensyarah, sama ada *full time* ataupun sambilan untuk mengendalikan pengajian agama-agama yang lain? Seperti di dalam sekolah Yang Berhormat, apabila kelas agama Islam diadakan, murid-murid yang bukan beragama Islam diberikan Pendidikan Sivik.

Adakah satu program yang sama akan dicadangkan di dalam IPG nanti? Ini disebabkan saya sangat bersetuju dengan penerangan Yang Berhormat bahawa pengetahuan agama sangat penting untuk membina seorang guru insan yang boleh mengajar rakyat, bukan sahaja dari segi pendidikan tetapi dari semua aspek. Jikalau kita lihat di Singapura Yang Berhormat, Kerajaan

Singapura seolah-olah dengan izin *make it compulsory for students at least to take four universal religion in order to mores citizen* pada masa akan datang. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Untuk maklumat Yang Berhormat, saya pernah bertugas di Tuaran. Saya tahu tentang masalah-masalah di pedalaman. Saya bersama dengan Yang Berhormat Pensiangan, saya pernah masuk sampai ke pedalaman di Salinatan. Lima jam naik bot pelancong, melihat sendiri keadaan sekolah di sana.

Memang saya akui bahawa masalah penginapan dan masalah tempat tinggal guru. Akan tetapi meskipun begitu insentif-insentif tertentu telah diberikan oleh Kementerian Pelajaran iaitu apa yang disebut sebagai P1, P2, P3. P1 itu ialah dekat dengan bandar, dia dapat insentif RM500.00 satu bulan, ekstra. P2, RM1,000.00, P3 iaitu yang paling *remote*, iaitu RM1,500.00. Demikian juga saya lihat sekolah-sekolah di Hulu Rajang. Di Bintangau, Pelagus dan beberapa sekolah yang saya lihat.

Memang kita tidak dapat menafikan bahawa kekurangan-kekurangan itu wujud. Marilah kita mengharapkan di bawah Bajet yang akan datang dan akan dibentangkan tidak lama lagi itu, peruntukan bagi Kementerian Pelajaran itu sentiasa *on the top priority* dalam usaha kita membina dan membangunkan modal manusia, modal insan ini. Ini adalah disebabkan ia merupakan satu keperluan asas bagi guru kita. Sementara lagi kalau guru-guru kita yang dihantar daripada jauh terutamanya daripada kota raya dan yang hendak menyesuaikan dirinya di sana itu, setidaknya tidaknya tempat penginapan mereka sebagai asas keperluan ini perlu juga kita beri keprihatinan.

Kemudiannya, yang kedua adalah tentang pendidikan agama. Memang saya mengakui bahawa ini adalah merupakan satu dimensi yang penting. Orang sekarang sudah banyak bercakap dari segi *moral intelligent*. Orang sekarang sudah banyak bercakap dari segi aspek-aspek yang disebut sebagai *the inside out factor*. *Inside out factor*, bagaimana dia harus mengenali hakikat dirinya sendiri? Bagaimana dia harus mengawal dirinya sendiri daripada pelbagai macam iaitu hasutan-hasutan ataupun ajakan-ajakan luaran? Saya tidak menafikan ini.

Oleh sebab itu, seperti saya sebutkan tadi iaitu di IPG, kita berikan penekanan. Kalau sekiranya kita tengok di Sabah dan Sarawak, iaitu di Maktab Perguruan Batu Lintang. Dia ada kemudahan-kemudahan pengajaran *moral education* dan sekali gus juga agama yang diberikan kepada pelajar-pelajar di situ. Begitu juga di IPG, Rajang di mana di situ ramai guru-guru daripada keturunan Iban yang daripada penganut agama Kristian. Dia ada kemudahan-kemudahan untuk mereka beribadah dan dalam usaha kita menerapkan *moral intelligent* ataupun kecerdasan mereka menguasai dan juga mengawal emosi ataupun perasaan mereka.

Seterusnya berhubung dengan tindakan-tindakan yang diambil untuk mengurangkan masalah kekurangan guru ini, beberapa kaedah telah dibuat oleh Kementerian Pelajaran. Di antaranya ialah sebagai sementara, ia mengambil Guru Sandaran Tidak Terlatih. Kementerian Pelajaran telah meluluskan pengambilan GSTT berdasarkan kepada data kekosongan. Tadi

saya banyak mendengar rungutan tentang kekosongan-kekosongan yang seolah-olah disebut beribu-ribu. Yang Berhormat Kuching tidak ada di sini ya? [*Melihat tempat duduk Yang Berhormat bagi Bandar Kuching*].

Di Bandar Kuching sebenarnya kekosongan guru ialah cuma 158 orang sahaja. Ini adalah untuk di SRJK(C). Kemudian di Selangor adalah merupakan yang tinggi, 372 orang. Kita ada data ini. *This is head count* yang diambil dari semasa ke semasa. Akan tetapi dalam masa yang sama, bila kita kenal pasti ada kekurangan di sini, kita terus melakukan pengisian. Kaedah-kaedah pengisian itu di antaranya seperti yang telah disebut tadi, iaitu GSTT.

Bagi tahun 2008 sahaja, sejumlah 3,095 orang GSTT telah diluluskan untuk mengisi kekosongan di SRJK(C). Kita tidak harus dan kita tidak boleh menolak bahawa nisbah guru di Malaysia ini adalah seorang guru kepada 16 orang murid. Sebenarnya ini adalah merupakan satu keadaan yang cukup baik. Seorang guru secara keseluruhannya, secara *the big picture* ialah kepada kira-kira 16 atau 17 orang murid.

Akan tetapi kadang-kadang *mismatching* daripada segi pengkhususan dan juga dari segi lokasi. Kadang-kadang kita dapati guru-guru wanita yang tidak mahu berjauhan daripada emak atau datuknya itu, yang mahu sahaja berdekatan. Kadang-kadang mereka enggan pergi ke sana. *This is deployment*, bagaimana kita hendak mengagih-agihkan? Ini adalah merupakan isu-isu yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran. Kadang-kadang memohon pertukaran dengan tidak mematuhi syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran walaupun berbagai-bagai kaedah telah dibuat sekarang ini. Di antaranya adalah melalui kaedah pertukaran yang hanya dibuat dua kali setahun dengan membuat permohonan pertukaran melalui *online application*.

Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil pelbagai langkah untuk menangani masalah kekurangan guru terlatih dalam pelbagai opsyen di seluruh negara termasuk di SJK(C) dan SJK(T). Sehubungan dengan itu Kementerian Pelajaran telah melatih guru-guru dengan pelbagai mod latihan. Di antaranya:-

- (i) Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM). Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah, *School Based Training*;
- (ii) LPBS, Latihan Perguruan Berasaskan kepada Sekolah;
- (iii) Kursus Diploma Perguruan Malaysia;
- (iv) Mod KDC, Kursus Dalam Cuti;
- (v) Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI). Mod Latihan Perguruan Berasaskan kepada Sekolah;
- (vi) Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan, yang hendak kita mulakan sekarang ini;
- (vii) Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Ini adalah *twinning program* kita itu di universiti-universiti tempatan dan juga luar negara.

- (viii) Program Ijazah Sarjana Muda Cemerlang, ini untuk kita hantar ke luar negara, calon-calon yang cemerlang;
- (ix) Program berkembar dengan Universiti dari Republik Rakyat China;
- (x) Program Khas Pensiswazahan Guru; dan
- (xi) Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah. Ini adalah merupakan mod-mod latihan yang dibuat untuk memastikan kekurangan guru sentiasa kita ambil perhatian yang utama supaya tidak berlarutan.

■1540

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, panjang lagi ke jawapan Yang Berhormat itu?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Penjelasan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya rasa dalam masa...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dalam masa?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, dari segi dasar pengambilan guru...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jempol dahulu, Yang Berhormat. Selepas itu Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, dahulu dari segi dasar pengambilan guru di maktab, latihan kita buat berdasarkan kepada keperluan dan kekosongan jawatan. Dengan peralihan kepada IPG ini adakah kementerian bercadang untuk kita keluar daripada syarat tersebut? Maksudnya kita isi seberapa banyak guru yang kita boleh kerana mengambil kira keperluan guru-guru semasa yang kadang-kadang dia bersalin, bercuti panjang dan ini melibatkan kekosongan yang begitu banyak. Guru-guru yang berkursus yang meninggalkan kelas yang terlalu lama dan sebagainya dan dengan keluarnya syarat ini nanti, saya fikir akan dapat mengatasi kekurangan guru di negara kita.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Jempol ya. Sebenarnya kita ada unjuran kita dan unjuran kita ini kita muafakatkan dengan pelbagai agensi termasuk juga dengan universiti-universiti dan juga pegawai-pegawai daripada pelbagai bahagian di Kementerian Pelajaran – Bahagian Sekolah, Bahagian Pendidikan Guru, Jemaah Nazir – itu adalah merupakan agensi dalam Kementerian Pelajaran dan kita tidak boleh mengambil terlalu

ramai sebab dia ada *constraints* dari segi kewangan bajet dari segi jawatan yang diluluskan oleh agensi pusat, terutamanya oleh pihak JPA. Dia ada dia punya peraturan-peraturan tersendiri.

Kita juga ada tindakan-tindakan segera kita, terutamanya kita mengambil guru kontrak ataupun guru stok simpanan kita. Di semua PPD sekarang ini, ia ada strateginya untuk mengambil, mengenal pasti guru-guru yang bersara barangkali ataupun yang sanggup bertugas dengan kita beri insentif-insentif tertentu. Ini adalah merupakan guru dalam simpanan kita, *reservelah* di mana berlaku kekurangan ataupun di mana berlaku dikatakan tadi cuti bersalin, cuti ke Mekah atau kursus panjang tiga bulan di mana dengan segera kita dapat *slotkan* guru-guru ini untuk mengisi kekosongan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, saya cuma ingin sedikit sahaja penjelasan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Sedikit sahaja tau.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya. Mengenai kekurangan guru ini, kita berbincang mengenai kekurangan guru secara am, secara umum, bagaimanakah atau apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi kekurangan guru lelaki yang sangat akut sekarang kerana di sekolah-sekolah hampir 90% daripada guru adalah wanita dan murid-murid lelaki perlu *role model* daripada guru-guru lelaki. Jadi kita tidak mahu murid-murid sekolah kita akhirnya hanya melihat contoh guru-guru perempuan yang semuanya nanti jadi lembut-lembut belaka. *[Ketawa]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat, kita tidak ambil yang jenis lembut. Kalau boleh kita melalui proses saringan kita itu yang baru-baru ini ada disebut juga yang lembut itu sudah masuk bertanding kelembutan dia itu.

Jadi sebenarnya kita secara tidak langsung cuba hendak tetapkan nisbah itu. Kalau boleh dalam lingkungan tidak lebih daripada 50:50 lah, tetapi tidak tahulah kot Bukit Mertajam marah pula pada kita. Mungkin dia kata ini *gender discrimination* sebab kita perlukan seperti mana yang telah disebutkan oleh Kota Raja tadi, kita hendak model yang baik kepada anak-anak, kepada pelajar-pelajar kita. Bukan semata-mata daripada satu gender sahaja. Jadi proses pengimbangan ini perlu dilakukan. Memang pun Bahagian Perkhidmatan Guru dari semasa ke semasa juga melihat kepada usaha-usaha untuk menambahkan guru-guru lelaki ini.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya, silakan. Sedikit sahaja tau.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya tertarik dengan penjelasan yang diberikan berhubung dengan jumlah guru-guru dan nisbah yang hakikatnya adalah seorang guru kepada 16 orang murid. Akan tetapi kita tahu bahawa di sekolah-sekolah dan sebagainya, ini adalah jauh

daripada apa yang sedang berlaku dan disebut bahawa ini adalah disebabkan oleh masalah *mismatching*. Lalu masalah *mismatching* ini semestinya telah berlaku oleh kerana perancangan yang mungkin tidak begitu tepat ataupun tidak begitu kena atau macam mana? Kalau sekiranya nisbah yang satu guru kepada 16 anak murid tetapi *on the ground*, dekat sekolah-sekolah kita dapati seorang guru, satu kelas darjah ada sampai 40 anak murid atau 50 anak murid dan sebagainya – jauh sangat lari.

Takkan soal *mismatching* dapat kita perjelaskan dengan memberikan penerangan guru perempuan yang hanya hendak duduk dengan emak, datuk dia dan sebagainya. Mesti ada lebih daripada itu iaitu bukan sekadar persoalan gender, mungkin soal pengkhususan melalui. Ini semua kembali kepada persoalan perancangan di manakah tersilapnya perancangan ini yang telah menyebabkan kita ada jumlah guru yang cukup, tetapi kita tidak boleh memanfaatkan guru-guru ini dengan seperti mana yang sepatutnya, kalau boleh diperjelaskan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Kita sedang memikirkan apa strategi-strategi yang terbaik sebab kadang-kadang kita memikir secara *top-down*, dari atas, dari *policy makers* membuat perancangan begitu. Kita boleh memikirkan juga daripada kita *decentralized*. Ertinya dari peringkat PPD sendiri – mengenal pasti berapa banyak keperluan guru di peringkat daerah dan apakah bentuk pengkhususan yang diperlukan untuk mengelakkan daripada *mismatching* tadi. Ini adalah merupakan perkara yang sedang diapungkan di Kementerian Pelajaran untuk kita memikirkan yang terbaik untuk kita memastikan *mismatching* dan isu-isu pertukaran guru dan serba macam itu boleh kita ambil tindakan.

Saya ingin menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Pokok Sena, Klang, Batu Pahat, Hulu Terengganu dan juga Pontian berhubung dengan tempoh kenaikan pangkat di kalangan guru adalah lama dibandingkan dengan PTD. Kemudian isu-isu tentang PTD yang telah dibangkitkan di sini.

Untuk makluman, urusan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam pada prinsipnya adalah berdasarkan, pertama – kekosongan jawatan kenaikan pangkat secara hakiki. Kita perlu mengakui bahawa jumlah guru kita sekarang ini adalah hampir mencecah 400 ribu orang. Jadi kekosongan yang wujud itu agak terbatas. Ini menyebabkan prosesnya itu agak lambat berbanding dengan rakan-rakan kita di PTD ataupun dalam perkhidmatan yang lain di mana *volume* ataupun jumlah anggotanya agak sedikit. Jadi ini menyebabkan sedikit kelambatan.

Dalam hubungan ini, jawatan kenaikan pangkat hakiki guru tidak dapat menampung bilangan guru yang begitu ramai berbanding dengan perkhidmatan lain. Namun begitu menyedari hakikat ini selain kenaikan pangkat biasa, kerajaan juga telah meluluskan kenaikan pangkat dengan menggunakan kaedah, pertama – *time-based promotion* iaitu bila sampai tempoh tertentu, mereka akan secara automatik naik pangkat. Keistimewaan ini diberi hanya di bawah Skim Perkhidmatan Pelajaran sahaja dan tidak terdapat dalam skim lain. Kenaikan

pangkat sehingga ke Gred DG48 tanpa perlu bertukar ataupun menunggu kekosongan jawatan hakiki kenaikan pangkat – *moving up without moving out*. Ini adalah merupakan keistimewaan yang dimiliki oleh kalangan perkhidmatan perguruan ini. *Time-based promotion moved up without moving out*.

Yang keduanya ialah kenaikan pangkat secara guru cemerlang untuk mengekalkan kepakaran guru dengan kenaikan pangkat sehingga Gred Khas C tanpa bertukar dan sudah ada guru-guru kita yang sudah sampai kepada Gred Khas C ataupun juga disebut sebagai JUSA C kita ini.

Yang ketiganya kenaikan pangkat secara pengetua cemerlang untuk pengiktirafan kepada pengetua sebagai pentadbir sekolah sehingga kepada Gred JUSA C. Ini adalah merupakan laluan-laluan. Meskipun begitu, kelambatan masih berlaku kerana keluarga dan ahli di Kementerian Pelajaran ini begitu ramai sekali. Setiap laluan kenaikan pangkat mempunyai syarat dan kriteria yang perlu dipenuhi seperti lulus PTK, markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan dan juga bebas daripada tindakan tatatertib dan juga perakuan daripada jabatan masing-masing.

■ 1550

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: [*Bangun*]

Dato' Razali bin Ismail: Ya, silakan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi disebutkan bahawa ada hampir 400,000 orang guru-guru kita. Ini antara yang menyebabkan bila angka itu terlalu besar peluang kenaikan pangkat itu agak kekurangan. Persoalannya sekarang ini, mengapa pula kita masih hendak meneruskan kemasukan PTD ke Jabatan Pelajaran Negeri dan juga daerah, umpamanya. Bagi saya ini juga telah menghakis peluang kenaikan pangkat guru-guru. Kalaulah alasan yang tadi itu iaitu peluang kenaikan pangkat itu terhad, sepatutnya kita jangan memasukkan PTD ke dalam sektor pendidikan khususnya di Jabatan Pelajaran.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih banyak, Yang Berhormat Pokok Sena. Saya sedang hendak menjawab ini iaitu persoalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Hulu Terengganu, Batu Pahat dan juga Sik. Saya sampai kepada menjawab persoalan Ahli Yang Berhormat mengenai isu jawatan kenaikan pangkat. Kementerian telah mewujudkan jawatan kenaikan pangkat bagi memartabatkan profesion perguruan bagi tahun 2008 dengan jumlah kenaikan pangkat sebanyak 21,871 jawatan. Pecahan dan perincian tambahan gred perjawatan adalah seperti berikut:

- (i) Sekolah menengah harian Gred DG 44 kepada DG 52 jawatan yang diwujudkan sekarang ialah 13,348 jawatan.
- (ii) Kolej Matrikulasi Gred DG 44 - DG 52 sebanyak 3,250 jawatan
- (iii) Institut Perguruan (IPG) Gred DG 44 - DG 54 sebanyak 5,273 jawatan.

Isu PTD di Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) ataupun di Kementerian Pelajaran. Penempatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) di Jabatan Pelajaran Negeri adalah seramai 111 orang sahaja. Saya ada dengar disebutkan sampai 3,000. Angka yang sebenarnya, yang saya peroleh daripada Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Pelajaran ialah 111 orang sahaja. Fungsi utama penempatan pegawai ini adalah untuk menyokong dan melicinkan pentadbiran jabatan di peringkat negeri dan dalam urusan perkhidmatan kewangan dan pembangunan. Ini adalah merupakan skop tugas mereka. Pegawai-pegawai ini diberi latihan khusus untuk mengendalikan urusan tersebut. Secara tidak langsung ia memberi impak yang positif di mana para guru yang berada di JPN boleh menumpukan sepenuh perhatian dalam melaksanakan tugas akademik dan tugas profesional mereka iaitu fokus proses pengajian pembelajaran. Di samping itu ia juga dapat mengurangkan beban tugas guru di Jabatan Pelajaran Negeri.

Isu PPD Gred DG 52 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu. Pada masa ini kerajaan telah pun meluluskan sebanyak 20 jawatan Pegawai Pelajaran Daerah pada Gred DG 52 dan jawatan Gred DG 48 sedia ada dikekalkan. Ini adalah merupakan jawatan tambahan kepada gred yang lebih tinggi. Bagi daerah-daerah lain adalah masih di bawah kajian agensi pusat. Pewujudan jawatan kenaikan pangkat adalah dipertimbangkan berdasarkan kepada kompleksiti tugas. Oleh itu bagi daerah yang kecil adalah sesuai dikekalkan dengan gred yang sedia ada. Senarai pejabat pelajaran daerah yang diluluskan DG 52 adalah seperti yang saya sebutkan ini iaitu di Johor Bahru, Muar, Batu Pahat, Pasir Gudang, Kota Setar, Kuala Muda, Yan, Kota Bharu, Melaka Tengah, Seremban, Kinta Utara, Larut Matang, Hilir Perak, Timur Laut Pulau Pinang, Seberang Perai Tengah, Kelang, Petaling Perdana, Hulu Langat, Gombak, Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur.

Jawatan-jawatan lain sedang dalam pertimbangan dan perincian oleh pihak Jabatan Pelajaran (JP). Silakan Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengambil bahagian ini cuma ingin bertanya tentang perjawatan PPD di Terengganu hanya satu untuk Gred 52. Saya difahamkan bahawa PPD yang dilantik itu merupakan di kalangan pengetua-pengetua yang terbaik untuk dianggap sebagai PPD tetapi bila sampai kepada kenaikan pangkat - saya diberikan contoh semalam, bahawa kalau di Hulu Terengganu ada 10 buah sekolah menengah, tujuh orang yang akan ditawarkan Gred DG 52 tetapi PPDnya masih lagi Gred DG 48. Jadi bagaimanakah seorang PPD, sama ada di Hulu Terengganu, Besut, Dungun, Kemaman, Setiu yang kekal dengan Gred DG 48 pada hal pengetuanya terlalu ramai mendapat Gred DG 52.

Malah guru akademiknya pun di sekolah-sekolah tingkatan enam juga ditawarkan untuk jawatan Gred DG 52. Jadi, inilah yang kita merasa ragu bagaimana seorang ketua bertaraf lebih rendah berbanding dengan guru-guru di bawahnya. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Yang Berhormat Hulu Terengganu, ini adalah merupakan masalah yang disebut sebagai *line of command* di mana yang duduk di punca kuasa yang lebih tinggi itu menyelia orang yang kadang-kadang gred jawatannya lebih tinggi daripadanya. Saya tidak dapat menjawab sekarang ini sebab yang telah disebutkan itu ialah penelitian sedang dibuat. Malah Kementerian Pendidikan telah mengadakan mesyuarat dengan kesemua kesatuan guru untuk kita mendengar apakah isu dan permasalahan dan sekali gus juga permuafakatan ini kita bincang bersama dengan JPA iaitu pegawai yang bertanggungjawab dari segi perkhidmatan (*service*) Saya juga mengharapkan perkara yang lebih baik akan dapat dinikmati oleh guru-guru kita.

Seterusnya saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Batu Pahat dan Yang Berhormat Pokok Sena berhubung dengan beban tugas guru. Guru-guru terlalu dibebankan dengan tugas-tugas perkeranian dan tugas-tugas *ceremonial* yang disebutkan tadi. Apa yang telah saya sebutkan tadi iaitu tentang nisbah 1.7, kemudian PTD yang telah cuba mengisinya, itu adalah antara strategi-strategi telah yang dibuat. Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memberi perhatian kepada kebajikan guru terutama dalam usaha mengurangkan beban tugas guru-guru di sekolah. Kementerian telah mengkaji, mencadangkan penambahbaikan norma perjawatan anggota kumpulan sokongan di sekolah yang terdiri daripada pembantu tadbir perkeranian, pembantu tadbir rendah, pembantu pengurusan murid, juruteknik, juru teknik komputer, pembantu am pejabat, penyelia asrama dan juga pembantu makmal. Hasil daripada usaha ini sebanyak 5,521 jawatan bukan guru telah diluluskan bagi tahun 2008 dan untuk unjuran tahun 2009, sebanyak 7,738 jawatan telah pun diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab persoalan-persoalan berhubung dengan pendidikan prasekolah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Sungai Siput, Lipis, Shah Alam, Kubang Kerian, Ledang juga Sik iaitu tentang pengusaha-pengusaha tadika yang perlu memaklumkan kepada ketua pendaftar jika mahu melaksanakan kurikulum tambahan kepada Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kurikulum prasekolah kebangsaan hendaklah dilaksanakan sepenuhnya di samping melaksanakan kurikulum tambahan yang telah dimaklumkan kepada ketua pendaftar. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa menurut peraturan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang perlu dilaksanakan ialah dalam bidang:

- (i) bahasa dan komunikasi;
- (ii) aspek kognitif;
- (iii) kerohanian dan nilai moral;
- (iv) emosi;
- (v) sosial dan jasmani; dan
- (vi) kreativiti dan estetika.

Tadika yang memerlukan kurikulum tambahan perlu mendapat persetujuan daripada Kementerian untuk menjalankan kurikulum tambahan itu. Tujuannya adalah untuk kita memastikan bahawa pendidikan prasekolah itu tidak membebankan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Kadang-kadang tadika swasta ini memperkenalkan kaedah-kaedah yang tersendiri dan kurikulum yang tersendiri yang menyebabkan anak-anak yang kecil itu terbeban. Antaranya ialah masalah dari segi mengutamakan peperiksaan. Selain daripada kadang-kadang memberatkan pula perkembangan potensi anak-anak sebagai modal insan yang kita hendak lahirkan. Di samping itu juga ia mementingkan penguasaan intelek ataupun yang lebih berbentuk akademik yang akan menghilangkan rasa keseronokan dan kegembiraan kepada anak-anak. Ini adalah merupakan perkara-perkara yang diberi perhatian oleh Kementerian Pelajaran untuk memastikan ia dapat terlebih dahulu mendapat restu daripada Kementerian Pelajaran. Silakan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa apabila kita hendak pinda sesuatu rang undang-undang ini semestinya ia adalah berasaskan kepada satu kajian ataupun suatu maklumat ataupun statistik yang telah kita peroleh. Untuk kita mengubah, khusus untuk kurikulum tambahan di peringkat yang paling rendah iaitu prasekolah itu sendiri menunjukkan satu sikap yang begitu mengongkong.

■1600

Saya cukup kluatir bahawa ini merupakan satu tindakan yang bertujuan untuk menyekat program-program yang telah kita laksanakan melalui parti kita, melalui tadika-tadika dan PASTI yang telah dibahas dan dibincang sebelum daripada ini. Kalau sekiranya dianggap bahawa kurikulum tambahan itu adalah satu perkara yang membebankan dan sebagainya, mesti telah pun diperolehi atau pun telah menerima aduan-aduan sama ada daripada ibu bapa dan sebagainya. Mengapa tiba-tiba satu kecenderungan untuk kita memberikan tumpuan kepada tahap pendidikan yang paling rendah sedangkan kita banyak menghadapi masalah di peringkat-peringkat yang lebih tinggi dan yang lebih penting.

Saya merasakan bahawa sikap dan semangat yang ditunjukkan di dalam rang undang-undang ini merupakan satu sikap yang tidak sihat, bertujuan untuk mengongkong dan menghalang kejayaan yang telah tercapai. Sekiranya pihak kementerian telah pun menerima aduan-aduan atau pun kompelin daripada ibu bapa atau pun daripada anak-anak kecil daripada tadika bahawa program ini terlalu beratlah, menyebabkan mereka hilang minat untuk belajarlah, dan sebagainya. Saya rasa ia perlu dikemukakan supaya kita boleh lihat bahawa undang-undang ini tidak bermotifkan politik. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Saya tidak mahu menjawab yang bermotifkan politik itu. Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini terdapat 5,000 tadika swasta yang berdaftar.

Sebilangannya ada yang memperkenalkan kurikulum tambahan yang diguna pakai oleh tadika swasta itu di antaranya ialah *compulsory*.

Kalau kita melihat dan menilai secara profesional oleh pegawai-pegawai di Kementerian Pelajaran kita bahawa ini sesuatu yang dapat membantu, memperkaya dan menambahkan lagi kreativiti anak-anak, kita tidak ada halangan. Sama juga dengan Q-dees, yang kita lihat ini membantu anak-anak, *Smart Reader* atau pun asas-asas pendidikan akhlak dan agama, bacaan ayat-ayat al-Quran. Kalau sekiranya ini akan membantu penambahan pembinaan akhlak adab kepada anak-anak, saya kira ini bukan merupakan halangan kepada Kementerian Pelajaran. Hal ini kerana ada jawatankuasa kita yang teliti, cuma yang saya sebut tadi itu ialah kesan-kesan seperti yang saya sebut tadi itu terutama penekanan kepada peperiksaan. Anak-anak yang kecil kadang-kadang itu bersaing sesama sendiri. Tadika swasta ini seolah-olah hendak menarik kehadiran anak-anak, bahawa apa-apa pencapaian dan begitu juga prestasinya. Kadang-kadang ia boleh membawa kepada masalah-masalah dari segi pembangunan, sahsiah dan juga dari segi pembangunan anak-anak itu sendiri.

Tuan Haji Khalid bin Abd Ghazali [Shah Alam]: Terima kasih sekali lagi timbalan menteri. Saya rasa bahawa dalam persoalan ini, apa yang telah terkandung di dalam akta yang asal di mana dimaklumkan kepada pihak kementerian dan selepas itu pihak kementerian boleh mengambil apa-apa tindakan, *on the case by case basis*. Akan tetapi kalau kita hendak supaya ianya mesti mendapat kelulusan secara bertulis, ini merupakan satu tindakan yang saya rasa seperti mana yang disebutkan tadi, menghilangkan semangat asal yang sepatutnya kita ingin mendemokrasikan lagi ruang pendidikan dan memberikan ruang yang lebih untuk kreativiti dan *inovativeness* dan sebagainya, dengan izin.

Saya tidak lihat perlunya di peringkat yang paling rendah ini. Ini kita cakap pasal tadika, budak-budak yang umur lima, enam tahun sehingga kita ingin menyekat. Ini adalah kurikulum tambahan sedangkan kurikulum induk itu sudah ada. Saya masih merasakan bahawa pindaan yang dilakukan ini memang ada niat politiknya dan yang ditujukan adalah tadika-tadika PASTI yang sedang berkembang dengan begitu jayanya di beberapa negeri. Kecualilah kalau sekiranya timbalan menteri boleh berikan kepada saya satu jaminan bahawa ini tidak akan disalahgunakan untuk menyekat dan menghalang kejayaan dan berkembangnya kurikulum yang sedang dilaksanakan di tadika-tadika PASTI ini. Maka kalau tidak boleh memberikan jaminan yang seperti itu, maka saya rasa bagi pihak kami, kami masih akan mempunyai tanggapan bahawa perundangan ini dan pindaan ini adalah berniat jahat terhadap PASTI yang sedang kita usahakan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Yang Berhormat, sabar ya, tentang niat-niat itu, benda yang duduk di dalam. Pertama, *you got to check your facts* sebab tadika-tadika yang bersifat keagamaan ini iaitu agama Islam ini, adalah di bawah kuasa negeri. Tadika keagamaan yang

berteraskan kepada Islam, ini adalah di bawah kerajaan negeri masing-masing. Ini di bawah bidang dia itu. Saya kira ini tidak terbabit dengan Kementerian Pelajaran.

Apa yang saya sebut tadi, ialah niat kita yang baik supaya pendidikan kita dapat kita selaraskan dan ini adalah peringkat pendidikan anak-anak kita. Saya juga ingin menjawab soalan tentang peperiksaan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Dato' Razali bin Ismail: Ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun pihak Kerajaan Pusat tidak ada kena-mengena dengan PASTI tetapi Kerajaan Pusat adalah bertanggungjawab dari segi pembangunan negara Malaysia pada keseluruhannya dan ingin melihat modal-modal insan kita menjadi modal-modal sebagaimana Yang Berhormat Kubang Kerian selalu laung, *first world*. Kita hendak jadikan Parlimen *first world*, Malaysia *first world*. Saya pun terpenggil untuk bersama-sama dalam wawasan *first world* ini, dunia pertama ini.

Jadi oleh sebab itu, modal insan kita perlu dijana demikian rupa di peringkat rendah, pra-sekolah, tadika dan sebagainya. Jadi tidakkah Kerajaan Pusat membuat kajian dan mengambil perhatian terhadap tadika-tadika yang dilaksanakan, dijalankan di bawah penguasaan kerajaan negeri, kerana mereka juga rakyat Malaysia?

Saya mengatakan demikian kerana saya hendak mengulangi kenyataan saya dalam Dewan ini tempoh hari. Saya tidak menghina PASTI walaupun rakan-rakan daripada pembangkang cuba hendak putar belitkan kenyataan saya. Mereka memutarbelitkan sehingga membuat kenyataan yang bodoh dengan mengatakan bahawa mana ada PASTI mengeluarkan doktor, dia peringkat rendah begitu. Ini kenyataan orang bodoh, sebab yang saya maksudkan ialah anak-anak yang berlatarbelakangkan PASTI yang seterusnya meneruskan pembelajaran dalam sistem pendidikan negara dan keluar sebagai modal insan untuk negara kita.

Saya bertanyakan berapa ramai mereka yang berlatarbelakangkan PASTI ini yang menjadi tenaga manusia yang berkualiti? Dalam Dewan ini, yang menjadi Ahli Parlimen pun saya rasa tidak pasti datang daripada PASTI, datang daripada sistem pendidikan kerajaan, kebangsaan. Jadi...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Selepas PASTI, dia masuk sekolah kerajaan, itu yang berjaya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yalah, tetapi Yang Berhormat Pokok Sena pun tidak datang daripada PASTI, saya percaya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Dia masuk KEMAS dahulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, dia masuk KEMAS.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Masa itu tidak ada PASTI lagi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi dengan sebab itu, saya bersimpati dengan kanak-kanak di kelas-kelas PASTI ini, kekurangan dari segi berbagai-bagai-bagai kekurangan. Jadi dengan sebab itu, saya menyeru kepada Kerajaan Pusat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ringkaskan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya ringkaskan. Saya menyeru kepada Kerajaan Pusat, berilah perhatian. Bantulah mereka ini supaya mereka ini jadi berjaya, beri peruntukan secukupnya. Tidak ada masalah. Jangan biarkan mereka dikendalikan oleh orang-orang politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan dibiarkan kelas-kelas ini dikendalikan oleh orang-orang politik yang menggunakan itu sebagai *breeding centres*, pusat-pusat menternak kader-kader parti politik mereka jangka panjang. Jangan dibiarkan begitu, menjadi mangsa, anak-anak kita. Tolong beri perhatian. Sekian, terima kasih.

■1610

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Pasir Salak layak jadi menteri pra sekolah.

Seorang Ahli: Saya setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong jawab daripada apa kedudukan kerajaan.

Dato' Razali bin Ismail: Begini sebenarnya, tidak ada kaitan dengan akta yang kita pinda ini. Meskipun begitu saya ucapkan terima kasih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mintak sikit saja Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh?

Dato' Razali bin Ismail: Tak payah lah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sikit saja.

Dato' Razali bin Ismail: Tak payah lah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sikit saja. Seminit, tak sampai seminit.

Dato' Razali bin Ismail: Di luar, di luar sekejap lagi.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sekejap saja.

Dato' Razali bin Ismail: Saya hendak menjawab yang lain lagi tu sebab tadi saya berjanji...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Penting ini, *very important please*.

Dato' Razali bin Ismail: Tak payah lah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Setengah minit saja.

Dato' Razali bin Ismail: Tak payahlah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Lima belas saat.

Dato' Razali bin Ismail: Lepas ini kita jumpa di luar.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sepuluh saat.

Dato' Razali bin Ismail: Tak payah. *[Ketawa]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Allah. *[Ketawa]*

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih ya. Saya ingin menjawab iaitu persoalan berhubung dengan peperiksaan dia daripada Yang Berhormat Hulu Terengganu, Yang Berhormat Pasir Mas, dan Yang Berhormat Batu Pahat. Yang Berhormat Batu Pahat menyebut bahawa kita terlalu *obses* dengan peperiksaan dan tentang *pathway* daripada pendidikan anak-anak kita. Sejalan dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, Kementerian Pelajaran Malaysia berhasrat untuk memperkenalkan sistem pentaksiran yang bersifat holistik iaitu Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan. Ringkasnya SPPK.

Sistem ini berupaya meningkatkan kualiti murid dari segi bina upaya insan dalam era globalisasi dan juga melahirkan modal insan yang seimbang. Di bawah konsep ini, tumpuan bukan hanya diberikan kepada *cognitive development*, pembangunan IQ nya sahaja tetapi juga dengan kekuatan dalaman yang boleh memastikan kebolehdidikan, *educability*, kebolehlatihan, kebolehkerjaan, *employability* dan kebolehpasaran. Sistem pentaksiran holistik ini juga memberi tumpuan kepada pemupukan nilai-nilai yang menyeluruh iaitu *all rounded values* seperti nilai-nilai kreatif, inovatif, kritis, berdisiplin dan berakhlak mulia di kalangan anak-anak.

Untuk makluman Yang Berhormat, pentaksiran kaedah baru ini juga di cadangkan akan mengurangkan peperiksaan secara menyeluruh secara berpusat dan bersifat disebut sebagai *school based learning* dan *school based assesment*. Penilaian kita juga tidak hanya bersandarkan kepada di akhir kursus ataupun disebut sebagai *summative evaluation* tetapi juga adalah bersifat *formative evaluation*. Ini adalah untuk memastikan kurangnya kita *obses* kepada pendidikan ataupun diploma *diease* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Akhir sekali saya ingin menjawab persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas iaitu tentang perlunya ada sistem kaedah untuk sahkan kelayakan murid menerima Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Kementerian Pelajaran Malaysia amat prihatin kepada peluang pendidikan di kalangan murid daripada keluarga yang miskin agar tiada murid yang tercicir dari persekolahan. Berhubung dengan bantuan ataupun subsidi kepada ibu bapa yang miskin seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat dan Yang Berhormat Pasir Mas, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyediakan tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin khusus untuk memberi bantuan kepada pelajar miskin warganegara Malaysia di sekolah kerajaan dan juga bantuan kerajaan dari semua bangsa dan agama.

Hal ini selaras dengan dasar pendidikan wajib untuk meningkatkan tahap pencapaian akademik. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan pada rekod kementerian, sejak KWAPM dilancarkan pada bulan Januari 2003, kerajaan telah menyumbangkan sejumlah RM950 juta kepada keluarga yang berkelayakan di bawah program di seluruh negara. Kementerian juga peka terhadap aduan dan laporan daripada pelbagai pihak bahawa terdapat pelajar yang tidak layak menerima bantuan tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM).

Kementerian mengambil langkah proaktif dari segi pemantauan pemberian bantuan KWAM kepada murid-murid miskin. Pemantauan bersepadu dilaksanakan oleh bahagian dan jabatan di bawah Kementerian Pelajaran yang terdiri daripada Jemaah Nazir, Bahagian Audit Dalaman, Bahagian Audit Sekolah, Bahagian Sekolah Jabatan Pelajaran Negeri dan juga Pejabat Pelajaran Daerah bagi memastikan pelajar miskin yang layak sahaja menerima bantuan KWAPM. Kementerian juga mengadakan mesyuarat penyelarasan bantuan KWAPM dengan Jabatan Pelajaran Negeri dan PPD sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk memantau pemberian KWAPM.

Selain daripada itu, pemantauan di peringkat sekolah melalui jawatankuasa pengurusan bantuan yang ditubuhkan berdasarkan kepada pekeliling yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh pengetua dan guru besar ditubuhkan untuk menyemak, memperkukuhkan, memperakukan pelajar yang layak menerima bantuan. Selain daripada itu juga, kementerian turut menyediakan bantuan seperti Basiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan, Program Susu Sekolah, *tuition*... Sekejap, sekejap Yang Berhormat. Hendak habis dah ini...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan KWAPM itu.

Dato' Razali bin Ismail: Hendak habis dah ni. Segala bentuk bantuan yang disediakan oleh kerajaan adalah bertujuan untuk membantu dan memastikan semula lapisan rakyat mendapat pendidikan yang sebaiknya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak menyentuh soal pemberian wang KWAPM ini iaitu satu usaha yang sangat baik daripada pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, apa yang telah berlaku adalah sebaliknya. Pihak ibu bapa merasa tidak puas hati dan marah kepada kerajaan walaupun beri bantuan sedemikian rupa. Dia ada berhubung kait dengan mekanisme pemberian.

Satunya ialah apabila diumumkan pemberian ini dan dijemput ibu bapa datang ke sekolah untuk menerimanya, mereka begitu ramai sekali datang dengan penuh kegembiraan. Akan tetapi apabila tiba ke sekolah mereka diberikan surat sahaja. Surat menandakan bahawa anak mereka mendapat bantuan KWAPM.

Jadi ini anti-klimaks berlaku di kalangan ibu bapa dan ramai yang balik dengan mencemuh pihak kerajaan. Saya tak tahu sama ada kementerian sedar atau tidak sedar perkara ini tetapi ia berlaku. Jadi saya harap, bolehkah pihak kerajaan, kementerian memikirkan supaya perkara ini tidak berlaku lagi di masa yang akan datang.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak ya.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh perkara yang sama ni? Sedikit saja. Tadi Yang Berhormat ada menyebut iaitu ada jawatankuasa yang dipengerusikan oleh guru besar untuk menentukan pelajar-pelajar yang layak menerima bantuan KWAPM. Di Kelantan, saya tidak tahulah tempat lain, pengesahannya dibuat oleh Penyelia Pembangunan Mukim (PPM). Penyelia Pembangunan Mukim ini keseluruhannya lah, 100% adalah ahli-ahli UMNO, ketua-ketua cawangan. Jadi ada juga waktu oleh kerana bersifat peribadi, seseorang PPM itu dengan anak buah kampungnya sesama UMNO dia tidak akan beri sokongan.

Jadi saya hendak pastikan bagaimana cara supaya sama ada kerajaan bercadang untuk di Kelantan lah mencari mekanisme yang lain bagi menentukan pelajar-pelajar yang layak menerima KWAPM ini tidak tercicir. Sebab ada *psychological* yang ditinggalkan oleh orang-orang kampung. Bila sampai musim hendak bagi bantuan KWAPM, PPM akan bercakap “*Siapa tak sokong saya tak akan sign*”. Jadi menakutkan, yang membuatkan rakyat gelisah tak fasal-fasal, akhirnya dia dapat juga. Beban ini menaikkan Kerajaan Pusat. Jadi, saya hendak tolong bantu memperbetulkan keadaan supaya hilang persepsi ini, supaya yang layak betul layak, yang saya tahu alhamdulillah semua dapat. Akan tetapi, dalam proses hendak dapat itu bermacam-macam keresahan, kegelisahan, tidak boleh tidur, macam-macam ugutan.

Jadi, cuba fikirkan bagaimana cara ataupun hendak tarik, tidak ada lagi dah sokongan PPM ini. Pejabat DO kah yang boleh menentukan pendapatan seseorang pemohon dia miskin atau tidak, banyak lagi saluran-saluran lain. Imam-imam kah, kalau imam pun bohong juga Wallahualam, imam juga main politik maknanya tak masuk syurga lah kita ini. Jadi, saya kemukakan perkara ini untuk mencari kebaikan supaya tidak ada satu pun yang tercicir untuk anak-anak kita tanpa mengira parti politik. Terima kasih.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan bantuan KWAPM. Saya selaku Yang Dipertua PIBG sekolah, apabila kita dapati syarat untuk menerima KWAM ini antaranya semestinya waris tidak mempunyai *handphone*, di rumah tidak ada peti ais. Pada saya *handphone* dan peti ais bukan lambang kekayaan. Jadi, pada kami jawatankuasa PIBG sukar untuk menentukan pada pelajar ini sebab pra syarat itu kita minta kementerian kaji semula syarat-syarat tersebut supaya memudahkan pengagihan tersebut.

Dato' Razali bin Ismail: Kepada tiga orang Yang Berhormat Pasir Salak, kemudian Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Jerai ya, saya kira pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran yang ada hampir 4 hari berkampung di sini, hampir 30 orang daripada mereka itu

mendengar, dan kita sebenarnya banyak mendengar, malah kita beri laluan rungutan melalui *online* kita mengambil dan mengumpul segala maklumat-maklumat ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Salak sebenarnya, banyak bantuan-bantuan. Jangan kita keliru. Satu ialah yang diberi melalui akaun pelajar, satu lagi yang dibentuk *voucher tuition* itu, banyak ini.

■1620

Satu lagi yang berbentuk biasiswa yang diberi kepada pelajar-pelajar kita ini. Jadi ini adalah merupakan pelbagai macam bantuan yang diberi kepada anak-anak kita untuk kita memastikan anak-anak kita itu berupaya datang ke sekolah, mendapat pemakanan yang sihat dan serba macam lagi itu. Saya ucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang bernas untuk kita senantiasa melihat ke arah penambahbaikan penagihan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua saya ingin menjawab soalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput iaitu yang menyebut bahawa peruntukan dalam Akta 550 ini adalah seolah-olah melahirkan satu keadaan *close circuit* di dalam pelaksanaan operasi harian yang melibatkan pendaftaran, pengelola. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa tidak wujud keadaan apa yang disebut sebagai *close circuit* itu kerana pertama telah wujud satu hierarki yang melibatkan pegawai di peringkat negeri sehinggalah peringkat kementerian iaitu kepada Yang Berhormat Menteri untuk membuat sebarang keputusan berhubung dengan permohonan pendaftaran.

Penglibatan pegawai yang berbeza dengan jawatan yang berbeza menunjukkan bahawa tidak wujud sebarang *close circuit* ataupun *conflict of interest* di dalam membuat sebarang keputusan. Kedua apabila seseorang merayu kepada Yang Berhormat Menteri keputusan Ketua Pendaftar sekiranya Yang Berhormat Menteri tidak membenarkan rayuan tersebut Yang Berhormat Menteri akan membentuk satu jawatankuasa siasatan yang terdiri daripada orang yang difikirkan layak dalam melaksanakan kuasa itu. Yang Berhormat Menteri boleh melantik mana-mana orang termasuk juga pihak ketiga.

Akhir sekali sekiranya mana-mana orang masih tidak berpuas hati dengan keputusan rayuan oleh Yang Berhormat Menteri orang berkenaan boleh membuat remedi untuk memfailkan tindakan semakan kehakiman terhadap keputusan Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua saya mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang cukup bernas 23 orang tidak termasuk celahan-celahan yang cukup bermanfaat kepada Kementerian Pelajaran dalam usaha kita membuat satu perubahan positif untuk melahirkan guru yang berkualiti.

Dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan keprihatinan, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Yang Berhormat terhadap usaha-usaha yang telah dijalankan, yang sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal –fasal 1 hingga 10 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

4.23 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, fasal 5 itu bertujuan masuk Seksyen 9A ke dalam akta dan ini kena mengena perubahan nama bagi perjawatan sebagaimana yang dinyatakan. Ini termasuklah menyentuh apa-apa kuasa, hak keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan pindaan seumpama ini apakah akan terjadi dengan guru-guru yang berkhidmat sekarang di mana mereka tidak mempunyai ijazah yang maksud rang undang-undang ini hendak menganugerahkan ijazah kepada para guru. Itu memang satu usaha yang baik bukan tidak baik cuma di sini yang pertama pihak kementerian mengambil masa yang begitu panjang. Dua tiga tahun yang lepas dia sebutkan hendak menaikkan Institusi Maktab Perguruan 27 jumlahnya dan kemudian diambil tiga tahun.

Saya pun hairan jugalah mengapa dia mengambil masa yang begitu panjang untuk menaikkan taraf ini. Cuma di sini saya nampak tidak ada cukup usaha di dalam fasal-fasal berikutnya untuk bukan sahaja mengurniakan ijazah kepada para guru bahkan juga kita mestilah menaikkan penghormatan kepada guru-guru di dalam dunia perguruan. Sekarang Yang Berhormat pun tahu penghormatan kepada guru itu sudah turun dengan dahsyat kerana ibu bapa pun tidak begitu menghormati guru-guru kerana faktor-faktor yang tertentu.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang itu bahas itu fakta itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat tidak payah dengar dia orang itu pandang dekat sini Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah dengar dia orang Yang Berhormat? Dia mengganggu sahaja itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tidak mahu ganggulah tetapi masalah dengan Batu Pahat apabila siap rumah pahat berbunyi itu masalah dia oranglah. Saya berharap pada suatu

hari kelak kita boleh adakan fasal tambahan untuk menaikkan taraf bukan sahaja penganugerahan bahkan penghormatan dan nilai kepada guru-guru kerana kita perlu. Kita tidak seperti batu yang berpahat dia tidak begitu hormat kepada guru, saya nampak jadi dia tidak boleh membenarkan hal ini berterusan tidak boleh membenarkan. Saya berharaplah Yang Berhormat Batu Pahat memperbaiki keadaannya dan kita hormat kepada semua guru dan tambah pula ...

Seorang Ahli: Pandang Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Padang Tuan Yang di-Pertua saya tahulah. Kita mempelbagaikan pandangan ini masalah kita inilah kerana dahulu kita hendak jadi diploma bagi guru sekarang bagi ijazah itu baik. Dan seterusnya mengenai kurikulum. Saya nampak fasal 6 itu bertujuan untuk meminda seksyen 22(3) dengan maksud untuk mengawal apa-apa kurikulum tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah yang dimaksudkan oleh kurikulum tambahan ini yang akan dilaksanakan di tadika dan sebagainya kerana tidak kukuh penerangan, penjelasan di dalam huraian ini tidak cukup untuk memberitahu kepada pihak ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Dengan naiknya daripada maktab kepada Institusi Pendidikan adakah pihak kementerian pada satu hari kelak akan naikkan kepada taraf universiti pula ataupun ini setaraf dengan universiti. Memang tidak tahulah Batu Pahat memang tidak tahu kita pun tahu sudah. Adakah semua 27 buah universiti akan dinaikkan taraf kepada universiti bukan kepada institusi sahajalah. Universiti Perguruan di semua tempat. Dan akhir sekali fasal 9. Fasal 9 memberi kuasa kepada menteri untuk menetapkan cara murid dinilai dan taraf yang hendak dicapai oleh mereka pada semua peringkat pendidikan di bawah bidangnya,

Menetapkan cara murid dinilai dan taraf yang hendak dicapai. Apa maksud yang sebenarnya sebab ini kurang jelas, samar-samar kita tidak tahu. Cuma di sini kita tahunya Menteri diberi kuasa yang lebih. Saya berharaplah Yang Berhormat dapat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, sekian terima kasih.

4.29 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya merujuk pada Fasal 3 iaitu penganugerahan sijil diploma dan ijazah di bawah Sub Seksyen 2 Akta Ibu. Dalam perbahasan di peringkat dasar saya banyak menimbulkan mengenai dengan latihan perguruan ini. Walaupun tidak dijawab sebentar tadi dengan terperinci saya hendak tanya sekali lagi iaitu cadangan saya supaya seseorang guru sebelum mereka diberi sijil ataupun diploma dan ijazah kurikulum pendidikan guru ini.

■1630

Saya menyebut sebelum ini supaya diberi perhatian kepada pendidikan agama kepada guru-guru sebelum mereka diberi sijil diploma ataupun ijazah. Asas pengetahuan agama supaya bila timbul hal-hal agama yang selalu juga dibaca oleh pelajar-pelajar dalam akhbar, yang banyak

menimbulkan kekeliruan, saya percaya guru-guru juga akan ditanya oleh murid-murid masing-masing.

Selain daripada itu apabila guru mempunyai asas agama, maka sudah tentu guru juga mempunyai jati diri yang kuat dan dengan jati diri yang kuat, tentu dia boleh membantu melahirkan pelajar-pelajar yang ada jati diri. Selain daripada pendidikan agama kepada guru-guru itu sendiri, pengetahuan agama, termasuk juga tidak adakah asas ataupun di dalam kurikulum pendidikan guru ini, pelajaran Ketatanegaraan.

[Tuan Pengerusi **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Saya percaya, tidak sedikit juga guru-guru yang tidak ambil kisah ataupun tidak ambil tahu tentang pentingnya ketatanegaraan ini iaitu guru-guru juga harus memahami asas-asas Perlembagaan Negara, sejarah kemerdekaan negara, jus soli termasuk Fasal 153 yang termaktub dalam Perlembagaan Negara. Apabila timbulnya masalah isu dikatakan negara Malaysia ini negara Islam ataupun tidak. Kita tahu agama Islam adalah agama rasmi negara. Bahasa Melayu bahasa kebangsaan ataupun kedaulatan raja-raja Melayu. *“Cikgu, apa itu kedaulatan raja-raja Melayu? Apa kerja raja-raja ini?”*

Murid-murid banyak tidak tahu kalau guru-guru sendiri tidak tahu dan tidak semestinya guru-guru berkenaan sahaja yang harus tahu. Guru Matematik, Sains, Geografi, dia juga kena tahu asas ketatanegaraan ini secara umum supaya anak-anak ini dapat dididik bukan sahaja daripada segi asas agamanya baik tetapi juga mempunyai latar belakang mengetahui kedudukan negara kita ini dalam semua aspek selain daripada disiplin pelajaran masing-masing. Saya percaya inilah yang paling utama dalam melahirkan guru-guru yang berwibawa untuk negara pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

4.32 ptg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dua perkara tentang Fasal 6 yang bertujuan untuk meminda subseksyen 22(3) di mana daripada perkataan ‘memaklumkan’ dipinda kepada ‘kelulusan bertulis’ ini. Pertama sekali saya ingin mendapat penjelasan, berapa lama kah masa yang diperlukan untuk pihak kementerian meluluskan ataupun membuat apa-apa penilaian terhadap mungkin laporan yang diperolehi daripada sesebuah tadika itu untuk kelulusan bertulis itu. Yang kedua, apakah mekanismenya bagi kementerian untuk meluluskan kurikulum tambahan itu dan adakah ada satu pasukan khas, adakah ada satu *task force* yang khusus bagi melaksanakan fasal itu.

Kemudian tentang Fasal 8, ia memberikan kuasa penuh kepada pihak menteri untuk membuat peraturan-peraturan berhubung dengan penganugerahan Ijazah Perguruan, penubuhan dan pengurusan jawatankuasa bagi kegiatan luar kurikulum di peringkat kebangsaan dan antarabangsa ini. Di sini saya ingin mendapat penjelasan tentang kuasa menteri ini di dalam penganugerahan Ijazah Perguruan.

Apa maksud yang sebenarnya kuasa penuh diberikan kepada menteri itu dan adakah ada satu standard piawaian yang diperlukan? Adakah menteri yang berkenaan itu dengan kuasa-kuasa yang ada kepadanya itu hanya dia seorang saja ataupun adakah ada satu *task force* yang khusus bagi kita melihat secara objektif tentang penganugerahan kuasa yang begitu penuh yang diberikan dalam Fasal 8 ini? Sekian, terima kasih.

4.35 ptg.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada dua perkara. Yang pertama sekali Fasal 8 (49) Akta 550 untuk memberi kuasa kepada menteri membuat peraturan-peraturan berhubung dengan penganugerahan Ijazah Perguruan, penubuhan dan pengurusan jawatankuasa dan seterusnya.

Soalan saya ialah perkara ini telah pun berlangsung iaitu pengambilan pelajar-pelajar pertama kalau tak silap saya telah pun dibuat. Bagaimana peraturan ini hendak dibuat mengikuti pengambilan itu? Ini kerana syarat-syarat perjanjian saya rasa telah masuk benda-benda yang tersebut di atas. Perkara yang kedua, saya nak balik kepada soalan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu dari mana data kita ambil yang mengatakan pegawai-pegawai JPA atau PTD seramai 3004 telah masuk ke dalam bidang perkhidmatan pendidikan. Ini adalah berdasarkan jawapan menteri nombor 165 RT 17 dalam soalan saya bertarikh pada 23 Jun 2008. Terima kasih.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kawalan kurikulum tadika ataupun prasekolah. Jadi adakah pihak kementerian bercadang untuk menyelaraskan daripada segi latihan guru tadika ini. Maknanya adakah mereka juga perlu memasuki satu institusi pendidikan juga sebelum menjadi seorang guru. Terima kasih.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin minta penjelasan dengan klausa 6 yang dipinda untuk menggantikan perkataan 'memaklumkan' kepada 'mendapat kelulusan bertulis'. Adakah ini satu percubaan oleh menteri untuk menyekat kurikulum yang ada sekarang di tadika-tadika kita.

Oleh sebab daripada peringkat sekolah rendah, darjah satu sehingga ke universiti semua kurikulum telah disekat dan ini telah membuatkan sistem pelajaran kita mundur. Jadi adakah sekarang ini menteri nak pergi ke tahap tadika pula, nak sekat perkembangan pelajaran di sana. Saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Okey, menteri boleh jawab.

4.38 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dato' Razali bin Ismail]: Terima kasih. Yang pertama Yang Berhormat Kepong ya. Lama tak nampak, rindu pada Yang Berhormat Kepong. Terima kasih di atas persoalan yang telah diberi tadi. Yang pertamanya yang ditanya oleh Yang Berhormat Kepong tadi ialah tentang bagaimana keadaan guru-guru kita yang masih belum mendapat ijazah, yang belum memiliki sarjana muda.

Sebenarnya sekarang ini program-program mensarjanakan ataupun memberi latihan dan pendidikan untuk mendapat sarjana muda sedang berjalan yang dianjurkan oleh IPG mahupun dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi sendiri iaitu melalui OUM - Open Universiti Malaysia . Kalau tak silap saya, sekarang ini sudah hampir 20,000 orang yang sedang menjalani program latihan secara PJJ dan juga pada November ini, satu pengambilan akan dibuat oleh IPG sendiri; di mana IPG akan mengadakan program iaitu program KDC untuk melatih guru-guru dalam perkhidmatan untuk mendapat ijazah sarjana muda dalam pendidikan itu.

Yang kedua tadi ialah tentang penghormatan guru. Memang ini adalah merupakan satu kata kunci yang penting kepada seorang guru. Mereka perlu mendapatkan penghormatan sama ada daripada rakan sebayanya sendiri ataupun daripada khalayak keluarga ibu bapa mahupun daripada murid. Sebab itulah saya sebut tadi, dalam kita mereka kurikulum bahagian pendidikan guru, penekanan kepada aspek sahsiah guru itu adalah merupakan satu perkara yang tidak boleh kita mengambil mudah. Malah saya telah huraikan tadi, kita ada program apa yang disebut sebagai 'Bina Insan Guru' dan kita harus sedar bahawa ada guru-guru kita yang berkhidmat di luar bandar yang tidak pernah kita memberi penghormatan *but the are the Unsung Heroes*.

■ 1640

Guru-guru tidak pernah kita syairkan, mereka berada di luar bandar dan mereka berkhidmat dengan cukup baik sekali. Saya pernah bersua dengan guru yang pernah bertugas di Pensiangan, di Salinatan. Agak jauh di pedalaman. Mereka sentiasa dirindui oleh orang-orang kampung di situ di atas sifat kepimpinannya menjaga dan mendidik anak-anak, menjaga kebersihan dan membina disiplin anak-anak di kampung yang cukup terpencil itu.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *Mic...mic...*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Susah sedikit, *mic* kerana cuaca yang berubah sedikit, *mic* tidak kenalah. *[Ketawa]* Yang Berhormat Kota Tinggi pun tahulah itu. Walaupun tidak boleh tahankan Batu Puteh, tidak apalah. *[Ketawa]* Saya gembira kerana Yang Berhormat mengambil perhatian mengenai masalah guru tidak dihormati. Mungkin Yang Berhormat dapat mengkaji bagaimana kita melantik guru-guru besar dan pengetua. Kalau kita boleh melantik guru-guru besar yang layak kerana merekalah yang penting. Sebab saya ada dengar tetapi saya tidak ada bukti. Beberapa tahun saya dengar bahawa pelantikan guru itu bukan semestinya berdasarkan

kebolehan, kemampuan, kelayakan dan sebagainya. Mungkin melalui faktor yang lain. Yang Berhormat mempunyai peluang untuk mengkaji apakah yang boleh kita buat untuk memperbaiki cara-cara melantik guru besar dan juga pengetua. Kerana kalau kita ada guru besar yang berkaliber tinggi dan pengetua yang baik, ini salah satu faktor yang boleh memupuk penghormatan kepada para guru. Tambah pula tidak nampak saya kerana saya mewakili Dewan ini ke Singapura. Yang Berhormat Kota Tinggi pun tahulah setiap tahun kita ada AIPA, ASEAN Inter Parliamentary Assembly, itu yang penting. Kita pun berharaplah. Dia cakap itu saya tidak muncul di sini. Itu masalah. Itu jawapan kepada itu. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Sila...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya pun berharaplah, Tuan Pengerusi boleh melantik Ahli-ahli Parlimen yang baik untuk mewakili negara dan untuk mengemukakan imej yang baik.

Dato' Razali bin Ismail: Ya. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong iaitu keprihatinannya untuk melihat bahawa kepimpinan sekolah itu sendiri untuk mendapat latihan-latihan dia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kita ada mekanisme yang sedang kita lakukan. Yang pertama adalah yang disebut sebagai NPQH, *National Professional Qualification of Headship*. Ini adalah satu model untuk kita melatih guru-guru besar kita atau pengetua-petgetua kita secara profesional yang dijalankan sehingga ke peringkat mereka mencapai sarjana dari segi kepimpinan sekolah. Ini adalah merupakan satu sistem yang telah *diinstall* dalam Kementerian Pelajaran yang menjalani program di IAB, Institut Aminuddin Baki, kemudian mereka akan melanjutkan pengajian itu di universiti pula yang kita ada hubungan kita itu terutamanya dengan Universiti Malaya dalam usaha kita melahirkan guru besar yang benar-benar mempunyai kewibawaan dari segi kepimpinan sekolah supaya mereka dapat membentuk etos dan juga *mode* sekolah dan *tone* sekolah sebaik mungkin.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *Mic...mic*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu cuaca tidak baik lagi. *[Ketawa]* Ya. Itu hujan di luar dan Tuan Pengerusi, yang penting sekali selepas dilantik kita adakan kursus seumpama ini memang baik. Tetapi sebelum dilantik sebab saya diberitahu bahawa ada sesetengah itu dia ada rasuah sebelum dilantik sebagai guru besar atau pengetua dia mesti ada penyelewengan sedikit, tetapi saya tidak ada bukti. Cuma dengar cerita sahaja dan mungkin Yang Berhormat dapat mengkaji sama ada kita boleh mengelakkan hal-hal seumpama ini sama ada dakwaan ini benar ataupun tidak supaya apabila kita lantik, kena lantik calon-calon yang memang layak, memang berkaliber dan kemudian kita bagi dia latihan seumpama seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Pengerusi, di atas...

Dato' Razali bin Ismail: Yang Berhormat...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Di atas perkara yang sama.

Dato' Razali bin Ismail: Ya?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Izinkan saya tambah...

Dato' Razali bin Ismail: Sekejap saya hendak menjawab dahulu ya.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Perkara yang sama, pelantikan guru besar. Terima kasih timbalan menteri. Saya cuma ingin mengetahui sejauh manakah penilaian *peer* ataupun rakan sebaya ataupun guru-guru di dalam satu sekolah di dalam memilih calon guru besar itu sendiri, terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Yang Berhormat Kepong tadi. Program NPQH itu *National Professional Qualification of Headship*, mereka ini bukan akan ditawarkan secara automatik sebagai pengetua ataupun guru besar. Mereka dikenal pasti melalui satu sistem mencari tokoh-tokoh muda yang mempunyai kewibawaan yang akan menjadi pemimpin di sekolah. Kemudian setelah mereka dilatih itu, dan apabila mereka benar-benar yang dikatakan sebagai mempunyai kewibawaan dan ada *authority* dan berdasarkan kepada kekosongan di sekolah, maka mereka baru dilantik. Ertinya kita ada stok untuk memilih pemimpin guru yang terbaik untuk memimpin sekolah. Memang pun untuk maklumat Kota Raja, bahawa guru-guru yang akan dipilih untuk kursus kepimpinan ini, dikenal pasti juga berdasarkan kepada maklumat-maklumat daripada rakan-rakan di sekolah dan juga daripada Jemaah Nazir yang membuat pemantauan dan memberi maklumat tentang latar belakang guru-guru ini.

Di mana mereka dikirakan sebagai mempunyai kelayakan dan ada keistimewaan mereka untuk memimpin sekolah. Seterusnya Yang Berhormat Kepong tadi bertanya soal kurikulum. Saya huraikan awal tadi bahawa kurikulum IPG sekarang ini adalah kurikulum yang kita sepakati, kita bina bersama dengan kerjasama *expert* daripada IPTA-IPTA kita termasuk juga IPTS. Di mana kita mengadakan *precouncil*, kita mengadakan sesi perundingan bagaimana hendak membina rangka bentuk kurikulum yang akan diguna pakai di IPG. Ertinya ada kesepakatan supaya satu lagi itu *pathway* kepada guru-guru yang mengikuti program di IPG supaya mereka dapat laluan *dengan* di peringkat yang lebih tinggi di universiti-universiti.

Tadi juga telah disebut tentang universiti, apakah IPG kita ini boleh melangkah ke hadapan? Setakat ini untuk maklumat Yang Berhormat, kita sudah ada satu permuafakatan, *gentleman understanding* di antara IPG dengan IPTA. IPG akan memberi fokus kepada pengeluaran guru-guru untuk mengajar di sekolah rendah setakat ini dan universiti sekarang itu pula memberi fokus untuk melatih guru-guru untuk sekolah menengah dan juga memberi fokus kepada *research and development* peringkat sarjana dan peringkat PhD. Itu adalah merupakan permuafakatan yang telah dicapai di antara Kementerian Pelajaran dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Yakni kita ada kita punya *domain area* pengkhususan kita. Jadi soal masa hadapan itu ini adalah merupakan satu *the way forward* yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kepong.

Satu pandangan yang baik juga. lebih-lebih lagi kalau kita lihat sekarang ini, IPG ini dengan hampir 30,000 orang pelajar yang ada di kampus ini, *this is the biggest faculty of education*. Mereka ini semuanya pengkhususan dalam bidang perguruan. Mereka akan keluar dan menjadi guru. Di universiti paling ramai barangkali mereka ada 400-300 orang. *So this is the biggest faculty of education*. Ini merupakan perkara yang diapungkan oleh Yang Berhormat Kepong. Mungkin satu masa akan datang akan berlaku satu peranjakan untuk IPG ini menjadi sebuah institusi yang lebih mewah dan hebat lagi. Tetapi setakat ini kita punya *nomenclature* kita sebut sebagai Institut Pendidikan Guru, meskipun sebagai institut, tetapi ia masih mempunyai kelayakan untuk menganugerahkan apa yang disebut tadi ijazah perguruan.

■ 1650

Kemudian seterusnya tadi tentang penilaian yang disebut oleh Yang Berhormat Kepong juga. Memang aspek penilaian adalah merupakan aspek yang penting untuk kita memastikan bahawa guru-guru yang kita lahirkan ini melalui satu proses penilaian. Bukan sahaja secara *at the end of the cost, summative evaluation* tetapi ia juga adalah merupakan satu penilaian yang dibuat dalam proses itu sendiri, *a formative evaluation*. Ertinya sekarang ini kita boleh kesan tatkala awal lagi di manakah perlu ditokok tambah, sama ada dari segi keterampilan pedagogik, dari segi keterampilan *content knowledge* dia kah, dari segi pembinaan sikapnya. Maka ini adalah merupakan sesuatu yang cukup global sifat penilaiannya.

Ini adalah bertepatan dengan sistem penaksiran yang baru yang hendak dibina di Kementerian Pelajaran sekarang ini. Malah dalam salah satu pindaan kita itu bahawa Kementerian Pelajaran, menteri akan dapat menentukan kaedah dan cara murid dinilai dan taraf yang hendak dicapai, proses *grading* ini. Ini adalah merupakan satu penambahbaikan kepada usaha-usaha dalam pembaikan dan lonjakan kecemerlangan pendidikan di Kementerian Pelajaran. Yang Berhormat Pasir Mas tadi bertanya tentang fasal 3...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata IPG bertanggungjawab melatih guru lebih 8,000 sekolah rendah. Kemudian daripada IPTA dia latih untuk sekolah menengah lebih 2,000. Macam mana kita dapat berbuat demikian kerana kedua-dua institusi itu menganugerahkan ijazah juga. Apakah perbezaannya? Adakah ini bermakna IPG ini tidak akan dinaikkan taraf kepada universiti kerana IPTA itu sudah memainkan peranan itu? Apa yang disebutkan itu memang ke arah dwi sistemlah, satu sistem untuk IPG dan satu sistem untuk IPTA, bagi melatih guru kepada sekolah rendah dan kepada sekolah menengah.

Dato' Razali bin Ismail: Saya telah terangkan panjang lebar awal tadi, barangkali Yang Berhormat tidak ada di situ. Saya telah sebut bahawa ada permuafakatan, pertemuan berkala di antara kedua-dua kementerian ini untuk memastikan keselarasan dari segi kedua-dua kementerian dalam kita melahirkan guru kita ini. Malah penggubalan kurikulum kita pun dibuat secara bersama. Satu lagi yang perlu kita beri pertimbangan bahawa IPTA adalah merupakan

institusi badan berkanun dan IPG ini diletak terus di bawah Kementerian Pelajaran sebagai salah satu institusi pendidikan Kementerian Pelajaran. Jadi dia dua entiti yang berbeza.

Setakat ini memang saya sebut tadi itu IPG memainkan peranannya untuk guru-guru sekolah rendah. Bagi sekolah menengah pula, IPT-IPT memainkan peranan untuk mengeluarkan guru-guru sekolah menengah. Bagaimanapun unjuran dibuat secara bersama supaya tidak berlaku lambakan, supaya tidak berlaku *wastage* tenaga yang akan dikeluarkan. Ini adalah merupakan permuafakatan dan keakraban di antara dua kementerian, Kementerian Pengajian Tinggi dan juga dengan Kementerian Pelajaran.

Seterusnya saya ingin menjawab iaitu Yang Berhormat Pasir Mas tadi tentang kurikulum agama dan juga tentang konsep tatanegara. Terima kasih. Ini adalah merupakan satu pandangan dalam usaha kita mempersiapkan guru kita. Dalam aspek tatanegara ini memang jelas terdapat dalam kurikulum pendidikan guru kita iaitu di bawah pendidikan di Malaysia. Unsur-unsur ketatanegaraan, unsur-unsur elemen-elemen berhubung dengan dasar perkembangan sejarah budaya. Juga baru-baru ini kita sudah mengadakan satu kerjasama kita dengan UKM khususnya dengan ATMA iaitu Akademi Tamadun Alam Melayu untuk sama-sama kita menyuntik elemen-elemen serupa ini dan ia dibuat sama ada dengan kuliah-kuliah disampaikan secara berkala di 27 IPG oleh pihak UKM dan ATMA ini. Kita juga mengadakan banyak kerjasama kita dengan agensi-agensi yang lain dalam usaha kita memupuk rasa cintakan negara, rasa kekitaan.

Selain daripada itu juga, kurikulum agama. Memang kita ada pengkhususan agama untuk kita memastikan nilai keagamaan ini dimiliki oleh pelajar-pelajar, guru kita ini. Ini juga dalam konteks kita menepati apa yang disebut sebagai standard guru Malaysia yang mempunyai nilai-nilai keagamaan yang kukuh.

Yang Berhormat Kubang Kerian tadi menyebut tentang fasal 6 berhubung dengan masa meluluskan dan penilaian yang dibuat ke atas kurikulum tambahan dan apakah mekanismenya. Memang Kementerian Pelajaran harus membentuk satu jawatankuasa untuk menilai tentang kurikulum tambahan yang sekarang ini perlu mendapat restu daripada pihak menteri ataupun daripada pihak ketua pendaftar. Kita perlu ada mekanisme kita dan kita sebenarnya tidak mempunyai hajat untuk kita mengehendkan kreativiti. Cuma sekarang ini kita hendak memastikan keseragaman dan juga memberi faedah kepada pendidikan awal kanak-kanak ini. Lebih-lebih lagi pendidikan pra sekolah ini adalah merupakan *head start program* dengan izin, peringkat awal.

Jadi kita dengan segala *expertise* yang ada di Kementerian Pelajaran ini, terutamanya daripada pihak perkembangan kurikulum yang mengawal kurikulum sekolah-sekolah kita ini termasuk juga di sekolah-sekolah SABK, sekolah-sekolah swasta dan semua macam lagi, mereka tahu. Sekarang ini adalah merupakan satu cara kita untuk kita memastikan bahawa bahagian perkembangan kurikulum dapat melakukan pemantauan yang lebih terperinci tetapi kita

sebenarnya tidak mempunyai niat untuk kita mengehadkan dan membataskan kreativiti demi kebaikan pelajar dan anak-anak kita.

Selain daripada itu juga ialah berhubung dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Sik tadi iaitu tentang peranan yang harus dimainkan oleh menteri dalam usaha menentukan batas-batas dan hak-hak tertentu. Sebenarnya menteri juga ada keterbatasannya. Menteri melaksanakan sesuatu berdasarkan kepada akta-akta yang diluluskan di Parlimen ini. Matlamat akhir ataupun *authority* yang terakhir dari segi kuasa menteri itu kita yang berada di Dewan ini untuk memberi had dan batasnya. Maka saya kira tidak sewenang-wenangnya menteri akan melakukan sesuatu yang di luar. Lebih-lebih lagi kita ada jawatankuasa-jawatankuasa penasihat yang terdiri dari pelbagai agensi kerajaan sama ada di kementerian ataupun daripada rakan-rakan Kabinet yang lain.

Yang Berhormat Hulu Langat tadi juga bertanya tentang perkara yang sama saya kira iaitu tentang kawalan ke atas pra sekolah dan juga satu lagi tentang latihan guru. Memang sekarang ini Kementerian Pelajaran melatih guru-guru untuk kita menerima guru-guru kita sekarang ini yang mengajar di sekolah pra, di sekolah-sekolah kerajaan kita sekarang pun adalah lulusan daripada universiti. Ini adalah merupakan satu perubahan yang baru yang berlaku dalam sistem pendidikan kita yakni guru-guru berijazah sudah pun boleh mengajar. Kita juga faham sekarang ini beberapa institusi pengajian swasta, UPSI, UPM juga mengendalikan kursus-kursus ataupun program-program sarjana muda *pre-school* - pra sekolah, untuk melatih guru-guru untuk mengajar di pra sekolah.

Kemudian seterusnya akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Telok Intan tadi mengenai kurikulum kenapa ia memerlukan kepada yang bertulis ini. Yang Berhormat, saya kira ini adalah merupakan keadaan kaedah yang terbaik untuk kita memastikan ia tidak berlaku secara sewenang-wenangnya dan jawatankuasa dari segi pemandu, pemantauan dan juga daripada standard-standard tertentu ke atas kurikulum tambahan ini perlu dibuat dari masa ke semasa, tidak ia berlaku dengan sewenang-wenangnya sebab itu dia perlu dengan tatacara yang tertentu untuk kita meluluskan sesuatu kurikulum tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1700

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KENAF
DAN TEMBAKAU NEGARA 2008**

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis ." **[19 Ogos 2008]**

Tuan Pengerusi: Minta Yang Berhormat Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, bolehkah kita mengambil bahagian dalam perbahasan ini? Tuan Pengerusi, saya ingin *remind* lah ataupun bawakan fasal 1.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Wangsa Maju, sekarang peringkat menteri menjawab.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Belum lagi sebab hari itu Tuan Pengerusi, kita masih bahas daripada fasal 1 hingga 12.

Tuan Pengerusi: Ya, pada ketika itu Yang Berhormat Menteri yang menyambung perbahasan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No, no.* Yang Berhormat Menteri tarik balik oleh kerana dia mahu kaji fasal 12 ini semasa perbahasan itu. Ini adalah perkara yang penting oleh kerana kerajaan kita telah...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Wangsa Maju, sekarang ini Yang Berhormat Menteri yang menyambung.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dia tarik balik sebab dia mahu kaji semula, *amendment* fasal 12.

5.03 ptg.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Pengerusi, kalau saya tidak silap...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Memang silap.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Saya tidak silap. Tuan Pengerusi boleh buat *ruling*. Pada hari Selasa, saya minta satu pertanggunghan diberikan kepada saya untuk membentangkan pindaan-pindaan yang diperlukan atas perbahasan yang saya dengar dalam Dewan yang mulia ini. Pada masa itu Dewan yang mulia ini pun ditangguhkan sebab Tuan Pengerusi bersetuju dengan permohonan saya iaitu perbahasan itu ditangguhkan supaya saya dapat membentangkan pindaan pada petang ini.

Saya rasa sekaranglah masa untuk saya mencadangkan pindaan-pindaan yang diperlukan.

Tuan Pengerusi: Itulah makanya Yang Berhormat Menteri, saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menyambung. Selepas itu, apa nanti yang hendak dibahas oleh Yang Berhormat nanti baru boleh.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi, pada hari itu...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Wangsa Maju, bagi Yang Berhormat Menteri bentang dahulu.

Tuan Pengerusi: Dia sekarang ini menarik balik pada ketika itu. Selepas itu terpaksa Yang Berhormat Menteri dulu bentang balik apa yang dia mahu bentangkan itu apabila kita tangguhkan. Tidak perlulah Yang Berhormat bercakap lagi.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Mahu bahas apa kalau tidak bentang.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Okey, okey. Dia mesti kasi kita peluang untuk bahas fasal 1 hingga 12. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Pengerusi, saya tidak faham apa sebab kita kena bahaskan lagi fasal 1 hingga 11. Saya rasa itu sudah dibahaskan dan saya pun jawablah. Akan tetapi sekarang kita mahu bahas tentang fasal 12 di mana saya ada satu pindaan. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin memohon untuk mencadangkan pindaan terhadap fasal 12 iaitu baris sebelas selepas perkataan "perbuatan" untuk memotong, ",", dan ikutnya perkataan "keabaiian" dan "keingkaran" sahaja. Ini bermakna baris sebelas itu akan berbunyi seperti ini. "*Berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau...*". Itulah pindaan yang saya ingin cadangkan. Ini atas perbahasan yang saya dapati daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada cadangan-cadangan yang saya dapati daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bahas tentang perkara itu. Atas sebab itulah saya mendapatkan satu perbincangan dengan pihak AG dan kita setuju bahawa perkataan "keabaiian" dan "keingkaran" itu perlu dipotong daripada baris itu dan sebab itu huraian yang saya ingin sebutkan di sini ialah dengan adanya dua perkataan yang dipotong daripada baris itu, maka fasal 12 itu adalah satu fasal yang selaras dengan fasal-fasal dalam akta-akta yang lain di mana pihak pegawai kerajaan diberi perlindungan yang secukupnya. Akan tetapi pada masa yang sama, kalaulah ada sifat-sifat yang berkaitan dengan keabaiian dan keingkaran, maka itulah perkara-perkara yang tidak dimasukkan dalam fasal 12 di mana perlindungan itu akan berkuat kuasa.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi sekarang ini terbuka untuk dibahas.

■ 1710

5.10 ptg.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa pindaan yang dicadangkan oleh menteri ini tidak berapa wajarlah oleh kerana dalam fasal 12 ini, kenapakah kita mesti memberi perlindungan kepada orang yang bukan pegawai kerajaan? Apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri mengatakan, fasal 12 ini untuk perlindungan kepada pegawai kerajaan. Itu kita setuju kalau perlindungan itu diberikan kepada pegawai kerajaan.

Namun, dalam perkara ini anggota lembaga kalau kita balik kepada fasal 6, anggota-anggota ini termasuk fasal 6 (i)(1) - seorang wakil daripada pengilang tembakau. Kenapakah fasal ini perlu memberi perlindungan kepada pengilang tembakau (*tobacco industries*)? Sedangkan, kerajaan sudah menandatangani *WHO Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC). Di sini FCTC ini telah ditandatangani oleh Menteri Kesihatan pada masa itu Yang Berhormat Dato' Chua Jui Meng pada tahun 2003 dan juga pada bulan September 2005, Perdana Menteri sendiri telah mendepositkan dengan izin *the tools of ratification* ataupun *the UN Headquarters in New York* pada masa itu.

Kalau kita lihat daripada FCTC ini Tuan Pengerusi, objektif di fasal artikel tiga FCTC berbunyi begini;

"The objective of this convention and its protocol is to protect present and future generation from the devastate in health, social, environmental and economic consequences to tobacco consensual and exposal to tobacco smoke by the providing frame work for tobacco control maintain to be plummeted by the parties and the national, regional and international level in order to reduce to continually and substantially prevalent of tobacco use and exposes of tobacco smoke".

Kita telah menandatangani ini juga dan juga *article 36* bawah FCTC juga yang mengatakan, *article 36 – Entry into Force*:

- (i) *This Convention shall enter into force on the ninetieth day following the date of deposit of the fortieth instrument of ratification, acceptance, approval, formal confirmation or accession with the Depositary; and*
- (ii) *For each State that ratifies, accepts or approves the Convention or accedes thereto after the conditions set out in paragraph 1 of this Article for entry into force have fulfilled, the Convention shall enter into force on the ninetieth day following the date of deposit of its instrument of ratification, acceptance, approval or accession"*

Tuan Pengerusi, FCTC ini telah ditandatangani oleh Menteri Kesihatan pada tahun 2003 dan juga September 2005 telah *directive* dengan izin, oleh Perdana Menteri sendiri. FCTC ini di

bawah *World Health Organization* untuk apa? Untuk mengawal *tobacco* dan juga FCTC ini juga untuk...

Tuan Pengerusi: Ini, Yang Berhormat Wangsa Maju, duduk sekejap. Saya mahu bercakap sedikit.

Sepanjang ingatan saya, peringkat ini adalah peringkat jawatankuasa. Yang disebut tadi oleh Yang Berhormat itu adalah peringkat dasar. Yang dipertikaikan pada ketika itu ialah seksyen 12 dan seksyen 13 mengenai dengan dua perkara yang di bantah sekeras-kerasnya oleh Yang Berhormat Subang iaitu perkataan, "*keabaian dan keingkaran*".

Maka, pada tengah hari pada ketika itu, menteri berkenaan bersetuju supaya dua perkataan itu digugurkan. Apa yang disebutkan oleh menteri tadi itu, membentangkan pindaan dua perkataan yang digugurkan itu. Cuma itu sahaja. Yang daripada peringkat Yang Berhormat sebutkan tadi itu sudah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ramai sebelum itu.

Jadi, sekarang ini peringkat jawatankuasa untuk kita berbahas mengenai dengan soal keterperincian, *details*. Saya rasa itu Yang Berhormat tidak relevanlah. Kecuali Yang Berhormat membantah, "*keabaian dan keingkaran*" itu. Yang dua perkataan tadi yang digugurkan itu desakan daripada pihak yang sebelah di sini. Sepanjang ingatan sayalah...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi, tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, beliau sendiri mengatakan, ini perlu, seksyen 12 ini perlu memberi perlindungan kepada pegawai...

Tuan Pengerusi: Dia cuma memberi...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Kerajaan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, duduk dulu Ahli Yang Berhormat. Dia cuma memberi gambaran balik. Iaitu seksyen 12 dan seksyen 13 bahawa di sini menurut Ahli Yang Berhormat pada ketika itu ada percanggahan kerana itu adalah *total protection*. Menurut mereka, perkataan "*keabaian dan keingkaran*" itu *inconsistent* dengan objektif seksyen 12 iaitu macam mana mereka mengatakan bahawa dengan "*suci hati, ikhlas*" itu apabila membuat sesuatu perkara dan ada pula perkataan "Keabaian dan Keingkaran" di situ. Kalau kita "*ingkar dan abai*", mana pula mereka mengatakan bahawa itu adalah dengan tindakan suci hati.

Maka itu, menteri pada ketika itu bersetuju dengan pendapat mereka, maka itulah, menteri ini membuat sekarang ini pindahan kepada itu dan cuma itu sahaja. Menteri ini sekarang ini mahu minta supaya itu juga digugurkan dua perkataan atas saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat pada ketika itu. Kalau tak silap sayalah.

Jadi, kalau apabila Yang Berhormat lagi berbahas dengan soal FCTC, itu sudah dalam peringkat dasar yang banyak diperkatakan sebelum pun kita pergi kepada peringkat jawatankuasa.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi, saya rasa pada masa ini kita mesti ada peluang untuk berbahas.

Tuan Pengerusi: Itu tidak boleh. Fasal itu...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Berbahas...

Tuan Pengerusi: ...Dalam jawatankuasa sudah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Fasal 12.

Tuan Pengerusi: Yang ini sudah peringkat jawatankuasa, mengenai dengan perincian.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, memang itu fasal 12. Kita mengambil...

Tuan Pengerusi: Saya tahu fasal 12 tapi kita tidak boleh masukkan perkara-perkara yang dasar.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Bukan! Kita sekarang ini mengatakan keguguran kedua-dua perkataan ini tidak cukup. Kita masih berbahas dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi: Okey, sila bahaskan kepada perkara perincian.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, kita katakan...

Tuan Pengerusi: Maka teruskan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Keguguran perkataan "*Keabaian* dan *Keingkaran*" ini tidak cukup. Oleh kerana, seksyen 12 ini masih memberi perlindungan kepada semua anggota, termasuk anggota perkilangan dan tembakau. Itu yang penting.

Kita boleh bahas, kita sekarang dalam peringkat ini, kita kena terperinci. Kata kita tak cukup. Keguguran dekat dua perkataan ini kerana fasal 12 ini masih memberi perlindungan kepada pengilang tembakau. Yang itu yang penting dan juga oleh kerana, fasal 12 ini dan dengan keguguran kedua-dua perkataan ini masih bercanggah dengan FCTC. *Principle* FCTC ini.

Ini yang penting Tuan Pengerusi. Bukannya kita hendak katakan seksyen 12 ini, baik pada masa ini oleh kerana keguguran dua perkataan itu.

Datuk Peter Chin Fah Kui: [*Bangun*]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kedudukan saya, mengatakan bahawa dua perkataan ini walaupun digugurkan...

Tuan Pengerusi: Tak apa Yang Berhormat. Siapkan dia dulu lepas itu Yang Berhormat boleh...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, nantilah.

Tuan Pengerusi: ...Jawab. Lepas itu nanti...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Nanti!

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Pengerusi, saya hendak jelaskan sedikit.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tiada penjelasan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sebab dia ada salah faham sedikit.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dia hendak minta penjelasan daripada saya.

Tuan Pengerusi: Duduk dulu.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, Yang Berhormat Wangsa Maju...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sila, sila beri penjelasan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Perlindungan Yang Berhormat, *under* seksyen, bawah fasal 12 ini adalah bagi anggota lembaga, okey! Juga, pegawai yang diberi kuasa. Ini sahaja!

■1720

Anggota-anggota dalam tafsiran Tuan Pengerusi, dalam akta ini tafsirannya itu fasal 2, muka surat 8 itu –

“anggota” ertinya seorang anggota Lembaga dan termasuk anggota silih ganti dan

“pegawai diberi kuasa” ertinya –

(a) seorang pegawai Lembaga atau pegawai awam yang diberi kuasa di bawah seksyen 54;

(b) seorang pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada pangkat inspektor; dan

(c) seorang pegawai kastam sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Kastam”.

Itu sahaja, inilah pegawai-pegawai yang kita sebut dalam fasal 12 ini yang diberi perlindungan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Menteri saya faham itu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Wangsa Maju cuba untuk hujahkan ini adalah seharusnya di hujah sewaktu peringkat dasar.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi, saya sekarang ini berbahas atas pindaan.

Tuan Pengerusi: Pindaan ini dua sahaja...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dua sahaja...

Tuan Pengerusi: ‘Pengabaian’ dan ‘keingkaran’ itu. Adakah bersetuju dengan itu atau tidak? Itu sahaja.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sekarang ini saya tidak bersetuju sebab itu saya hendak beri penjelasan sahaja....

Tuan Pengerusi: Cakap sahaja tidak bersetuju. Lepas itu biar menteri nanti menjawab.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No*, sekarang ini dia minta penjelasan daripada saya, saya hendak beri penjelasan sekarang, sekarang saya sudah beri tahu Yang Berhormat Menteri tadi dia tanya...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mana ada setuju tidak setuju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dia pun ada mengatakan gantung keanggotaan. Itu yang saya sebut. Keanggotaan di bawah fasal 6(i)(i) ‘seorang pengilang tembakau’ yang itu kita

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat Wangsa Maju cuba duduk dulu Yang Berhormat. Cuba saya kasi penerangan lagi mungkin tidak jelas.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi tidak kasi peluang sahaja saya hendak bahas.

Tuan Pengerusi: Yang sekarang Ahli Yang Berhormat Menteri berdiri tadi untuk minta pindaan daripada hari itu dia tidak sambung tengah hari ialah untuk menggugurkan dua perkataan pada seksyen 12. Ini yang dibincangkan sekarang iaitu 'keabaihan' dan 'keingkaran'. Menteri mahu menggugurkan dua perkataan ini. Ini yang sedang dibahaskan sekarang, itu sahaja.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Kalau Yang Berhormat setuju bermakna setuju, kalau tidak bagi sahaja saya tidak setuju dengan ini selepas itu ada lagi Ahli Yang Berhormat yang mahu berbahas mengenai dengan dua perkataan itu baru dia menjawab, baru kita mengundi nanti lagi. Kepada pindaan ini disetujui atau tidak.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi, kita tidak boleh berdiri di sini kata kita tidak bersetuju kita duduk. Kita mesti memberi alasan. Kenapakah kita....

Tuan Pengerusi: Dua perkataan, okey alasan kepada dua perkataan iaitu 'keabaihan' dan 'keingkaran'? Spesifik?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, spesifik.

Tuan Pengerusi: Okey sekarang saya mahu dengar apa *argument* Yang Berhormat spesifik.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi saya telah mengatakan bahawa kita tidak bersetuju dengan dua perkataan ini sahaja; 'keabaihan', 'keingkaran' di dalam fasal 6 ini walaupun digugurkan tidak cukup. Oleh kerana fasal 12 ini masih memberi perlindungan kepada pengilang tembakau. Sedangkan kerajaan kita telah menandatangani di bawah...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Pengerusi: Cuba Yang Berhormat, di mana di dalam seksyen ini yang masih perlindungan kepada pengilang tembakau? Cuba.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang tadi disebut oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Bukan itu Yang Berhormat. Bukan yang disebut oleh menteri, dalam ini seksyen 12 cuba tunjukkan kepada saya bahawa....

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Wangsa Maju tidak sentuh pun perkara 12, 13 masa perbahasan yang lalu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Anggota lembaga.

Tuan Pengerusi: Anggota lembaga?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, di fasal 12(b), 'mana-mana anggota lembaga...

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dan sekarang saya menuju kepada fasal 6 di mana anggota...

Tuan Pengerusi: Macam mana pula lagi ke fasal 6 kalau fasal 12 sekarang kita bincang.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: So, di bawah 12(b) ini dia mengatakan mengenai dengan anggota lembaga dan saya mesti memberitahu Tuan Pengerusi bahawa lembaga ini termasuk pengilang tembakau. Itu yang saya sebut di sini. Kita tidak boleh katakan anggota lembaga. Kita mesti...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...terangkan...

Tuan Pengerusi: Dasar-dasar Yang Berhormat tidak ada. Kalau Yang Berhormat mahu berbahas pad ketika itu mengenai dengan soal ini awal-awal Yang Berhormat bahas. Ini peringkat jawatankuasa mengenai soal *detail*. Jadi itu saya tidak benarkan...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini soal *detail* Tuan Pengerusi. Ini soal *detail*. Saya ingin menyatakan bahawa itu 'keguguran', 'keabaihan' dan 'keingkaran' ini tidak cukup oleh kerana masih memberi perlindungan kepada anggota lembaga termasuk pengilang tembakau. Sedangkan kerajaan...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Pengerusi.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...kerajaan kami telah menandatangani...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Semasa perkara 12 ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang, saya tahu Yang Berhormat Wangsa Maju tidak bangkitkan perkara ini.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya bangkit dalam itu...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak ada *you* tidak bangkitkan.

Tuan Pengerusi: Sudah Yang Berhormat punya *argument*.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dia kacau Tuan Pengerusi. Nasihatkan dia janganlah main politik. Perkara ini sangat penting mengenai dengan perkara kesihatan negara ini.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak main politik, sebab itu saya sokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Subang gugurkan dua perkataan tersebut. Saya sokong sebab masa itu...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Duduk dulu...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Wangsa Maju yang tidak bercakap bab perkara 12 ini.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dengar baik-baik.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Wangsa Maju banyak bercakap perkara 'menggalakkan', 'menggalakkan', 'menggalakkan'. Buang perkataan 'menggalakkan'.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi, saya pun tidak sebut langsung 'menggalakkan'. Yang Berhormat Batu Pahat kena tukar Yang Berhormat dari Pokok Sena kata...

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]: Tuan Pengerusi kalau minta pohon izin Tuan Pengerusi, di peringkat jawatankuasa kalau ada kita tidak bersetuju seharusnya bawa usul dan untuk diundi. Ini tidak ada usul, tidak ada apa.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: No, kita sekarang Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Bukan perbincangan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kita sekarang ini membahaskan pindaan. Kita bukan hendak buat pindaan yang baru Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pun tidak berapa faham dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Wangsa Maju...

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Yang Berhormat yang tidak faham.

Tuan Pengerusi: Duduk dulu Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Boleh duduk dulu Yang Berhormat Wangsa Maju?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Okey.

Tuan Pengerusi: Setahu sayalah apabila dalam peringkat jawatankuasa maka yang perlu dibincangkan adalah perkara-perkara yang ada kaitan dengan spesifik. Kalau pun ada ahli-ahli Yang Berhormat yang terlupa untuk berhujah pada peringkat dasar, *point* bernas tidak boleh dibawa dalam peringkat jawatankuasa. Itu adalah kelalaian Ahli Yang Berhormat.

Yang sedang sekarang dibincangkan ini ialah fasal 12 mengenai dengan pindaan kepada keguguran dua perkataan, itu sahaja. Kalau Yang Berhormat mahu berbahas, bawa lagi kita kepada peringkat dasar, itu tidak boleh Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat juga *insisting* menghabiskan masa ini, Yang Berhormat saya minta maaf Yang Berhormat. Saya tidak boleh layan lagi lebih panjang oleh kerana tidak mengikut peraturan mesyuarat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi, sekarang ini saya bahas mengenai dengan pindaan keguguran dua perkataan 'keabaihan' dan 'keingkaran' ini di mana saya mengatakan bahawa kita tidak setuju dengan itu oleh kerana tidak cukup. Saya hendak beri alasan kenapa saya tidak bersetuju. Ini kalau tidak spesifik lagi Tuan Pengerusi apa yang lagi spesifik yang kita semua tidak boleh....

Tuan Pengerusi: Okey Yang Berhormat saya *allow* lagi untuk *elaborate* apa selepas itu menteri jawab.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Tapi jangan bawa peringkat-peringkat dasar lagi, segala perjanjian, segala apa yang itu sudah peringkat dasar.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tidak Tuan Pengerusi oleh kerana kita kena tahu dulu latar belakang. Di mana kita menentang, kerajaan sendiri menentang mengenai dengan tembakau, perkara ini kita semua menentang. Oleh kerana kesihatan negara, itu yang penting.

Sekarang ini dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa fasal 12 ini keguguran ini untuk memberi perlindungan kepada pegawai kerajaan. Saya hendak bagi tahu dalam Dewan ini, kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian adalah anggota lembaga ini bukannya semua pegawai kerajaan ini termasuk swasta. Pengilang tembakau, di mana semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini dan kerajaan kita hendak *cover* supaya mereka tidak boleh menggalakkan produk-produk tembakau. Kalau kita hendak beri perlindungan kepada pengilang tembakau ini bermakna kita bersetuju dengan pengilang....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Wangsa Maju, sebelum Yang Berhormat pada ketika waktu berbahas Yang Berhormat tidak hendak bercakap. Yang Berhormat Subang ada bercakap, ramai yang sudah bercakap dengan soal ini. Yang Berhormat Titiwangsa sudah bercakap semua pun bercakap pasal soal ini. Jadi kita sudah beredar kepada peringkat jawatankuasa sekarang.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Memang kita hendak mengatakan kita tidak bersetuju dengan keguguran kedua-dua perkara ini. Itu kedudukan saya. Yang Berhormat Menteri tidak boleh jawab langsung. Dia hendak minta penjelasan daripada saya sahaja sedangkan beliau seorang menteri Tuan Pengerusi. Yang penting di sini bahawa oleh kerana kerajaan menentang *tobacco industry* oleh kerana kita menandatangani FCTC dan fasal 12 ini telah bercanggah dengan *spirit* FCTC ini Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, Selasa 26 Ogos 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.